



**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**MENGANGKAT SUMPAH:**

Tuan Paramjit Singh  
Tuan Harun bin Hassan  
Tuan Bee Yang Sek [Ruangan 2505]  
Tuan Tiong Hiew King  
Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru [Ruangan 2505]  
Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 2505]  
Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 2506]

**URUSAN MESYUARAT [Ruangan 2507]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 2508]**

**MEMILIH TIMBALAN YANG DI-PERTUA:**

Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen  
[Ruangan 2563]

## **KANDUNGANNYA—(samb.)**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985) [Ruangan 2564]

### **USUL:**

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 2619]

### **UCAPAN PENANGGUHAN:**

Kemiskinan di Desa [Ruangan 2619]

MALAYSIA

**PARLIMEN KEENAM — DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan di-Pertua, Tan Sri Datuk Ben Stephens, P.S.M., S.P.D.K.,  
B.E.M. (Dilantik)

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor, J.M.N., S.M.T., P.P.T.  
(Dilantik)

Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin  
Datu Hakim Abang Haji Mohiddeen (Sarawak)

Tuan Abdul Ghani Haji Othman (Dilantik)

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim, S.M.S., K.M.N., P.I.S.  
(Dilantik)

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif (Dilantik)

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar, A.M.N. (Dilantik)

Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, P.C.M. (Dilantik)

„ Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim (Dilantik)

Tuan Ahmad bin Othman, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K.  
(Kedah)

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said (Dilantik)

Tuan Bee Yang Sek (Kedah)

Tuan Fadzil bin Mahmood, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)

Puan Hajjah Habibah binti Abdui Ghani, K.M.N., A.M.P.,  
A.M.N., P.J.K. (Pahang)

Tuan Harun bin Hassan (Trengganu)

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim @ Hasanah Patimah  
binti Haji Mohd. Kassim, A.M.N., P.P.N., P.J.K.  
(Terengganu)

Tuan Hassan bin Nam (Dilantik)

Tuan Haji Hussein bin Ahmad (Dilantik)

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang {Negeri Sembilan}

Datuk Ishak bin Abdul Rahman, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K.  
(Pulau Pinang)

Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik)

Tuan Jaafar bin Harun (Dilantik)

Datuk James Bernard Willie, P.G.D.K. (Sabah)

Puan Sri Janaki Athi Nahappan, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)

Dato Kamaruzaman bin Ahmad (Dilantik)

Tuan Kenneth Kenyan Anak Temenggong Koh, K.M.N., J.B.S. (Sarawak)

Dato Khoo Kay Por, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)

Tuan Kuan Peng Soon @ Kuan Peng Ching (Perak)

Dato K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T. J.P. (Dilantik)

Tuan Lim Kean Siew (Dilantik)

Cik Lim Sean Lean @ Lim Hiang Nai, K.M.N (Dilantik)

Datuk Loh Fook Yen, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)

Tuan Loo Swee Mok, A.M.N., P.P.N. (Pahang)

Tuan Haji Mohamed bin Yahya, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik)

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah (Kelantan)

Tuan Mohd. Noor bin Bedah, P.J.K., P.J.B. (Perlis)

Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim (Perak)

Tuan Mohd. Yusoff @ Yusof Haji Md. Nor (Kelantan)

Tuan Nasir bin Haji Manap, A.M.N., P.J.K. (Melaka)

Puan Nen Abidah binti Abdullah, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)

Tuan Ng Ah Poi, P.P.N., J.P. (Melaka)

Tuan M.G. Pandithan (Selangor)

Tuan Paramjit Singh (Dilantik)

Dato G. Pasamanickam, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik)

Puan Rokiah @ Maimun binti Zainuddin, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)

Tan Sri C. Selvarajah, P.S.M. (Dilantik)

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)

Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar @ A.S. Dawood, (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Stephen Timothy Wan Ullok (Dilantik)

Tuan Haji Shuaib bin Lazim (Dilantik)

Tuan Tan Chang Soong, A.M.N. (Dilantik)

Tuan Tay Chee King, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)

Tuan Tiong Hiew King (DHantik)

Tuan Wong Yau Ket (Sabah)

Dato'Haji Zakaria bin Haji Yahya (Selangor)

## **DEWAN NEGARA**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

### **BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Ketua Penyunting: Yahya Manap

Penyunting Kanan: P. B. Menon

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad

### ***PEMBERITA-PEMBERITA***

Louis Yeoh Sim Ngoh

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Juliah binti Awam

Supiah binti Dewak

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Hajjah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

### **BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

## MALAYSIA

**DEWAN NEGARA**

Isnin, 29hb Julai, 1985

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA****MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Paramjit Singh.  
 Tuan Harun bin Hassan.  
 Tuan Bee Yang Sek.  
 Tuan Tiong Hiew King.  
 Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said.

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli yang baru dipilih, dilantik dan dilantik semula itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu seperti berikut:

1. Akta Syarikat (Pindaan) 1985;
2. Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985;

3. Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1985;
4. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1985;
5. Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) (Pindaan) 1985;
6. Akta Kewangan 1985;
7. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1985;
8. Akta Takaful (Pindaan) 1985;
9. Akta Perikanan 1985;
10. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985;
11. Akta Perbekalan Tambahan (1984) 1985;
12. Akta Kemajuan Petroleum (Pindaan) 1985;
13. Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1985;
14. Akta Pecen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1985;
15. Akta Hakmilik Strata 1985; dan
16. Akta Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing 1985.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"26hb Julai, 1985

Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Badan Berkanun Getah;
2. Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985);
5. Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti);
7. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) (No.2); dan
8. Rang Undang-undang Pencen (Pindaan).

Yang Ikhlas,

Tandatangan:

Yang di-Pertua Dewan Rakyat"

#### URUSAN MESYUARAT

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan mencadangkan Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya dalam mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Badan Berkanun Getah;
2. Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) (Pindaan);

3. Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985);
5. Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti);
7. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) (No.2); dan
8. Rang Undang-undang Pencen (Pindaan).

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

#### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

#### KESATUAN SEKERJA — TUNTUTAN KENAIKAN GAJI

**1. Puan Sri Janaki Athi Nahappan** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa memandangkan keadaan sekarang di mana persatuan-persatuan pekerja seringkali menuntut kenaikan gaji sama ada Kerajaan bersetuju untuk melantik satu Suruhanjaya Penyiasat untuk mengkaji masalah ini dengan mendalam dan jika tidak nyatakan tindakan Kerajaan akan ambil untuk mengatasi masalah ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum merasa perlu mencajangkan untuk dilantik satu Suruhanjaya Penyiasat Mengkaji Tuntutan Kenaikan Gaji Kakitangan Kerajaan. Sebenarnya tuntutan-tuntutan yang telah dibuat oleh pihak pekerja telah pun dikaji oleh Kerajaan dan keputusan telah pun dibuat berdasarkan kepada kemampuan kewangan negara.

**Tuan Hajl Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan kita ini mempunyai dasar setiap 5 tahun sekali menyemak gaji kakitangan kita di sektor awam, sebab ini telah disebut-sebutkan oleh pihak-pihak yang menuntut mengatakan gaji ini patut disemak setiap 5 tahun sekali.



**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, dasar hendak menyemak 5 tahun sekali ini tidak ada. Apa yang dikatakan ialah kajtan mengenai kemungkinan penyemakan itu memang ada, kajian untuk kemungkinan menyemak. Itu sahaja.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, setelah Kerajaan mengumumkan perubahan gaji maka kesatuan sekerja telah membuat rayuan. Adakah pihak Kerajaan memandang rayuan daripada pihak CUEPACS atau kesatuan sekerja itu berpatutan di atas permohonan mereka itu?

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, isu sama ada patut atau tidak patut itu tidak timbul. Sebenarnya isu sama ada pihak pekerja menerima atau tidak menerima keputusan yang telah dibuat itu juga tidak timbul sama sekali.

Keputusan Kerajaan yang telah diumumkan itu bukanlah merupakan satu tawaran kepada pihak pekerja oleh kerana masalah quantum gaji bukanlah satu perkara yang boleh dirundingkan secara tawar-menawar seperti yang berlaku di sektor swasta. Inilah juga satu sebabnya kenapa umpamanya memorandum tuntutan gaji ini telah tidak dibawa ke mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan di bawah Pekliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1979.

Perkara tuntutan gaji ini adalah terkeluar daripada bidang tugas Majlis Bersama Kebangsaan di bawah Pekliling Perkhidmatan yang tersebut itu. Jadi, masalah tawar-menawar tidaklah timbul dalam hal ini.

#### **PENSYARAH ITM/GURU KATEGORI DI — SEMAKAN GAJI**

2. **Tuan Ng Ah Poi** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dalam semakan gaji kakitangan Kerajaan baru-baru ini, timbul beberapa anomali, terutama sekali pensyarah di ITM diberi tanggagaji Ali selepas lima tahun perkhidmatan, tetapi guru DI yang mempunyai kelulusan akademik yang sama dan menjalankan tugas lebih kurang sama pula tidak diberi tanggagaji yang sama.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, pelarasan gaji kakitangan Kerajaan yang telah diluluskan oleh Kerajaan baru-baru ini untuk memberi kenaikan sebanyak \$15, \$25 dan \$35 kepada kakitangan dalam Kumpulan C dan D tidak menimbulkan apa-apa anomali.

Mengenai kedudukan soal tanggagaji pensyarah ITM adalah soal yang berasingan dan tidak ada kaitan dengan pelarasan gaji bagi Kumpulan C dan D. Pensyarah di ITM dan guru kategori DI perlu diterangkan di sini bahawa skim perkhidmatan pensyarah ITM dan guru kategori DI adalah dua skim perkhidmatan yang berbeza.

Skim perkhidmatan pensyarah ITM memerlukan kelayakan minima Ijazah Sarjana Muda Kepujian atau Ijazah Sarjana ataupun Ijazah Kedoktoran Falsafah manakala skim perkhidmatan guru kategori DI memerlukan kelayakan Ijazah Sarjana Muda Kepujian dan Diploma Pendidikan.

Tugas-tugas sebagai pensyarah ITM juga berbeza dengan seseorang guru kategori DI. Pensyarah ITM ditugaskan mengajar di peringkat diploma dan diploma lanjutan yang mana nilai taraf 'kelayakan-kelayakan tersebut adalah setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda atau setaraf dengan Ijazah dalam bidang profesional daripada universiti-universiti tempatan manakala guru-guru kategori DI hanya mengajar di peringkat sekolah menengah.

Pindaan kepada skim perkhidmatan pensyarah ITM adalah merupakan semakan kepada skim perkhidmatan dan bukannya pelarasan gaji.

Keputusan Kerajaan tersebut ialah memperbaiki perkhidmatan pensyarah ITM dengan diberi peningkatan ke tanggagaji A1 1 selepas 5 tahun perkhidmatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuun Haji Shuib bin Lazim.

**Tuan Kenneth Kanyan Temenggong Koh:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No.3.

### BUKIT TINGGI SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN

3. **Tuan Kenneth Kanyan Temenggong Koh** (di bawah S.O.23(2)) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan kedudukan terakhir mengenai menggantikan Janda Baik dengan Bukit Tinggi sebagai Wilayah Persekutuan dan nyatakan juga bayaran atau pampasan yang akan dibayar kepada Kerajaan Negeri Pahang.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, kedudukan yang terakhir perkara ini ialah bahawa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang masih merundingkan mengenai soal-soal bersabit dengan tujuan menjadikan Bukit Tinggi sebagai Wilayah Persekutuan yang baru.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif:** Tuan Yang di-Pertua, apakah tujuan Kerajaan Pusat hendak mengambil Bukit Tinggi atau Janda Baik sebagai Wilayah Persekutuan dan juga apakah faedah yang akan dinikmati oleh rakyat dan juga Kerajaan Negeri.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan Persekutuan mencadangkan supaya Bukit Tinggi dijadikan sebagai kawasan Wilayah Persekutuan ialah, pertama, bagi menampung perkembangan perkembangan dan pembangunan yang berjalan dengan begitu pesat di bandaraya Kuala Lumpur.

Kedua, ialah untuk membawakan faedah dan nikmat kepada kawasan di sebelah timur Semenanjung Malaysia oleh kerana kalau kita lihat daripada pengalaman kita bahawa dengan adanya pembangunan yang pesat di Kuala Lumpur, pembangunan ini telah membawa juga kepada manfaat dan faedah kepada kawasan Lembah Kelang dan kiranya diwujudkan kawasan Wilayah Persekutuan yang baru di Bukit Tinggi adalah menjadi harapan Kerajaan Persekutuan bahawa ianya akan membawakan pembangunan juga kepada kawasan sebelato timur daripada Kuala Lumpur dan akan memberi faedah dan keuntungan kepada Negeri Pahang serta Pantai Timur pada keseluruhannya.

**Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, mengapakah kawasan Janda Baik digantikan dengan kawasan Bukit Tinggi sebagai Wilayah Persekutuan dan apakah pula kelebihan yang terdapat di Bukit Tinggi berbanding dengan Janda Baik.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak timbul sebarang penggantian kerana apabila Kerajaan Persekutuan mula-mula mencadangkan kawasan Wilayah Persekutuan yang baru yang dikenal dengan nama Janda Baik, kawasan itu juga meliputi kawasan Bukit Tinggi, hanya pada peringkat yang kedua apabila Kerajaan Persekutuan telah menimbang dan mengkaji semula kawasan tersebut, berunding bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Pahang telah difikirkan adalah lebih sesuai bagi kawasan Kampung Janda Baik itu dikeluarkan daripada kawasan yang berkenaan. Untuk mencari nama yang sesuai, Kerajaan Persekutuan telah memilih nama Bukit Tinggi. Oleh itu sebenarnya Bukit Tinggi sudah pun menjadi sebahagian daripada kawasan yang mula-mula dirancangkan untuk menjadi Wilayah Persekutuan yang baru dan hanya bezanya ialah bagi kawasan Kampung Janda Baik telah dikeluarkan daripada kawasan yang kini dicadangkan iaitu seluas 100 batu persegi untuk bakal menjadi Wilayah Persekutuan yang ketiga.

### BURUH-BURUH ASING — DASAR KEMASUKAN

4. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula Dasar Kemasukan buruh-buruh asing ke negara ini memandangkan kadar pertumbuhan ekonomi negara sekarang berkembang pada kadar yang sederhana, sedangkan bilangan rakyat yang menyertai pasaran buruh semakin meningkat.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia telah menandatangani Perjanjian Pengambilan Buruh dengan Kerajaan Indonesia pada 12hb Mei, 1984 dengan tujuan semata-mata untuk mendapat buruh dari negara tersebut bagi mengisi kekurangan tenaga buruh dalam sektor industri, perladangan dan pembinaan. Langkah ini merupakan langkah

sementara dan buruh-buruh asing tersebut diambil bukanlah untuk merampas peluang pekerjaan atau mengganti kerja-kerja yang sedang diselenggarakan oleh warganegara pada masa ini. Pada masa ini Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk mengkaji semula dasar tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan tetap melaksanakan dasar ini dengan teliti supaya peluang-peluang pekerjaan warganegara asing tidak terjejas.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat hari ini berapa ramai buruh asing yang ada di negara kita ini dan di dalam sektor manakah yang buruh ini bekerja. Adakah buruh-buruh negara asing itu hanya datang daripada Indonesia sahaja.

Kedua, apakah masalah-masalah yang rumit atau yang berat atau yang besar yang ditimbulkan oleh buruh-buruh asing ini.

Ketiga, sekiranya buruh-buruh asing ini tidak dibenarkan masuk ke dalam negara kita ini, adakah akan menjadi masalah pula kepada buruh, pekerja-pekerja atau untuk mengadakan buruh di negara kita ini sekiranya mereka tidak dibenarkan datang atau dikaji semula.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sekarang terdapat 462 orang buruh daripada negara Indonesia yang bekerja di negara ini mengikut perjanjian yang telah saya sebutkan tadi, iaitu mengikut kontrak selama 2 tahun.

Masalahnya masih lagi awal untuk kita memberitahu tetapi di antara masalah-masalah yang terdapat ialah kerana buruh-buruh yang bekerja di ladang-ladang negara kita ini merasa pekerjaan itu tidak begitu sesuai. Itu masalah utama. Tetapi seperti mana saya terangkan, masalah ini sedang dikaji oleh Kementerian dan masanya masih singkat lagi untuk kita umumkan.

Sekiranya tidak terdapat perjanjian pengambilan buruh di antara negara Indonesia dan negara kita, mungkin kedatangan buruh-buruh

asing ke negara kita dengan secara haram akan berleluasa lagi. Inilah tujuan utama yang kita menandatangani perjanjian ini agar majikan-majikan yang berkehendakkan buruh-buruh boleh berhubung dengan Kementerian Dalam Negeri melalui Kementerian Buruh untuk mendapatkan pekerja-pekerja asing khususnya daripada negara Indonesia. Walaupun kita mulakan perjanjian ini dengan negara Indonesia tetapi Kerajaan kita telah meluluskan pengambilan buruh untuk negara ASEAN termasuk Sri Lanka dan India.. Buat permulaannya kita mula dengan pengambilan buruh dari negara Indonesia.

**Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa dasar itu adalah dasar untuk sementara waktu walhal kita terpaksa melihat perkara ini dalam konteks jangka masa panjang. Kita melihat perkara ini dari segi proses pembangunan sesebuah negara seperti kita di mana sepatutnya berlaku perubahan struktur di antara sektor pertanian dan perindustrian terutama sekali dari segi penggunaan tenaga manusia. Saya ingin bertanya sejauh mana pihak Kerajaan sedar bahawa kalau sekiranya kita hendak mengatasi masalah kemiskinan melalui peralihan penduduk dan tenaga pekerja pertanian kepada sektor perindustrian. Adakah ini bermakna bahawa Kerajaan sedar proses perubahan struktur kita akan tersekat atau terlambat jika sekiranya kita terus mengambil pekerja dari luar negeri untuk sektor tersebut.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya terangkan tadi dasar ini adalah dasar sementara sahaja untuk mengisi kekurangan tenaga buruh yang terdapat di negara kita. Walaupun kita semua sedia maklum bahawa banyak anak-anak muda kita di negara kita ini yang tidak dapat pekerjaan tetapi oleh kerana mungkin mereka enggan hendak bekerja ataupun tawaran yang diberi tidak begitu memuaskan kepada mereka, jadi kita mengadakan dasar sementara sahaja imtuk mengisi kekurangan. Bila terdapat masanya anak-anak muda kita mahu bekerja dan tidak memilih pekerjaan, maka dasar ini boleh dihentikan.

### FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA

5. **Tuan Abdul Ghani bin Othman** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah falsafah pendidikan negara yang menjadi asas dan panduan kepada dasar, perancangan dan program pendidikan negara menurut peredaran masa dan tuntutan bangsa dan negara Malaysia.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr. Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, pendidikan di negara ini merupakan satu alat untuk mendidik rakyat Malaysia bagi membolehkan mereka menjadi warganegara yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan berkebolehan bagi mencapai taraf kehidupan yang lebih baik serta memenuhi kehendak-kehendak negara yang sedang membangun sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru di samping mewujudkan satu masyarakat yang taat setia, berdisiplin dan bersatu padu selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara.

### TULISAN JAWI — PENGAJARAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

6. **Tuan Haji Ibrahim Bin Haji Ujang** minta Menteri Pelajaran sama ada benar bahawa Kementerian Pelajaran akan mempertingkatkan lagi Pengajian Tulisan Jawi yang diajarkan kepada murid-murid Darjah Tiga dan Empat di Sekolah Rendah sekarang dan akan dilanjutkan ke Darjah Lima dan Enam, jika tidak menyatakan:

- (i) sama ada Kementerian merasakan memadai pengajaran tulisan jawi bagi Darjah Tiga dan Empat itu sahaja; dan
- (ii) sama ada Guru-guru Agama Islam yang diberikan tugas menyampaikan mata pelajaran ini akan diberikan KE-MAHIRAN dari segi penulisan dan kaedah ejaan yang bermutu.

**Dato Dr. Ling Leong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar Kementerian Pelajaran berusaha mempertingkatkan lagi pengajaran dan pembelajaran Tulisan Jawi. Buat masa ini, di bawah Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Tulisan Jawi adalah sebahagian dari matapelajaran Pendidikan Agama Islam dan

diajar mulai Tahun Tiga. Setelah murid dapat menguasai asas-asas membaca dan menulis Jawi, pelajaran ini diserapkan ke dalam mata-pelajaran pendidikan Agama Islam sehingga akhir sekolah rendah. Murid-murid boleh mengukuhkan pelajaran Tulisan Jawi melalui latihan-latihan dalam aspek-aspek pendidikan Agama Islam yang lain seperti aspek Quran, Budi Pekerti, Akidah, Ibadat dan lain-lain.

Untuk mempertingkatkan lagi pengajaran dan pembelajaran Tulisan Jawi ini, Kementerian Pelajaran telah menyediakan Buku Panduan Khas yang mengandungi objektif, senarai kemahiran, kelompok kemahiran, kandungan contoh aktiviti dan strategi perigajaran dan pembelajaran bagi kegunaan guru-guru yang mengajar Tulisan Jawi di Sekolah-sekolah. Di samping itu kursus-kursus pendedahan telah diadakan pada awal tahun ini untuk pegawai-pegawai di Jabatan Pelajaran dan Bahagian-bahagian Kementerian Pelajaran, kakitangan penting dan juga guru-guru.

### KEGIATAN KO-KURIKULUM DI SEKOLAH

7. **Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah perkembangan yang diperolehi semenjak dilancarkan dasar penambahan Matapelajaran Ko-Kurikulum di sekolah-sekolah.

**Dato Dr. Ling Leong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ko-kurikulum bukanlah satu matapelajaran tetapi ia merupakan gerakerja di luar bilik darjah yang menjadi pelengkap kepada pembelajaran dalam bilik darjah. Kegiatan ko-kurikulum sudah lama dijalankan di sekolah-sekolah dan sekarang ini Kementerian Pelajaran sedang berusaha untuk mempertingkatkan kegiatan ini semula. Untuk tujuan ini Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985 bagi menubuhkan Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah (JBPS). Kementerian Pelajaran juga sedang berusaha untuk menerbitkan Buku Panduan Pengurusan Ko-Kurikulum sekolah. Di samping itu dari masa ke semasa Kementerian Pelajaran juga menganjurkan seminar, bengkel dan mesyuarat di semua peringkat sebagai usaha ke arah pencapaian matlamat program ini.

**LANDASAN KERETAPI TIMUR  
BARAT — PEMBINAAN**

**8. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kedudukan rancangan pembinaan landasan keretapi Timur Barat dan sama ada projek raksaksa itu akan dibiayai oleh Kerajaan atau diswastakan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):** Tuan Yang di-Pertua, rancangan pembinaan landasan keretapi baru Timur Barat yang menghubungi Pelabuhan Kelang dengan bandar-bandar di negeri Pantai Timur Semenanjung adalah di dalam peringkat akhir persiapan untuk mendapatkan keputusan daripada Kerajaan. Pihak Pentadbir Keretapi Tanah Melayu sedang menyiapkan kertas laporan untuk Kerajaan membuat keputusan. Laporan ini juga akan memberikan cadangan, bentuk pembiayaan dan pelaksanaannya. Pihak Kerajaan akan menentukan pihak-pihak yang akan melaksanakan projek itu kelak.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan kerja-kerja awal landasan keretapi Timur Barat ini sudahpun bermula daripada Pelabuhan Kelang melintasi sebahagian daripada kawasan Subang Jaya tetapi keadaannya terbengkalai, Adakah perkara itu benar, dan jika benar, apakah mudarat yang telah menimpa yang menyebabkan kerja itu menjadi terbengkalai?

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi adalah satu perkara yang agak berlainan dari soalan asal iaitu landasan keretapi baru Timur Barat ini. Rancangan yang kita adakan dari Kuala Lumpur ke Pelabuhan Kelang merupakan satu perkara pembaikan landasan yang sedang berjalan sekarang ini di beberapa tempat di seluruh negara.

Saya telah menjelaskan tadi rancangan pembinaan landasan keretapi ini Kerajaan sedang hendak menentukan pihak-pihak yang akan melaksanakan dan laporan yang sedang kita sediakan dan akan diputuskan oleh Kerajaan tidak lama lagi.

**PETAK LETAK KERETA  
MENGUNAKAN METER**

**9. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) sama ada sistem meletak kereta menggunakan meter pada masa ini memuaskan; jika tidak nyatakan sama ada sistem lain boleh digunakan seperti penjualan buku tiket meletak kereta untuk satu jangka masa setahun umpamanya; dan
- (b) rancangan Bandaraya untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 1,788 petak letak kereta telah dipasang dengan meter letak kereta dan selepas 1% tahun perlaksanaannya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mendapati ianya adalah memuaskan. Oleh hal yang demikian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bercadang untuk memasang meter-meter letak kereta kepada semua petak-petak letak kereta yang dikawal olehnya iaitu ke atas 6,445 petak-petak letak kereta lagi.

- (b) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai rancangan untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di Bandaraya ini. Di antara rancangan-rancangan yang sedang dikaji adalah:-
  - (1) dengan tidak menggalakkan pembinaan bangunan jenis perdagangan di pusat Bandaraya kita;
  - (2) merancang strategi pembangunan yang sederhana di pusat Bandaraya dan pembangunan yang lebih pesat di luar pusat Bandaraya dan melalui strategi ini pembangunan akan diselerakkan kepada seluruh kawasan di Wilayah Persekutuan; dan
  - (3) dengan tidak menggalakkan penggunaan kereta persendirian. Dalam hal ini sistem pengangkutan awam akan diperbaiki dengan cadangan melaksanakan sistem transit laju ringan dan juga aerobus.

Saya perlu menekankan rancangan-rancangan di atas tidak akan memberi kesan yang efektif tanpaimbangan yang sewajarnya di antara rancangan-rancangan tersebut. Oleh hal yang demikian keutamaan haruslah diberikan kepada pembaikan sistem pengangkutan awam, pembinaan sistem jalan yang baik serta dasarsekatan penggunaan kereta persendirian.

#### LAWATAN PERDANA MENTERI BRITAIN KE MALAYSIA

**10. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Perdana Menteri British ke negara ini tempoh hari.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-haj):** Tuan Yang di-Pertua, lawatan rasmi Puan Margaret Thatcher, Perdana Menteri Britain ke Malaysia pada 5hb hingga 8hb April, 1985 merupakan lawatan pertama oleh seorang Perdana Menteri Britain ke negara kita.

Malaysia dan Britain mempunyai hubungan dua hala yang kukuh dan aktif dalam berbagai bidang. Oleh itu lawatan tersebut memberi peluang untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Puan Thatcher bertukar-tukar pendapat mengenai soal-soal yang rnenyentuh kepentingan bersama.

Semasa perbincangan rasmi di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Puan Thatcher, kedua belah pihak telah membincangkan dengan mendalam cara-cara bagaimana hubungan dua hala di antara Malaysia dan Britain dapat dieratkan lagi termasuk isu penerbangan kelima, dengan izin, 'fifth frequency' bagi penerbangan MAS ke London, kerjasama ekonomi di antara kedua buah negara, isu-isu pelajaran serta soal-soal perdagangan dua hala.

Kedua belah pihak telah mencapai persetujuan supaya MAS diberi penerbangan kelima ke London dan permintaan yang sama akan diberi kepada British Airways jika dipohon. Mesyuarat antara pihak-pihak berkenaan Malaysia dan Britain uniuik membincangkan butir-butir lanjut mengenai perkara ini akan diadakan pada 30hb dan 31hb Julai, 1985 ini.

Mengenai soal kerjasama ekonomi Malaysia/Britain, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengalu-alukan keinginan pihak British untuk bekerjasama dengan kita dalam beberapa projek tertentu. Mengenai soal pelajaran, Puan Thatcher menyambut baik cadangan cantuman di antara institusi-institusi pelajaran tinggi kita dengan universiti-universiti di Britian.

Selain daripada itu Kerajaan British menyatakan bahawa mereka akan memanjangkan sumbangan skim yuran sehingga tahun 1987 untuk membantu penuntut-penuntut dari Malaysia.

Selain dari perkara-perkara dua hala, kedua-dua Perdana Menteri juga bertukar-tukar pendapat mengenai soal-soal hubungan antarabangsa seperti masalah Kampuchea, Antartika dan lain-lain.

#### SIMPANAN MINYAK NEGARA

**11. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan supaya dasar perindustrian tidak terbantu apabila negara ini kehabisan sumber minyak yang telah diramalkan pada 16.3 tahun lagi; dan
- (b) sama ada usaha-usaha sedang dijalankan untuk meningkat peranan sumber tenaga alternatif seperti (i) kuasa nukelar atau (ii) gas.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar dan sentiasa menghiraukan akan pentingnya menentukan supaya keperluan tenaga untuk kegunaan perindustrian dan awam adalah terjamin; dan sentiasa mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya penggunaan sumber tenaga adalah terancang secara yang optima, mengikut kombinasi dan opsyen-opsyen yang paling baik antara minyak dan sumber-sumber tenaga alternatif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, simpanan minyak negara yang diketahui adalah dalam lingkungan 3.5 ribujuta tong. Berdasarkan pengeluaran harian semasa iaitu pada ketika ini lebih kurang 410,000 tong sehari, maka simpanan ini boleh menampung pengeluaran untuk tempoh 22 tahun; dan lebih lama lagi sekiranya kadar pengeluaran dikurangkan di masa-masa akan datang.

Keperluan tenaga bagi pembangunan dan program-program perindustrian Malaysia bukannya bergantung kepada minyak semata-mata. Sepertimana yang diketahui umum negara kita telah dikurniakan dengan berbagai jenis sumber tenaga khasnya gas, hidro dan arang batu yang mana kesemuanya boleh memenuhi lebih daripada keperluan negara sehingga ke masa-masa depan.

Simpanan gas Malaysia yang diketahui adalah berjumlah sebanyak 49 trillion kaki padu iaitu million-million atau juta-juta, manakala kadar pengeluaran kita pada masa sekarang ialah 1250 juta kaki padu sehari di Bintulu, 165 juta kaki padu di Terengganu dan 85 juta kaki padu sehari di Labuan. Kesemua padang-padang gas yang diusahakan atau akan diusahakan untuk projek-projek tersebut boleh menjamin bekalan selama lebih 20 tahun tanpa bergantung kepada padang-padang gas yang lain. Malah di Bintulu umpamanya projek tersebut boleh kekal selama 40 tahun; dan menurut pakar-pakar kita sekurang-kurangnya 60 atau 70 tahun keseluruhan lamanya bekalan gas kita ini boleh menampung keperluan kita.

Sepertimana juga halnya dengan minyak, prospek bagi penemuan simpanan-simpanan gas yang baru dalam lingkungan tahun 2000an adalah sangat menggalakkan dan adalah dijangka bahawa mungkin simpanan sebanyak 21 hingga 37 trillion (million-million) kaki padu lagi dapat ditambahkan. Mengenai kuasa hidro, keupayaan terpasangnya kini hanyalah lebih kurang 1,245 MW manakala jumlah keupayaan yang ada ialah lebih kurang 29,000 MW. Selain daripada itu kita juga mengimport dan menggunakan lebih kurang 800,000 tan arang batu setahun, tetapi simpanan arang batu negara potensinya adalah berjumlah sebanyak 400 hingga 500 juta ton.

Dengan keupayaan sumber-sumber tenaga sepertimana di atas, maka kita tidak ragukan bahawa program perindustrian kita tidak akan menghadapi kesan buruk akibat dari sebarang kemungkinan kehabisan atau kekurangan bekalan tenaga sekurang-kurangnya selama setengah abad yang akan datang. Apa yang lebih penting kepada Kerajaan pada masa ini ialah untuk merumuskan satu dasar tenaga bagi menggunakan sumber-sumber tenaga negara yang kaya melalui kombinasi dan opsyen-opsyen yang paling baik.

Ke arah ini kita sekarang sedang melaksanakan suatu strategi pelbagaian 4 bahanapi berdasarkan kepada minyak, gas, hidro dan arang batu untuk menentukan pengurangan dalam pergantungan terhadap minyak serta bagi mengeksplotasi dan membangunkan sumber-sumber tenaga negara tanpa mengabaikan penjimatan dan penggunaan tenaga yang lebih efisien serta penyelidikan dan pembangunan dalam bidang-bidang sumber tenaga bukan konvensional termasuk penggunaan teknologi-teknologi yang lebih baik dan efisien.

Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah sewajarnya sememangnya sedang diambil untuk meningkatkan penggunaan sumber-sumber tenaga yang lain seperti gas, hidro, arang batu, dan secara kecilan tenaga dari sisa biomass 'charcoal' dan suria. Bekalan tenaga daripada sumber-sumber alternatif inilah yang kesemuanya boleh diperolehi dalam negeri; dan adalah dijangka mencukupi tanpa menggunakan sumber tenaga nuklear.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati dengan kuasa-kuasa yang ada diperolehi di negara kita ini iaitu kita mempunyai tiga bahan tenaga, satu daripada tenaga minyak, gas, hidro dan arang batu. Jadi soalan saya kenapakah harga minyak di negara kita masih mahal kerana kita mempunyai pengeluaran gas berjuta-juta kaki padu hampir 100 juta kaki padu kalau diambilkira dari semua telaga minyak yang ada?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kenapakah kita mesti mengimport arang batu, setahu saya kita masih mengimport arang batu

daripada negeri China dan kita banyak mempunyai simpanan arang batu di negara kita ini, cuba nyatakan berapa banyak arang batu yang terdapat di Bintulu, di negeri Sabah dan juga di Semenanjung Malaysia. Untuk mengurangkan bahan import ini disebaliknya kita dapat memberikan peluang pekerjaan untuk menarik arang batu untuk keperluan negara kita ini. Itulah soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, mengapa tenaga yang ada kepada negara kita ini masih membeli daripada negara-negara lain, daripada luar negeri.

**Datuk Dr. James P. Ongkili:**Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa masih mahal? Yang sebenarnya kalau dari segi penjualan minyak kita memang rendah serupa sahaja dengan harga minyak yang dijual oleh OPEC, seperti yang kita baca di suratkhobar-suratkhabar, kitapun berhabis-habisan untuk mempertahankan harga minyak yang kita jual supaya jangan merosot, supaya pendapatan kita daripada harga minyak dan juga harga gas LPG terutamanya dan LNG di negara kita baik. Kitajuga apabila kita memproses minyak mentah itu kepada minyak yang sudah diproses, misalnya petrol dan diesel, kita terpaksa pada ketika ini memproses minyak mentah itu di Kertih, di mana kita mempunyai kilang penapis minyak kita sendiri, tetapi capacitynya hanya 30,000 tong sehari manakala keperluan negara kita ialah lebih kurang hampir 100,000 tong sehari, jadi kita terpaksa memproses di Singapura atas sebab-sebab masa lalu perjanjian-perjanjian kita dengan Singapura.

Adajuga dua kilang memproses minyak petrol dan diesel di Port Dickson, iaitu Esso dan Shell, tetapi pada ketika ini masih lagi kita menggunakan Singapura, iaitu syarikat-syarikat minyak kepunyaan Shell di situ dan juga Esso, BP untuk memproses minyak keperluan kita. Ini dengan secara tidak langsung meningkatkan harga untuk memproses dan kita menjual harga petrol dan diesel dan lain-lain minyak pelincir dan sebagainya, lain-lain minyak industri di negara kita ini, berasaskan kepada ongkos ataupun harga untuk memproseskannya.

Kita memang mempunyai tujuan untuk mendirikan kilang memproses minyak kita sendiri yang terbesar, iaitu di Melaka, tetapi seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pembinaan kilang memproses minyak atau refinery' di Melaka ini terpaksa ditangguhkan kerana harga membinanya akan memakan belanja yang banyak, tidak kurang daripada ribu juta ringgit untuk membina. Dan oleh sebab kewangan negara kita pada ketika ini begitu kurang, kita terpaksa menangguhkan pembinaan kilang memproses minyak kita ini.

Saya yakin apabila kita mempunyai kewangan untuk membinanya dan kita mempunyai kilang memproses petrol, diesel, lain-lain bahan api daripada petroleum dan gas masa hadapan di negara kita sendiri, harga yang mahal itu akan menurun. Walaupun kita mempunyai telaga-telaga minyak dan telaga-telaga gas yang banyak, tetapi mendirikan sebuah kilang memproses minyak dan sebuah kilang memproses gas seperti yang telah dibina di Kerteh, Terengganu berkehendakkan perbelanjaan beribu-ribu juta ringgit dan kita sama sekali tidak mempunyai keupayaan pada ketika ini untuk mendirikan kilang-kilang memproses itu. Lebih murah lagi kita menghantarkan crude ataupun minyak mentah kita ke Singapura itu buat sementara waktu dan membayar upah untuk mereka memproses dan kita bawa balik bahan yang telah diproses itu, lebih murah daripada mendirikan kilang itu tertakluk kepada ukuran kewangan yang ada pada kita pada masa ini.

Mengenai dengan import arang batu, sekali lagi jawabnya lebih kurang sama; dan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos tidak ada di sini kerana LLN yang menggunakan arang batu ini, tetapi setahu saya kita mengimport, sekali lagi kerana lebih murah untuk membelinya di pasaran terbuka (open market) di dunia, sama ada daripada Negeri China ataupun dari Australia, daripada mengorek ataupun mendirikan perusahaan untuk mendapati arang batu yang ada pada kita di negara kita seperti yang saya sebut awal tadi. Di satu masa nanti saya yakin bahan mentah arang batu kita ini akan kita cungkil, tetapi pada ketika ini ongkos untuk mendirikan kilang-kilang memproses itu sangat mahal.



**Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi sungguh jelas, iaitu kita mempunyai 'surplus gas', dan juga dari penerangan Yang Berhormat itu sendiri mengatakan Kerajaan juga sedang buat kajian untuk menggunakan sumber-sumber ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan di Dewan ini adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk menggunakan LPG sebagai satu sumber petrol bagi kereta-kereta yang digunakan di Malaysia ini. Jika ada cadangan tersebut ataupun ura-ura untuk menggunakan, bolehkah diketahui bila agak masanya.

**Datuk Dr. James P. Ongkili:** Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini sudah banyak kenderaan kita yang menggunakan LPG. Kalau tak silap saya dari ingatan sahaja lebih kurang 400 hampir 500 buah kenderaan sudah terdapat menggunakan LPG, iaitu gas cecair dalam tangki dan kebanyakannya ialah teksi-teksi yang menggunakan. Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah harga untuk membekalkan, menyediakan tangki itu dan sistem LPG di kenderaan itu berkehendakkan perbelanjaan lebih kurang \$1,500. Jadi pembeli-pembeli kereta yang baru itu enggan membayar bayaran tambahan \$1,500 itu untuk mengadakan sistem LPG di kenderaan mereka. Tetapi pada ketika ini kita tahu makin banyak kenderaan-kenderaan baru ataupun empunya-empunya kenderaan baru makin suka memasang 'dual system', iaitu di mana ada LPG masukkan LPG ke dalam tangki, bila di tempat-tempat yang tidak ada bekalan LPG boleh ditutup sistem LPG di motokar atau kenderaan itu dan dipasang pula diisikan dengan petrol, dan digunakan sistem LPG dalam kenderaan itu juga, 'dual system. Jadi, makin banyak yang menggunakan sistem seperti ini.

Pada ketika ini Kerajaan memang menggalakkan penggunaan LPG oleh kenderaan. Walau bagaimanapun Kerajaan telah mengambil keputusan untuk memulangkan penggunaan LPG ini kepada tenaga pasaran ataupun 'market force' dan Kerajaan tidak mampu untuk mengadakan satu dasar yang lebih tegas pada ketika ini, terutama sekali kerana harga untuk melaksanakan dasar itu mungkin melibatkan belanja Kerajaan yang lebih lagi.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan bahawa negara kita telah menapis crude oil atau minyak mentah di Singapura. Saya ingin tahu berapakah harga penapisan dalam tiap-tiap satu tong (barrel) yang dihantar ke Singapura dan menurut anggaran pengeluaran negara ialah sebanyak 480,000 tong minyak yang mana penapisan kilang penapis di Kerteh hanya boleh menapis, iaitu sehingga 30,000 tong sahaja. Menurut pakar-pakar minyak di mana telaga yang boleh mengeluarkan sebanyak 60,000 tong sehari, makaboleh mengeluarkan satu kilang penapis. Ini bererti kalau kita mempunyai pengeluaran sebanyak 480,000 tong bererti kita boleh mendirikan sebanyak 8 kilang penapis di negara ini. Jadi mana bakinya? 480,000 tong ini hanya dapat kita menapis sebanyak 30,000 tong sahaja sehari di Kerteh. Jadi, adakah bakinya 450,000 tong minyak mentah ini ditapis di Singapura dan berapa harganya?

**Datuk Dr. James P. Ongkili:** Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi jawapan bertulis kerana butir-butir itu.

Yang kedua, dengan ringkasnya daripada 410,000 tong sehari bukan kesemuanya kita tapis untuk keperluan kita. Sebenarnya negara kita memerlukan hanya lebih kurang 100,000 atau 110,000 tong sehari untuk keperluan negara. Yang lain itu kita jual dalam bentuk crude, iaitu dalam bentuk minyak mentah untuk mendapat kewangan bagi negara ini.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati dengan penjelasan-penjelasan diberikan, tetapi bagaimanapun saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan lagi mengenai arang batu yang kita import daripada Negeri China. Mengikut keterangan Yang Berhormat Menteri perbelanjaan kita lebih murah untuk mendapatkan arang batu yang diimport daripada Negeri China daripada kita mengadakan kilang-kilang untuk mengorek sumber-sumber tenaga yang ada pada kita pada hari ini. Ini rasa saya bertentangan dengan satu dasar kita, iaitu kita hendaklah mengutamakan bahan-bahan tempatan.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, apa sebabnya jikalau kita berhenti import arang batu sebaliknya kita juga mendapat tenaga-tenaga yang sangat murah daripada sisa-sisa kelapa sawit, sekam padi yang begitu lumrah berlambak di dalam negeri kita. Apakah tidak ada pertukaran di mana daripada kita mengimport, lebih baik kita eksport seluruh tenaga-tenaga sisa kelapa sawit, hampas padi dan lain-lain yang boleh diguna dan dikeluarkan daripada hasil tempatan?

**Datuk Dr. James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi mengenai dengan harga membeli berapa satu unit atau sebagainya itu, saya ingin notis, ini agak jauh daripada soalan asal di sini.

Mengenai dengan yang kedua, yang mana sebenarnya soalan juga tetapi berbentuk komen, saya setuju dengan komen itu.

#### LAWATAN PERDANA MENTERI KE EROPAH

12. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Perdana Menteri ke lima buah negara Scandinavia dan Eropah baru-baru ini.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, lima buah negara yang telah dilawati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Sweden, Austria, Finland, Norway dan Denmark kesemuanya mempunyai lebihkurang 30 juta orang penduduk. Walaupun kelima-lima negara ini tidaklah besar dari segi jumlah penduduk, tetapi mereka mempunyai purata Pengeluaran Negara Kasar (GNP) serta pendapatan purata yang tinggi. Mereka adalah juga antara negara-negara yang paling maju di dunia. Oleh yang demikian, negara-negara tersebut merupakan suatu pasaran yang penting bagi barang-barang keluaran Malaysia yang masih belum dieksploitasi dengan sepenuhnya. Oleh itu, satu dari tujuan utama lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara-negara tersebut ialah untuk memperkenalkan negara tersebut

kepada Kerajaan dan rakyat negara-negara tersebut serta menggalakkan mereka agar dapat meningkatkan dan memperbagaikan import barangan buatan Malaysia. Sehingga kini kita sering mengalami kadar imbalan perdagangan yang berkurangan dalam perdagangan kita dengan negara-negara tersebut. Dalam hal ini Kerajaan sentiasa berusaha untuk mencapai perseimbangan dalam perdagangan kita dengan negara-negara lain demi untuk memupuk hubungan ekonomi yang mesra.

Dari segi pelaburan pula, kelima-lima negara tersebut telah mencapai taraf pembangunan yang tinggi dan mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan, pemasaran dan teknikal di dalam beberapa sektor perindustrian tertentu. Umpamanya dalam sektor kejuruteraan, elektronik, sains komputer, industri berat, pengeluaran minyak dan gas, perkapalan, perabot dan lain-lain lagi. Semenjak dahulu lagi pasaran tradisional bagi barangan keluaran negara-negara tersebut adalah Eropah Barat dan Amerika Syarikat. Namun demikian, mereka sekarang sedang berusaha untuk memperluaskan pasaran mereka serta menubuhkan kilang-kilang dan melabur di tempat-tempat yang baru oleh sebab kemerosotan ekonomi rakan perdagangan tradisional mereka di Eropah Barat. Negara-negara di rantau Asia Tenggara, umpamanya Malaysia telah dikenalpasti sebagai negara yang sesuai untuk pelaburan mereka.

Semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara-negara tersebut beliau telah berpeluang untuk memberi ucapan dasar, dengan izin, 'keynote address' mengenai dasar pembangunan Malaysia serta dasar Kerajaan mengenai pelaburan asing di seminar-seminar yang telah dikelolakan oleh pihak MIDA. Seramai 680 pemimpin-pemimpin pihak swasta di negara-negara tersebut telah menghadiri seminar-seminar tersebut.

Beliau juga telah melawat sebanyak 19 buah kilang dan perusahaan tertentu. Dalam pada itu, beliau juga berpeluang untuk bertemu dengan beberapa orang para usahawan dan telah membuat cadangan-cadangan yang konkrit untuk meneliti peluang-peluang perniagaan. Ahli-ahli rombongan pihak swasta ini juga turut bersama telah mengadakan sebanyak 225

pertemuan kesemuanya dengan rakan perdagangan mereka di negara-negara tersebut untuk membincangkan peluang-peluang usaha sama dalam berbagai bidang.

Antara bidang-bidang tersebut ialah pengeluaran bahan-bahan kereta, alat-alat telekomunikasi, alat-alat diecast, perusahaan gas, perabot, peralatan hospital dan lain-lain lagi. Semenjak lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebanyak 18 buah syarikat serta dua rombongan pelaburan dan perdagangan telah melawat Malaysia untuk menjalankan kajian kemungkinan serta mengadakan perbincangan-perbincangan lanjut.

Pihak MIDA juga sedang mengambil tindakan susulan untuk menentukan bahawa projek-projek ini dapat dilaksanakan. Dari segi pelancongan pula adalah didapati bahawa pada tiap-tiap tahun beratus ribu rakyat negara-negara tersebut melancong ke Timur Jauh. Namun demikian, tidak begitu ramai dari pelancong-pelancong tersebut datang ke Malaysia.

Bagi mengatasi keadaan ini Kerajaan bercadang mengadakan kempen publisiti mengenai Malaysia di negara-negara tersebut melalui beberapa cara iaitu dengan memulakan rancangan pertukaran filem, pengiklanan secara langsung, menggalakkan syarikat-syarikat pelancongan tempatan mengadakan rancangan pelancongan yang lengkap dan lain-lain lagi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke negara-negara tersebut telah juga mencadangkan supaya memulakan perkhidmatan penerbangan sewa khas untuk membawa para petancong ke Malaysia.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun mengundang rakan-rakan sejawatnya di negara-negara tersebut untuk melawat Malaysia. Tarikh lawatan-lawatan tersebut akan ditetapkan melalui saluran diplomatik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong.

**Tuan Loo Swee Mok:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 13.

## AKTA PERIKANAN 1985 — KAJIAN SEMULA

13. **Tuan Loo Swee Mok (di bawah S.O.23(2))** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan mengkaji semula Akta Perikanan 1985 memandangkan wujudnya bantahan yang ditunjukkan oleh nelayan-nelayan di beberapa kawasan; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah Majlis Penasihat Perikanan dengan diwakili oleh wakil-wakil jempunan dari Kesatuan Nelayan dan pakar-pakardalam industri perikanan supaya Kementerian akan memahami kerumitan dan masalah-masalah yang dialami oleh nelayan-nelayan dan Industri Perikanan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum bercadang untuk mengkaji semula Akta Perikanan 1985. Untuk makluman Dewan yang mulia ini bantahan yang ditunjukkan oleh nelayan-nelayan adalah akibat salah faham di atas semangat Akta itu sendiri. Usaha-usaha sedang dan akan terus dijalankan dalam memberi penerangan sewajarnya kepada nelayan-nelayan.

Mengenai persoalan berhubung dengan penubuhan Majlis Penasihat Perikanan pula, perkara tersebut masih diberi pertimbangan oleh Kementerian Pertanian.

## RAWATAN KEPADA PENAGIH DADAH

14. **Puan Habibah binti Abdul Ghani** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada terdapat penagih-penagih dadah yang telah mendaftarkan diri mereka sebagai penagih tetapi masih lagi belum diberi rawatan; jika ya, nyatakan bilangannya dan berapa lama mereka itu akan dapat masuk ke pusat pemulihan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada penagih-penagih dadah yang telah mendaftarkan diri mereka sebagai penagih yang belum diberi rawatan. Setiap penagih yang mendaftarkan diri dikehendaki menjalani rawatan dan pemulihan di bawah pengasuhan Pegawai Pemulihan Dadah iaitu

menjalani pemulihan dadah, pemulihan di dalam masyarakat atau dihantar masuk ke pusat pemulihan dadah.

#### **PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI — AKTIVITI**

**15. Tuan Mohd. Yusoff @ Yusof bin Haji Mohd. Nor** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sama ada arahan pernah dikeluarkan kepada perbadanan-perbadanan awam seperti Perbadanan Kemajuan Iktisas di negeri supaya tidak bertanding dengan pemborong-pemborong atau peniaga-peniaga bumiputera; dan
- (b) peranan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Iktisas di negeri-negeri di dalam menolong peniaga-peniaga atau pemborong bumiputera.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri adalah bertindak sebagai penggerak, pengasas dan pemegang amanah kepada bumiputera dalam bidang aktiviti ekonomi yang diceburi. Sesuai dengan peranan ini PKEN-PKEN telah melaksanakan program-program di dalam berbagai-bagai bidang seperti pembangunan kawasan perindustrian, perkilangan, perniagaan, perhotelan dan pelancongan, perumahan, perladangan di beberapa bidang dan lain-lain lagi.

Dalam pada itu, Kementerian sentiasa mengkaji aktiviti-aktiviti PKEN-PKEN sama ada objektif asas aktiviti-aktiviti itu sudahpun dapat dicapai ataupun tidak. Sekiranya didapati objektif-objektif itu telah dicapai, arahan dikeluarkan kepada PKEN-PKEN supaya tidak lagi menceburi bidang-bidang yang berkenaan. Misalnya arahan telahpun dikeluarkan kepada PKEN-PKEN supaya beransur-ansur berundur dari program perumahan. Antara program-program yang dijalankan oleh PKEN-PKEN di dalam menolong peniaga atau pemborong-pemborong bumiputera adalah seperti berikut:-

- (I) Penyediaan rumah-rumah kedai, gerai, ruang perniagaan, ruang pejabat dan juga kompleks membeli-belah.

- (2) Menganjurkan latihan-latihan, memberi khidmat nasihat dan bimbingan untuk menjalankan penyelidikan dan membantu pengusaha-pengusaha bumiputera menyediakan kertas kerja di dalam berbagai bidang kegiatan.
- (3) Menawarkan kerja-kerja kontrak projek-projek PKEN kepada pemborong-pemborong bumiputera sesuai dengan konsep PAYUNG.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya soalan yang dimaksudkan, saya percaya iaitu sedar atau tidak Menteri yang berkenaan Perbadanan-perbadanan Negeri banyak menubuhkan anak-anak syarikat pembinaan yang mana bertanding rapi dengan pemborong-pemborong bumiputera yang mempunyai kebolehan. Soalnya adakah arahan tertentu sudah diarahkan kepada perbadanan-perbadanan supaya jangan bertanding dengan pemborong-pemborong bumiputera yang mempunyai kemampuan.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, dimana PKEN-PKEN melibatkan diri maka didapati pada awalnya dimasa itu kontraktor-kontraktor bumiputera belum lagi melibatkan diri tetapi di dalam mana kiranya kita dapati ada kontraktor-kontraktor yang berkemampuan maka kita melaksanakan Konsep Payong seperti yang kita buat di Perak dan di Kedah.

#### **MAS KE LONDON — PENERBANGAN KELIMA**

**16. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan hasil rundingan MAS dengan United Kingdom bersabit dengan permintaan Malaysia supaya dapat diperseimbangkan antara kedua buah negara berhubung dengan lalu lalang dan perhatian yang seimbang; jika tidak apakah tindakan Malaysia berkenaan dengannya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat mungkin maklum, persetujuan mengenai penerbangan kelima MAS ke London telah dicapai di

antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan United Kingdom semasa lawatan Perdana Menteri British Puan Margaret Thatcher ke Malaysia pada bulan April, 1985.

Menurut persetujuan itu, pihak Kerajaan British telah memberi kelulusan secara prinsip bagi MAS untuk mengadakan penerbangan kelima ke London dalam masa antara satu hingga dua lahun yang akan datang ini.

Berikutan dengan persetujuan tersebut, pihak Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan British Airways (BA) telah mengadakan perbincangan pada 20 hingga 21hb Mei 1985 di Kuala Lumpur untuk membincang butir-butir lanjut mengenai penerbangan kelima dan-perpetkara-perkara berkaitan. Walau bagaimanapun, perbincangan di antara MAS dan British Airways telah tidak berjaya mencapai persetujuan. Memandangkan itu, Kerajaan telah mencadangkan supaya rundingan selanjutnya dengan pihak British diadakan di peringkat Kerajaan. Pihak British telahpun bersetuju dengan cadangan Malaysia itu dan rundingan udara akan diadakan pada 30 hingga 31hb Julai 1985 iaitu esok yang akan diadakan di Kuala Lumpur.

Di dalam rundingan udara ini, isu penerbangan kelima, bilangan tambahan penumpang yang diperuntukan kepada MAS, dan lain-lain perkara berkaitan akan dibincang dan adalah diharapkan bahawa persetujuan akan dicapai dengan pihak British supaya MAS dapat mengadakan penerbangan kelima ke London sebagaimana yang dirancang.

#### RACUN SERANGGA

17. **Dato'Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Pertanian menyatakan cara-cara dan peraturan-peraturan serta syarat-syarat yang dikenakan terhadap mereka yang mengangkut racun-racun serangga yang merbahaya supaya tidak membahayakan orang ramai seperti yang berlaku baru-baru ini di Kelantan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini di bawah Akta Racun Makhluk Perosak tidak ada peraturan-peraturan untuk

melindungi orang-orang awam semasa pengangkutan bahan-bahan beracun dari kemalangan-kemalangan yang mungkin berlaku dalam perjalanan.

Walaupun bagaimanapun, setiap racun perosak yang didaftarkan oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak mesti mempunyai label yang lengkap pada bekasnya. Pada label ini terdapat kenyataan-kenyataan seperti nama racun, nama bahan aktifnya, kepekatannya, juga kenyataan awas, rawatan kecemasan dan lain-lain. Pada label juga terdapat kenyataan mengenai kelas bahaya racun iaitu pada satu kepingan warna.

Dengan adanya label seperti ini, para pengguna termasuk mereka yang mengangkut racun itu patut memahami bahaya racun itu dan mengendalkannya dengan betul. Di samping itu, kawalan penjualan dan penggunaan racun-racun toksik akan diperketatkan lagi, dengan mengadakan peraturan-peraturan khusus di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974. Di samping itu, Kempen Keselamatan di dalam menggunakan racun perosak akan diteruskan untuk melatih pengguna-pengguna mengenai cara mengendalikan racun dengan teratur dan selamat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*(Masa untuk Peranyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 55 adalah diberi di bawah ini).*

#### PENGAMBILAN PELAJAR-PELAJAR KE UNIYERSITI

18. **Puan Lim Sean Lean** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) pecahan menurut kaum jumlah permohonan yang berjaya memasuki universiti-universiti tempatan bagi tahun 1985; dan
- (b) kriteria yang telah digunakan semasa memproses permohonan-permohonan ini.

**Dato Dr Ling Liong Sik:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan pengambilan pelajar ke Universiti-universiti bagi sesi 1985/86, belum lagi selesai sepenuhnya, memandangkan pihak Universiti masih lagi mengisi tempat-tempat yang dikosongkan oleh sebitangan pelajar yang menolak tawaran dan menarik diri. Urusan pengambilan ini dijangka dapat diselesaikan sedikit masa lagi. Oleh yang demikian angka-angka pengambilan pelajar bagi sesi 1985/86 tidak dapat diberikan sekarang.

Kriteria pemilihan calon untuk masuk ke Universiti-universiti tempatan adalah berdasarkan gred mata pelajaran dan jumlah mata yang diperolehi. Walau bagaimanapun, kejayaan seseorang calon masuk ke Universiti juga bergantung kepada bilangan tempat disesuatu fakultidan kesesuaian kombinasi mata pelajaran untuk sesuatu jenis kursus.

#### RAKYAT HONG KONG KE MALAYSIA

**19. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar ramai rakyat Negara Hong Kong masuk ke negara ini secara haram; jika benar:

- (a) berapa ramaiakah bilangannya;
- (b) dengan kemasukan mereka ini tidaklah mengancam keselamatan negara; dan
- (c) apakah tindakan Kerajaan menghalang kemasukan mereka ini secara haram.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Pada masa ini rakyat Hong Kong tidak memasuki negara ini secara haram. Dalam pada itu Kementerian Dalam Negeri tetap berhati-hati dan mengawasi dengan rapi kemasukan warganegara asing ke negara ini lanpa mengira negara asal mereka. Tindakan tegas tetap akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing termasuk mereka dari negara Hong Kong jika dikesan.

#### PASPOT DIPLOMATIK

**20. Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk memberi paspot diplomatik

kepada Hakim-hakim Mahkamah Tinggi memandangkan kedudukan khusus dan pangkat mereka.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah dasar mengenai pengeluaran Paspot Diplomatik.

#### PARTI POLITIK MENGGUNAKAN PELAJAR SEKOLAH

**21. Tuan Shaik Dawood Abu Bakar** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar ada parti-parti politik yang menggunakan pelajar-pelajar sekolah untuk aktiviti-aktiviti mereka dan jika benar nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menghalangnya.

**Dato Dr Ling Liong Sik:** Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sehingga masa ini belum ada laporan yang diterima berhubung dengan pelajar sekolah yang digunakan oleh parti-parti politik untuk menjalankan aktiviti mereka. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran sentiasa mengawasi perkara ini dan jika didapati berlaku, tindakan yang sesuai akan diambil.

#### TEMPAT PENGAJIAN DI UNIVERSITI — MENAMBAH

**22. Tuan Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa daripada 29,000 penuntut yang memohon hanya 11,000 sahaja yang mendapat tempat di Pusat-pusat Pengajian Tinggi tempatan; dan apakah yang akan terjadi kepada 18,000 orang yang tidak dapat tempat tersebut dan nyatakan strategi Kerajaan bagi masa depan untuk mengatasi masalah ini.

**Dato Dr Ling Liong Sik:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan pengambilan pelajar-pelajar di Universiti Tempatan bagi sesi 1985/86 masih belum lagi selesai sepenuhnya kerana pihak Universiti masih lagi mengisi tempat-tempat yang dikosongkan oleh sebitangan pelajar yang menolak tawaran dan menarik diri. Oleh yang demikian, angka-angka

yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat belum dapat disahkan ketepatannya. Kementerian Pelajaran memang menyedari ramai calon yang telah gagal untuk mendapatkan tempat di Universiti-universiti tempatan setiap tahun. Oleh kerana itu usaha-usaha sentiasa dijalankan untuk menambah bilangan tepat pengajian di Universiti-universiti tersebut.

### SKANDAL BMF — MEMINDA UNDANG-UNDANG

**23. Tuan Paramjit Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk meminda undang-undang bagi memperuntukkan supaya perbicaraan bagi mereka yang terlibat di dalam skandal BMF di jalankan di Malaysia.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Kerajaan memang bersedia meminda mana-mana undang-undang sekiranya tindakan sedemikian adalah perlu demi kepentingan negara dan boleh dilakukan tanpa mengeneipkan keadilan dan kebebasan rakyat jelata. Bagaimana pun, berhubung dengan pemberian pinjaman-pinjaman oleh Bumiputera Malaysia Finance Ltd., sebarang tindakan bagi meminda undang-undang berkenaan akan menjadi, dengan izin, Tuan Yang di Pertua, 'an exercise in futility', ini adalah oleh kerana Perkara 7 Perlembagaan Persekutuan melarangkan apa-apa undang-undang jenayah dibuat secara kebelakangan.

Selain daripada itu, walaupun nampaknya mereka yang terlibat dalam pemberian pinjaman-pinjaman itu telah melakukan suatu kesalahan pecah amanah jenayah, keterangan yang terdapat di Malaysia tidak mencukupi untuk mamatutkan pendakwaan dijalankan. Ini adalah begitu halnya disebabkan peramanahan (entrustment) dan penggelapan (embezzlement) itu adalah perbuatan yang dilakukan di Hongkong. Oleh yang demikian, perlulah kita mendapatkan saksi-saksi dari Hongkong untuk memberi keterangan di Malaysia dan mengemukakan dokumen-dokumen yang berhubung dengan transaksi itu yang kini terdapat di Hongkong supaya dikemukakan di Malaysia. Kita tidak ada cara (means) untuk memaksa saksi-saksi ini supaya memberi kenyataan dan memberi keterangan dalam mahkamah di sini

atau mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan itu. Tiada apa-apa undang-undang boleh dibuat untuk memaksa saksi-saksi di luar bidang kuasa Malaysia supaya hadir dalam mahkamah di Malaysia dan mengenakan hukuman tertentu ke arah mereka kiranya mereka itu enggan berbuat demikian.

Memandangkan kepada sebab-sebab tersebut, kita tidak dapat mendakwa di Malaysia mereka yang terlibat dalam pemberian pinjaman-pinjaman berkenaan.

### PELABUHAN BEBAS BAGI PULAU PINANG

**24. Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Pulau Pinang akan dijadikan Pelabuhan Bebas (Free Port) apabila Jambatan Pulau Pinang dibuka dengan rasminya.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai apa-apa cadangan untuk mengembalikannya semula taraf pelabuhan bebas bagi Pelabuhan Pulau Pinang.

Sebagaimana Yang Berhormat maklum, taraf pelabuhan bebas bagi Pulau Pinang telah ditamatkan melalui tindakan Kerajaan untuk menyelaraskan (harmonise) cukai kastam diseluruh Malaysia dalam tahun 1977 dahulu. Melalui tindakan ini, semua wilayah-wilayah Kastam yang berasingan pada masa itu, iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah disatukan untuk menjadi satu wilayah kastam sahaja yang dipanggil Kawasan Utama Kastam. Langkah ini mengakibatkan cukai kastam yang sama dikenakan dalam Ketiga-tiga wilayah itu, dan juga pergerakan barang-barang di antara satu wilayah dengan yang lain tidak lagi tertakluk kepada peneanaan cukai. Untuk mencapai penyelarasan secara keseluruhan, maka cukai kastam yang berkuatkuasa dalam Kawasan Utama Kastam itu perlulah dikuatkuasakan di Pulau Pinang juga. Sekiranya Pulau Pinang masih dikekalkan sebagai sebuah pelabuhan bebas, maka kedudukannya akan masih janggal di mana Pulau Pinang masih terpaksa dianggap sebagai wilayah yang asing dari segi pentadbiran Kastam.

Kerajaan juga memang sedar bahawa penarikan taraf pelabuhan bebas itu akan sedikit sebanyak menjejaskan perniagaan di Pulau Pinang, terutamanya industri pelancungannya. Memandangkan perkara ini Kerajaan telah membenarkan pengujudan kedai-kedai bebas cukai di Pulau Pinang, supaya pelancung-pelancung akan masih tertarik terhadap Pulau tersebut.

#### ASEAN — PANDANGAN RUSSIA/AMERIKA SYARIKAT

**25. Tuan M.G. Pandithan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pandangan negara Russia dan Amerika Syarikat terhadap ASEAN dan menyatakan sama ada ASEAN meminta apa-apa bantuan khas daripada negara-negara ini.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** ASEAN telah mejadi sebuah organisasi serantau yang teguh. Keteguhan ini telah dibuktikan dengan kejayaan negara-negara anggota ASEAN menyelesaikan masalah-masalah yang timbul secara aman. Keteguhan dan kejayaan ASEAN memupuk suasana damai ini pula telah menghasilkan kesetabilan politik dan pertumbuhan ekonomi yang pesat berbanding dengan rantau-rantau lain.

Negara-negara Russia dan Amerika Syarikat telah memberi penghormatan yang sewajarnya kepada ASEAN hasil daripada kejayaan tersebut di atas. Kedua-dua negara itu juga mengakui bahawa ASEAN merupakan sebuah organisasi yang positif dan konstruktif dalam usaha-usaha untuk mengujudkan kesetabilan dan keamanan di rantau Asia Tenggara.

Amerika Syarikat adalah salah sebuah negara dailog ASEAN. Melalui dailog-dailog ini telah dihasilkan beberapa program kerjasama diantara ASEAN dan Amerika Syarikat terutama dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pembangunan sumber tenaga manusia seperti pemberian biasiswa dan latihan. Tidak ada bantuan khas yang telah diminta daripada kedua-dua negara tersebut.

#### PENCEN TERBITAN BAGI BALU-BALU

**26. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai balu-balu yang dalam lingkungan 40 tahun ke bawah yang sedang menerima pencen terbitan dari Kerajaan sekarang.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Daripada 38,000 penerima pencen terbitan, 2,241 terdiri dari balu-balu dalam lingkungan 40 tahun ke bawah. Pada keseluruhannya terdapat sejumlah 6,377 orang balu yang berumur dalam lingkungan 45 tahun ke bawah.

#### KBSR TAHAP II

**27. Tuan G. Pasamanickam** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan Kementerian Pelajaran akan meneruskan KBSR Tahap 2 di dalam pengajaran di sekolah-sekolah Rendah, kejayaan yang telah dicapai dalam tahap I.

**Dato Dr Ling Liong Sik:** Memang benar Kementerian Pelajaran akan meneruskan KBSR Tahap II di Sekolah Rendah mulai tahun hadapan. Menyentuh tentang kejayaan yang dicapai, adalah didapati bahawa murid-murid di Tahap I mempunyai pencapaian yang lebih tinggi dalam semua kemahiran asas membaca, menulis dan mengira, berbanding dengan murid-murid yang mengikuti kurikulum lama. Disamping itu murid-murid yang mengikuti KBSR juga adalah didapati lebih aktif dan riang dalam pembelajaran mereka.

#### GAJI MAKSIMA PEKERJA

**28. Puan Sri Datin Janaky Athi Nahappan** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau bercadang untuk melaksanakan gaji maksima di seluruh negara untuk menjaga pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah seperti yang dituntut oleh Persatuan-persatuan Pekerja baru-baru ini.

**Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam):** Saya percaya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam soalnya itu ialah mengenai



kadar gaji minima dan bukannya kadar gaji maksima di seluruh negara. Kementerian saya adalah bertanggungjawab menjaga hak dan kepentingan pekerja di sektor swasta. Penetapan kadar gaji pekerja adalah menjadi hak individu majikan mengikut kemampuan dan kedudukan kewangan majikan itu atau mengikut kawasan-kawasan tertentu. Buat masa sekarang, Kementerian saya adalah berpuashati dengan jentera-jentera yang ada untuk menetapkan kadar gaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerja di sektor swasta. Bagi pekerja-pekerja yang berkesatuan, jentera perundingan bersama sedang berjalan dengan lancar dan memuaskan. Pekerja-pekerja berkenaan sedang menikmati sekiranya gaji dan syarat-syarat perkhidmatan mengikut perjanjian-perjanjian bersama yang ditandatangani hasil dari rundingan-rundingan yang diadakan di antara pihak kesatuan dan majikan. Penetapan gaji secara begini adalah lebih memuaskan dan adil kepada kedua-dua pihak majikan dan pekerja.

Di samping itu terdapat perundangan bagi pembentukan Majlis-majlis Penetapan Gaji untuk menetapkan saraan minima bagi pekerja-pekerja dalam industri-industri di mana tidak ada jentera yang mencukupi untuk merundingkan tentang gaji. Setakat ini sebanyak 4 Majlis Penetapan Gaji telah dibentuk dan 4 Perintah Peraturan Gaji telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Buruh.

Kementerian saya akan juga mengawasi kadar gaji dan lain-lain syarat pekerjaan yang ditawarkan kepada pekerja-pekerja di semua peringkat dan tempat pekerjaan dan sekiranya berlaku sebarang penindasan pekerja, tindakan yang sewajarnya akan diambil. Oleh yang demikian, Kementerian saya tidak bercadang untuk melaksanakan gaji minima di seluruh negara seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

### KADAR INFLASI

**29, Puan Sri Datin Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan masalah kenaikan kadar inflasi yang menyusahkan kaum pekerja berpendapatan

rendah nyatakan tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi kerumitan kewangan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Pada keseluruhannya didalam keadaan sekarang kadar inflasi yang dialami di Malaysia pada tahun 1984 ialah sebanyak 3.9% adalah satu kadar yang rendah jika dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain. Bagi kawasan Asia kadar inflasi pada tahun 1984 ialah sebanyak 7%. Ada terdapat negara-negara di benua Latin Amerika dan Afrika yang mengalami kadar inflasi yang melebihi 100% setahun. Berbanding dengan negara-negara lain kita harus bangga dengan kadar inflasi yang rendah dan stabil. Ini bermakna usaha-usaha Kerajaan untuk mengukuhkan ekonomi dan mengurangkan inflasi adalah berkesan.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah-langkah untuk memastikan supaya kaum pekerja berpendapatan rendah tidak mengalami kesulitan kewangan. Sebahagian dari langkah yang telah diambil ialah mengawal kenaikan harga barangan-barangan pengguna utama seperti barang-barang makanan melalui memestikan penjual-penjual menyediakan tanda-tanda harga, memberi subsidi keluaran-keluaran pertanian seperti subsidi padi dan baja untuk mengurangkan kos pengeluaran. Kerajaan juga memberi pinjaman kepada Kerajaan Negeri untuk perumahan kos rendah. Tindakan-tindakan ini adalah diambil dengan bertujuan membantu kaum pekerja yang berpendapatan rendah. Di samping itu Kerajaan telah dalam Rancangan Malaysia Keempat melaksanakan beberapa projek untuk menambahkan pendapatan dan peluang pekerjaan. Baru-baru ini Kerajaan telahpun menaikkan gaji kakilangan dalam Kumpulan C & D di sektor awam.

Saya suka menyatakan di sini bahawa cara yang berkesan untuk mengatasi kesan-kesan inflasi dalam negara ialah melalui penambahan produktiviti sistem pengeluaran. Ini bermakna sistem pengeluaran mestilah mencari jalan untuk mengurangkan kos pengeluaran seperti mengguna alat-alat dan teknologi yang lebih maju dan pekerja-pekerja yang bekerja lebih kuat dan cekap tanpa banyak pembaziran.

Pada masa sekarang kos buruh (cost of labour) dalam Malaysia adalah tinggi jika dibandingkan dengan kos buruh di rantau ini. Kenaikan gaji buruh di Malaysia bukanlah satu-satunya jalan penyelesaian untuk mengurangkan inflasi. Bahkan inflasi akan meningkat selaras dengan meningkatnya gaji.

Adalah diharapkan rakyat akan bekerjasama dengan membantu Kerajaan mengukuhkan ekonomi negara dan mengawal inflasi. Tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah ialah menyokong kempen membeli barangan buatan Malaysia, mengurangkan perbelanjaan-perbelanjaan yang tak perlu, menambah simpanan dan mengamal sikap jimat-cermat dan seterusnya berusaha dan bekerja kuat untuk menambah produktiviti.

#### PROJEK TERUSAN SEGENTING KRA — PEMBINAAN

**30. Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa negara Thai bercadang hendak memulakan projek terusan Segenting Kra dan menyatakan sama ada munculnya rojek ini aktiviti-aktiviti di pelabuhan-pelabuhan kita akan terjejas dan jika ya, nyatakan tindakan akan diambil untuk mengatasi cabaran ini.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Kerajaan sedar sejak dahulu lagi bahawa terdapat rancangan pembinaan projek terusan Segenting Kra oleh negara Thailand. Walau bagaimanapun kedudukan dan perlaksanaan projek ini belum dapat dipastikan dan Kerajaan akan sentiasa menyemak kedudukan perkara ini. Kerajaan bersedia mengatasi masalah yang mungkin timbul terhadap perdagangan luar Malaysia melalui pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Dalam pada itu, tindakan sentiasa diambil oleh Kerajaan untuk menentukan adanya kemudahan pelabuhan yang cukup dan efisien, bagi menentukan kegunaan sepenuhnya Pelabuhan-pelabuhan di Malaysia.

#### DEMAM DENGGI

**31. Tuan Haji Shuaib** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bilangan kes demam denggi di negeri Johor

adalah bilangan yang tertinggi sekali di dalam negara dan jika sedar nyatakan sebabnya dan tindakan yang telah dan akan diambil supaya penyakit ini tidak merebak ke seluruh negara.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Sekarang, Negeri Johor tidak mencatatkan bilangan kes Demam Denggi/Denggi Berdarah yang terbanyak sekali di Malaysia. Hingga 8.7.85 cuma 9 kes kes Denggi sahaja dilaporkan di Negeri Johor.

Walaupun bagaimanapun, satu penilaian ke atas aktiviti anti Aedes pada bulan-Mei 1985 menunjukkan negeri Johor mempunyai bilangan terbanyak lokaliti-lokaliti yang sensitif terhadap Denggi. Lokaliti sensitif Denggi ditakrifkan sebagai satu kawasan di mana kepadatan pembiakan Nyamuk Aedes adalah tinggi dan dengan itu berkemungkinan mencetuskan wabak Denggi. Pengumuman yang dibuat adalah sebgailangkah berjaga dan mengingatkan orang ramai tentang bahaya yang berkenaan.

Tindakan-tindakan mengurangkan sumber pembiakan, kebersihan persekitaran, pelajaran kesihatan, kegunaan ubat pembunuh jentik-jentik yang sesuai dan menguatkuasakan undang-undang sedang dijalankan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

#### HOSPITAL BARU — PENANGGUHAN PEMBINAAN

**32. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah bangunan baru bagi Hospital Daerah Tampin, Kuala Pilah dan Port Dickson akan didirikan memandangkan kawasan tapak bagi tujuan tersebut telahpun diperolehi.

**Dato K.Pathmanaban:** Kementerian Kesihatan didalam Rancangan Malaysia Yang Ke Empat menghadapi kekurangan peruntukan pembangunan akibat kemelesetan ekonomi Negara. Oleh yang demikian, perlaksanaan hospital-hospital baru kebanyakannya terpaksa ditangguhkan di dalam RM4. Perlaksanaannya akan dibual apabila peruntukan yang cukup diperolehi.

### INSTITUT DAKWAH PERINGKAT DIPLOMA

33. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Perdana Menteri menyatakan adakah usaha-usaha yang akan diatur oleh Pusat Islam bagi mewujudkan satu Institusi Dakwah di Peringkat Diploma dengan tujuan:

- (i) mengatasi kekurangan kadar-kadar Pendakwah Islam di peringkat Pusat dan Negeri-negeri di Malaysia;
- (ii) mengeluarkan Pendakwah yang cukup terlatih dan berkemampuan dan
- (iii) melahirkan Pendakwah yang benar memahami konsep pembangunan rohani dan pembangunan negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohammad Noor):** Langkah-langkah telah dan sedang diambil untuk mempertingkatkan kemampuan Institut Dakwah dan Latihan Islam di Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri untuk menjadikannya sebuah institut latihan dakwah yang ulung di negara ini yang boleh mengeluarkan pendakwah-pendakwah yang cukup terlatih dan berkemampuan serta memahami konsep pembangunan rohani dan pembangunan negara. Langkah pertama yang telah diambil ialah mulai Januari 1984 jawatan-jawatan baru telah diwujudkan sebagai tenaga pengajar bagi Institut ini. Selanjutnya kemudahan infrastruktur telah disediakan dengan siapnya bangunan baru Pusat Islam dan ini termasuk bilek-bilek kuliah, asrama dan alat kelengkapan. Langkah yang sedang dijalankan sekarang ialah melaksanakan satu program latihan pegawai-pegawai untuk menjadikan mereka tenaga pengajar dan jurulatih yang mahir dalam semua bidang yang berkaitan dengan tugas-tugas dakwah.

Sementara itu Institut Dakwah dan Latihan Islam telah menyusun program latihannya dengan maksud menambahkan bilangan pendakwah-pendakwah yang mampu menunaikan tanggungjawab menyeru kepada kebaikan dan melarang kemungkaran. Termasuk dalam program ini ialah kursus-kursus perkadaran dakwah bagi pegawai-pegawai tentera dan pegawai-pegawai awam dalam perkhidmatan awam, bagi pemimpin-pemimpin masyarakat

dan pemimpin-pemimpin beia dan juga latihan bagi pegawai-pegawai penerangan agama Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri.

Disamping Institut Dakwah dan Latihan Islam itu, di Bahagian Hal Ehwal Islam terdapat sebuah lagi institusi latihan iaitu Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat. Maahad ini mengadakan kursus peringkat diploma selama 3 tahun dalam bidang ilmu Al-Quran dan pengajian agama Islam amnya, Maahad ini adalah mengeluarkan pendakwah-pendakwah yang berkebolehan dalam ilmu agama dan mahir dalam bidang dakwah di samping mereka itu merupakan hafiz-hafiz Al-Quran.

### HUJAN TIRUAN

34. **Dato Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa negara kita telah mengalami keadaan suhu berpanjangan bukan sahaja di Wilayah Persekutuan tetapi di merata negara dan jika sedar apakah tindakan beliau boleh dan akan diambil untuk mencipta hujan dengan tujuan membantu mereka yang bercucuk tanam khasnya petani-petani.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Tiada seorang pun hanya Tuhan yang boleh mencipta hujan. Apa yang boleh dilakukan oleh manusia ialah untuk menyebabkan hujan tiruan melalui pembenihan hujan dengan menggunakan kimia-kimia yang tertentu.

Kekesanan pembenihan hujan bergantung kepada keadaan langit. Jika terdapatnya awan mendung (rain-bearing clouds) di sesuatu kawasan yang tertentu barulah pembenihan hujan boleh menjadi efektif.

Unluk makluman Ahli Yang Berhormat, perbelanjaan purata bagi satu pesawat untuk tiap-tiap operasi pembenihan hujan adalah lebih kurang \$3,700/=. Perbelanjaan purata bagi dua pesawat setiap bulan ialah lebih kurang \$450,000/=.

Di Semenanjung Malaysia, operasi pembenihan hujan dijalankan di kawasan skim taliair MADA di Kedah bagi tujuan pertanian. Operasi ini dibatalkan buat sementara waktu pada bulan Jun dan Julai ini dan ianya akan disambung semula apabila keadaan cuaca menjadi lebih sesuai untuk meneruskan operasi.

#### JALAN KHAS MOTOSIKAL/BASIKAL

35. **Dato Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau ada rancangan untuk memberi satu jalan khas bagi motosikal dan basikal di Bandaraya Kuala Lumpur untuk memberi kemudahan kepada mereka yang menaiki motosikal dan basikal dan terutama sekali untuk mengelakkan dari kesibukan jalanraya yang biasanya mendatangkan kemalangan.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Pelaksanaan rancangan ini melibatkan tanah dan kos tambahan dalam sesuatu projek pembinaan jalan. Di dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur yang mana pembangunan yang pesat telah berlaku di tepi kiri kanan jalan-jalan yang sedia ada soalan tanah merupakan satu masalah utama yang perlu diatasi sebelum pelaksanaan lorong khas motosikal dan basikal boleh diteruskan.

Pihak Kerajaan dalam usaha merancang sesuatu jalan baru di kawasan Bandaraya biasanya memberi pertimbangan kepada pengguna motosikal dan basikal. Jika jalan baru yang dirancang merupakan sebatang jalan dengan had lajudanjangkaan lalulintasyangtinggi, lorong khas motosikal dan basikal biasanya diberikan, misalnya lebuh raya Persekutuan yangmelalui kawasan Bandaraya Kuala Lumpur.

#### SETINGGAN MENDUDUKI TANAH KERETAPI TANAH MELAYU

36. **Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Pengangkutan menyatakan perkara berikut berhubung dengan setingan yang menduduki tanah milik Keretapi Tanah Melayu.

- (a) tindakan Menteri terhadap setingan itu;
- (b) jumlah kemalangan keretapi yang berlaku disebabkan oleh kelalaian atau kesalahan setingan dan nyatakan jumlah kerugian yang ditanggung oleh KTM dan jumlah jiwa yang terkorban;
- (c) jumlah setingan yang masih menduduki lanah kepunyaan KTM pada masa ini dan dari jumlah itu berapa ramai dari mereka itu yang bekerja dengan KTM;
- (d) sama ada benar KTM pernah memungut sewa dari setingan dan jika benar nyatakan jumlahnya dan ke dalam tabung mana wang itu dimasukkan.

#### Puan Hajjah Rahmah binti Othman:

- (a) Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telapun mengeluarkan pemberitahuan kepada semua setingan dalam tanah KTM di seluruh rangkaian KTM untuk mengingatkan mereka supaya berpindah secara sendiri sebelum tindakan diambil oleh pihak KTM. Pada masa sekarang pihak KTM hanya merobohkan rumah-rumah setingan yang baru dan yang masih dibina. Berkenaan dengan setingan yang lama rundingan akan dibuat dengan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini.
- (b) Perangkaan yang diselenggarakan oleh Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu meliputi orang-orang awam yang dilanggar oleh tren (keretapi) akibat dari kelalaian atau kesalahan mereka sendiri kerana berada di atas landasan atau terlalu dekat landasan ketika tren berlalu. Kebanyakan dari mereka yang malang itu dipercayai tinggal di beberapa perkampungan di sekitar landasan yang mana termasuk para setingan.

KTM tidak pernah membuat sebarang tuntutan terhadap kemalangan seumpama ini dan yang demikian, butir-butir mengenai kerugian

yang ditanggung oleh KTM tiada diselenggarakan. Bagaimanapun, untuk pengetahuan yang Berhormat setiap tren yang terlibat dalam kemalangan sedemikian terpaksa tertahan beberapa minit untuk tindakan yang perlu oleh kakitangan tren dan bagi setiap minit tren tertahan bermakna kerugian sebanyak \$2.84 sen ditanggung oleh KTM.

Jumlah jiwa terkorban dan tercedera akibat kemalangan seumpama ini adalah seperti berikut:-

<i>Tahun</i>	<i>Maut</i>	<i>Cedera</i>
1980	33	32
1981	31	32
1982	50	18
1983	35	24
1984	49	28
1985	22	11

(Jun 85)

- (c) Adalah dianggarakan jumlah setinggan yang terdapat di atas tanah kere-tapi ialah lebih kurang 200,000 orang sekarang.
- (d) Keretapi Tanah Melayu tidak meres-tui pendudukan setinggan di atas ta-nahnya dan tiada kutipan sewa dilak-ukan.

#### KEMALANGAN JALANRAYA

37. **Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** min-ta Menteri dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah kemalangan jalanraya yang berlaku di seluruh negara dan dari jumlah ini berapa pula yang melibat-kan kenderaan dari negara Singapura dan Thailand;
- (b) tindakan yang telah diambil ke atas pemandu asing yang didapati sabit kesalahan dan jumlah wang denda se-jak lima tahun dahulu yang dikutip dari pamandu-pemandu asing yang melakukan kesalahan lalulintas.

#### Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (a) Jumlah kemalangan jalanraya yang berlaku di seluruh negara dalam tem-poh lima tahun dari tahun 1980 hingga tahun 1984 berjumlah sebanyak 356,048. Jumlah ini termasuk kendera-an warganegara Singapura dan Thai-land, walau bagaimanapun bilangan-nya tidak disimpan secara berasingan.
- (b) Rekod berasingan tidak disimpan ter-hadap pemandu asing yang didapati melakukan kesalahan berkaitan ke-malangan jalanraya dan begitu juga wang denda yang dikenakan sejak 5 tahun dahulu.

#### RANG UNDANG-UNDANG BOMBA

38. **Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Men-teri Perumahan dan Kerajaan Tempatan me-nyatakan sama ada benar bahawa Rang Unda-ang-undang Bomba telah disediakan beberapa tahun dahulu, tetapi masih belum dikemukak-an kepada Jemaah Menteri, jika benar bilakah Rang Undang-undang itu akan dikemukakan supaya dapat diluluskan oleh Dewan Parlimen.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya menyatakan bahawa deraf Undang-undang Bomba belum boleh dikemukakan kepada Jemaah Menteri oleh kerana masih dalam peringkat Kajian/Perbincangan Kementerian sebelum di-buat penggubalan akhir. Walau bagaimana-pun, Perkhidmatan Bomba telah dikawal oleh Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam yang baru saja diluluskan.

#### PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH — MENGHAPUSKAN

39. **Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Men-teri Pelajaran menyatakan sama ada benar ba-berapa Kementerian bercadang hendak mengha-puskan Peperiksaan Penilaian Darjah 5 ke-naikan darjah bagi tiap-tiap tahun untuk men-jamin taraf atau mutu pelajaran.

**Dato Dr. Ling Liong Sik:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peperiksaan penilaian Darjah 5 adalah diadakan bagi murid-murid yang mengikuti Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR). Peperiksaan ini akan berakhir pada tahun 1986. Bagi murid-murid yang mengikuti KBSR, penilaian ke atas perkembangan dan pencapaian mereka akan dijalankan berterusan dan bukan hanya diakhir tahun sahaja. Pada akhir tahun 6, Ujian Pencapaian Sekolah Rendah akan dijalankan ke atas semua murid iaitu bermula pada tahun 1988. Tujuan penilaian di akhir Tahun 6 di sekolah rendah ini adalah untuk mengkaji taraf pencapaian murid dan keberkesanan program ini.

#### **PUSAKABUMI — FUNGSI DAN PERANAN**

**40. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kedudukan Unit Penyertaan Bumiputera dalam Kementerian Kerja Raya sejak penubuhan PUSAKABUMI; dan
- (b) sama ada Kerajaan merancang memindahkan kesemua fungsi Unit Penyertaan Bumiputera dari Kementerian Kerja Raya kepada PUSAKABUMI.

**Dato Mohamad Khalil bin Yaakob:**

- (a) Kerajaan semasa mengulangkaji fungsi dan peranan baru PUSAKABUMI, telahpun mengambilkira akan wujudnya unit-unit yang ditubuhkan khas di Kementerian/Jabatan Kerajaan untuk memberi bantuan khas kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera seperti Unit Penyertaan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya. Bidang khidmat nasihat adalah satu bidang yang luas di mana Unit-unit Khas Bumiputera boleh terus memainkan peranan mereka tanpa menimbulkan percanggahan lugas. Oleh itu Kerajaan telah membuat keputusan supaya Unit-unit Khas itu, seperti Unit Penyertaan Bumiputera di Kementerian Kerja Raya, patut terus wujud untuk

terus menjalankan fungsi mereka dalam membantu dan memberi khidmat nasihat kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera.

- (b) Berasaskan kepada penjelasan itu, Kerajaan tidak bercadang memindahkan fungsi memberi khidmat nasihat oleh Unit Penyertaan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya ke PUSAKABUMI.

#### **PUSAKABUMI — MENDAFTARKAN KONTRAKTOR KERJA**

**41. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peranan PUSAKABUMI ketika ini amat terhad kepada pendaftaran kontraktor sahaja, sedangkan hasrat asal penubuhannya jauh melebihi dari itu, dan jika sedar apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan bahawa keseluruhan peranan-peranan PUSAKABUMI mengikut rumusan kongres Ekonomi Bumiputera 1980 dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

**Dato Mohamad Khalil bin Yaakob:** Peranan dan fungsi yang diterapkan oleh Kerajaan untuk PUSAKABUMI ialah:-

- (i) Mendaftarkan semua kontraktor kerja diseluruh negara dan hal ehwal berkaitan dengan pendaftaran.
- (ii) Memberi pengiktirafan Bumiputera kepada kontraktor-kontraktor yang berkecayaan.
- (iii) Menjadi Pusat Rujukan perihal kontraktor.
- (iv) Memberi khidmat nasihat dan bantuan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang melaksanakan kontrak bagi Jabatan-jabatan Kerajaan yang belum lagi mempunyai Unit Khas untuk memberi bantuan kepada mereka.

Buat masa ini Kerajaan berpendapat bahawa tugas-tugas tersebut di atas adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengkaji dari masa kesemasa, jika perlu, tugas-tugas lain.

**PENGEMIS — RAKYAT ASING  
YANG DITANGKAP**

**42. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:-

- (a) bilangan rakyat asing yang telah ditangkap kerana masuk secara haram dengan tujuan menjadi pengemis di negara ini sejak bulan Januari 1984 hingga sekarang;
- (b) dari negara manakah yang ramai sekali rakyat asing ini datang; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah pengemis asing ini.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato'Abu Hassan bin Haji Omar):**

- (a) Sejak bulan Januari 1984 hingga Jun 1985 bilangan rakyat asing yang telah ditangkap kerana masuk ke negara ini secara haram dengan tujuan menjadi pengemis ialah seramai 256 orang terdiri dari 76 dewasa dan 180 kanak-kanak.
- (b) Mereka didapati tidak mempunyai sebarang dokumen sah yang boleh menentukan negara asal atau kewarganegaraan mereka dan oleh itu Kementerian saya tidak dapat menentukan taraf kerakyatan mereka.
- (c) Beberapa perbincangan telah diadakan di antara Kementerian Kebajikan Masyarakat dengan Kementerian Dalam Negeri termasuk pihak Polis dan Imigresen, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Penerangan, Majlis Keselamatan Negara dan Jabatan Perdana Menteri untuk mencari jalan bertindak dengan lebih tegas dan berkesan terhadap masalah pengemis asing ini. Beberapa langkah telahpun ditetapkan seperti:-
  - (i) Pihak Polis dan Imigresyen akan mengadakan kawalan ketat di tempat-tempat dari mana pengemis asing diketahui masuk ke negara ini;
  - (ii) Pengemis asing dewasa yang ditangkap dalam serbuan yang

dijalankan oleh Jabatan Kebajikan-kebajikan Masyarakat akan didakwa di Mahkamah sebagai pendatang haram oleh Jabatan Imigresyen di bawah Akta Imigresyen 1959/63; dan

- (iii) Pihak Imigresyen akan mengambil tindakan undang-undang terhadap tuan punya hotel atau rumah yang menyewakan hotel atau rumah mereka kepada pengemis asing yang masuk ke negara ini secara haram.

**WANITA ORANG ASLI MATI  
MELAHIRKAN ANAK**

**43. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan wanita Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang mati akibat melahirkan anak bagi tahun-tahun 1980, 1981, 1982, 1983 dan 1984;
- (b) bilangan penduduk yang diperlukan bagi sesuatu kampung atau mukim sebelum diadakan Klinik bidan untuk merawat ibu-ibu mengandung dan memastikan kesihatan mereka terjamin; dan
- (c) sama ada terdapat sebarang rancangan Kerajaan hendak melatih gadis-gadis Orang Asli yang sudah tamat pelajaran-pelajaran sekolah rendah sebagai bidan di kampung-kampung mereka di pedalaman.

**Dato' K. Pathmanaban:**

- (a) Bilangan wanita Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang mati akibat melahirkan anak adalah seperti berikut:-

<i>Tahun</i>	<i>Bil. Kematian</i>
1980	Tiada
1981	2
1982	3
1983	8
1984	6
1985 (sehingga bulan Jun)	1

- (b) Bilangan penduduk yang diperlukan bagi sesuatu kampung atau mukim sebelum diadakan Klinik Bidan untuk merawat ibu-ibu mengandung ialah 2,000 orang. Walau bagaimanapun, kriteria ini diubahsuai mengikut keadaan dan keperluan. Misalnya bagi kawasan-kawasan terpencil dan di mana cara komunikasi adalah kurang memuaskan, maka klinik bidan didirikan bagi penduduk-penduduk kurang dari 1,000 orang.
- (c) Kementerian Kesihatan tidak mempunyai rancangan khas untuk melatih gadis-gadis orang asli sebagai Bidan. Walau bagaimanapun, gadis-gadis orang asli yang mempunyai kelayakan yang diwajibkan bolehlah memohon apabila urusan mengambil bidan-bidan pelatih diiklan.

#### **BERAS — PENGELUARAN TEMPATAN**

**44. Tuan Tan Chang Soong** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada hasil pengeluaran beras kini mencukupi untuk memenuhi permintaan penduduk-penduduk negara ini; jika tidak, nyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil untuk menjadikan negara kita sebuah negara yang boleh menghasilkan beras dengan secukup-cukupnya.

**Dr Goh Cheng Teik:** Pengeluaran beras tempatan kini adalah mencukupi memenuhi kira-kira 65% dari jumlah permintaan beras penduduk-penduduk Malaysia. Memandangkan bahawa kos pengeluaran beras di negara ini adalah tinggi dan aliran harga beras import berturut-turut menurun keparas yang lebih rendah, maka adalah tidak ekonomik bagi negara ini mengeluarkan 100% daripada keperluan.

#### **KAWALAN KESELAMATAN DI LAPANGAN TERBANG**

**45. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau cukup puas hati dan yakin akan Sistem Kawalan Keselamatan di lapangan-lapangan

terbang di negeri ini untuk mengesan dan mencegah tindakan-tindakan jenayah yang mungkin dilakukan oleh pegganas-pegganas antarabangsa yang banyak berlaku di negara-negara lain baru-baru ini.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Sistem Kawalan Keselamatan yang di adakan di semua lapangan terbang di negara ini adalah dilaksanakan sejajar dengan dan mengikut perakuan-perakuan yang di tetapkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (International Civil Aviation Organization ICAO). Sistem Kawalan Keselamatan juga bertujuan mengesan dan mencegah tindakan-tindakan jenayah yang mungkin dilakukan oleh pegganas-pegganas antarabangsa. Sistem yang diadakan itu termasuklah melengkapkan lapangan-lapangan terbang dengan alat-alat pengesanan dan pemeriksaan keselamatan yang moden dan juga tindakan bagi melatih kakitangan untuk menjalankan tugas-tugas keselamatan dengan berkesan. Kementerian saya dan Jabatan Penerbangan Awam akan terus mengawasi keadaan dilapangan-lapangan terbang untuk menentukan segala langkah-langkah keselamatan termasuk sentiasa mengikut keperluan-keperluan ICAO dan amalan antarabangsa.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat semua beg, bungkusan parcel dan peti yang hendak di bawa dalam penerbangan termasuk 'hand-luggage' adalah dikehendaki menjalani pemeriksaan keselamatan sebelum ianya di benarkan dimuatkan atau di bawa bersama ke dalam kapal terbang. Penumpang-penumpang, anak-anak kapal dan juga pekerja-pekerja yang bertugas di kawasan udara (airside) lapangan terbang juga diperiksa sebelum di benarkan masuk ke kawasan lapangan atau dalam kapal terbang.

#### **PELABURAN ASING DAN SWASTA**

**46. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelaburan asing dan swasta dalam negara ini bagi tempoh masa lima tahun yang lampau dan sama ada Kerajaan berpuashati dengan keadaan tersebut dan kalau tidak mengapa dan apakah langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan.



**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato'Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Bagi tempoh 1980 hingga 1984, sejumlah 2,818 projek perindustrian telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Jumlah pelaburan modal dalam projek-projek ini bernilai sebanyak \$20,598.12 juta, di mana cadangan modal dibayar adalah sebanyak \$7,222.5 juta dan pinjaman adalah sebanyak \$13,375.7 juta. Dari cadangan modal dibayar ini, \$1,932.3 juta adalah dari sumber-sumber asing.

Perkembangan sektor perindustrian dalam beberapa tahun kebelakangan ini tidaklah begitu memuaskan. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, sektor perindustrian dijangka bertumbuh pada kadar purata tahunan sebanyak 11.0 peratus.

Walau bagaimanapun kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat menunjukkan bahawa untuk tempoh 1981-1983, sektor ini berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 4.9 peratus sahaja.

Prestasi yang kurang memuaskan oleh sektor perindustrian adalah kerana keadaan ekonomi merosot yang berlanjutan/terusan. Walaupun begitu, usaha-usaha akan terus diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki iklim pelaburan negara ini supaya dapat menambahkan aliran pelaburan, dari sumber tempatan serta sumber luar, ke dalam negara. Sehubungan dengan ini, beberapa dasar sedang dikaji semula, dengan tujuan menjadikan negara ini lebih menarik kepada pelaburan dalam Sektor perindustrian. Garis panduan-garis panduan mengenai pelaburan asing, umpamanya, telah diubah untuk menjadikannya lebih liberal bagi pelabur-pelabur asing melabur dalam projek-projek perindustrian di negara ini. Pada masa yang sama, galakan-galakan yang sedia ada untuk pelabur-pelabur sedang dikaji semula. Untuk menentukan arah perkembangan program perindustrian dimasa depan. Pelan Induk Perindustrian sedang disediakan. Usaha-usaha memperbaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur terus dibuat untuk memastikan bahawa keperluan-keperluan pelabur-pelabur dipenuhi. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kadar bagi panggilan talipon kepada beberapa negara asing telah pun dikurangkan

baru-baru ini sementara, kadar tarif elektrik sedang dikaji semula dengan tujuan untuk menjadikan kadar elektrik lebih murah supaya industri-industri di negara ini dapat bertanding dengan industri-industri di negara lain.

Pada masa yang sama, usaha-usaha akan terus dibuat untuk 'memperkenalkan' negara ini dan untuk tujuan ini, misi-misi pelaburan akan terus dihantar kepada negara-negara yang mengeksport modal seperti Amerika Syarikat, Europa, Jepun dan Australia.

## KEWARGANEGARAAN — PROSES PERMOHONAN

**47. Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) sebab-sebab mengapa Kementerian Dalam Negeri mengambil masa yang lama untuk memproses permohonan untuk kewarganegaraan dan nyatakan juga sama ada Kementerian akan mengambil langkah-langkah segera untuk mencepatkan pemerosesan permohonan sedemikian; dan
- (b) sama ada benar bahawa ada beberapa orang pegawai Kerajaan yang terlibat di dalam memperkenalkan kad pengenalan biru dan permit kerja kepada pendatang-pendatang haram Indonesia, jika benar nyatakan langkah-langkah positif yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal kemasukan pendatang-pendatang haram Indonesia.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Setiap permohonan untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan perlu dikaji dengan rapi dan disiasat dengan teliti demi mengesahkan kebenaran setiap maklumat yang diberikan oleh seseorang pemohon itu. Ini adalah perlu bagi menjamin bahawa mereka yang benar-benar layak serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Malaysia sahaja yang dianugerahkan taraf kewarganegaraan. Proses ini memakan masa dan masa yang digunakan itu adalah tidak melebihi masa yang diperlukan. Pada masa ini, cara memproseskan permohonan kewarganegaraan adalah memuaskan.

Pegawai-pegawai Kerajaan tidak terlibat dalam pengeluaran Kad Pengenalan Biru atau Pas Kerja kepada pendatang-pendatang haram dari Indonesia atau dari mana-mana negara pun.

#### TENTERA RUSSIA DI VIETNAM — ANCAMAN

**48. Tuan M.G. Pandithan** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada kehadiran Tentera Russia di Vietnam akan mengancam keselamatan negara-negara ASEAN.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa);** Kehadiran Tentera Soviet di Vietnam adalah merupakan satu perseimbangan kekuatan ketenteraan di Rantau Asia Tenggara dan sudah tentu secara tidak langsung dianggap sebagai satu ancaman kepada negara-negara ASEAN.

Kerajaan kita memang sentiasa mengawasi setiap perkembangan yang berlaku di sekitar rantau ini khasnya yang dianggap mempunyai potensi dalam mengancam keselamatan negara. Langkah yang diambil ke arah menghadapi sebarang kemungkinan yang melibatkan 'super power' tidak hanya tertumpu kepada aspek ketenteraan sahaja tetapi yang lebih penting melalui penyelesaian politik dan diplomatik.

Memperjuangkan konsep ZOPFAN (Dasar Pengecuaian Asia Tenggara) meningkatkan kerjasama dalam konteks ASEAN adalah usaha yang diamalkan. Langkah melalui kekuatan ketenteraan untuk mempertahankan kedaulatan negara adalah sebagai pilihan terakhir.

#### KENAIKAN PANGKAT KAKITANGAN KERAJAAN

**49. Tuan M.G. Pandithan** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pengambilan dan kenaikan pangkat kakitangan Kerajaan dibuat mengikut bangsa dalam tahun 1984.

**Dato Mohamad Khalil bin Yaakob:** Pengambilan dan kenaikan pangkat kakitangan Kerajaan tidaklah diasaskan kepada sesuatu kaum atau bangsa.

#### BANK GUARANTEE KEPADA PEMBORONG

**50. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Kewangan menyatakan tujuan Kerajaan mengenakan 'Bank Gerenti' kepada setiap pemborong yang memasuki sesuatu tender Kerajaan; dan tidakkah Kerajaan sedar ini merupakan satu tekanan kepada pemborong bumiputera.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tujuan Kerajaan mengenakan 'Bank Guarantee' kepada sesuatu pemborong yang memasuki sesuatu tender Kerajaan ialah untuk memastikan penender-pender tersebut benar-benar berminat mengambil bahagian jika projek tersebut ditawarkan kepadanya. Selain daripada itu, tujuan Bank Guarantee' adalah untuk memastikan seseorang kontraktor tidak sewenang-wenangnya manarik diri daripada menerima sesuatu tender jika Kerajaan bersetuju menawarkan tender tersebut kepadanya. Ini adalah oleh kerana jika keadaan ini berlaku ianya akan mengakibatkan pembaziran masa pentadbiran dan mungkin juga tender tersebut perlu dipanggil semula. Ini sudah tentu akan melewati pelaksanaan projek Kerajaan atau pembelian sesuatu barang. Harganya juga mungkin akan bertambah.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan mengenai 'Bank Guarantee' bagi penender-pender tempatan yang ingin memasuki semua tender Kerajaan ini telahpun dibatalkan sekarang ini. Ini adalah bertujuan untuk membantu kontraktor-kontraktor tempatan terutama sekali kontraktor-kontraktor bumiputera yang memasuki sesuatu tender Kerajaan.

#### HARGA GULA

**51. Datuk G. Pasamanickam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa walaupun harga gula telah diturunkan 10 sen bagi sekilo tetapi harga roti, kek, minuman-minuman dan lain-lain barangan yang mengandungi bahan gula harganya tetap tidak berubah; jika sedar nyatakan tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Harga barang-barang seperti roti, kek, minuman dan lain-lain yang mengandungi bahan gula tidaklah dikawal oleh Kerajaan kerana tidak dianggap begitu perlu dan tidak juga praktikal untuk dikawal. Kerajaan hanya berharap bahawa dengan penurunan harga gula, harga barang-barang yang menggunakan gula sebagai bahan akan turut turun. Seandainya tidak, terpulanglah kepada setiap pengguna untuk menilai sama ada barangan itu wajar dibeli atau tidak.

Kerajaan hanya dapat mengawal harga barang-barang yang dianggap perlu dan asas dan yang boleh dikawal. Bagi barang-barang selain daripada itu, pengguna patutlah memainkan peranan mereka (*exercise their rights*) untuk tidak membeli jika harga barang berkenaan tidak berpatutan.

#### GAMBAR INGGERIS DI TV

52. **Datuk G. Pasamanickam** minta Menteri Penerangan menyatakan tindakan Kementerian mengenai unsur-unsur negatif dan kurang sopan yang sering ditayangkan di TV Malaysia terutamanya dalam tayangan gambar Inggeris.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad):** Kementerian saya senantiasa waspada tentang unsur-unsur negatif dan kurang sopan dalam semua rancangan-rancangan televisyen. Komen-komen serta teguran-teguran dari penonton-penonton dan orang ramai sentiasa dikaji dan jika didapati wajar, maka tindakan akan diambil untuk memberhentikan rancangan-rancangan yang tidak disenangi oleh sebahagian besar penonton-penonton. Ini tidaklah bermakna yang Kementerian saya hanya menunggu reaksi dari orang ramai dahulu sebelum bertindak, sebaliknya Kementerian saya telahpun mempunyai garis-garis panduan bagi pemilihan dan penapisan filem-filem cereka, rencana dan rancangan hiburan tempatan dan luar negeri untuk menghindarkan unsur-unsur negatif daripada ditayangkan di kaca TV.

#### PELAJAR-PELAJAR KE UNIVERSITI TEMPATAN

53. **Datuk K. Kumaran** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah penuntut yang diberi tempat belajar di Universiti-universiti tempatan mengikut pecahan kaum bagi tiap-tiap jurusan di setiap Universiti di Negara ini.

**Dato Dr. Ling Leong Sik:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat urusan pengambilan pelajar ke Universiti-universiti tempatan bagi sesi 1985/86 belum lagi selesai sepenuhnya, memandangkan pihak Universiti masih lagi mengisi tempat-tempat yang dikosongkan oleh sebilangan pelajar yang menolak tawaran dan menarik diri. Urusan pengambilan ini dijangka dapat diselesaikan sedikit masa lagi. Oleh yang demikian, angka-angka pengambilan pelajar bagi sesi 1985/86 tidak dapat diberikan sekarang.

#### PERINTAH AM — LARANGAN KAKITANGAN KERAJAAN

54. **Tuan Jaafar bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) sama ada Kerajaan bercadang hendak melonggarkan syarat-syarat dalam Perintah Am untuk membolehkan semua kakitangannya bergerak cergas dalam lapangan politik; jika tidak, mengapa;
- (b) bilangan kakitangan Kerajaan yang mengambil bahagian yang cergas dalam politik pada masa ini sama ada dalam parti Kerajaan atau parti pembangkang; dan
- (c) syarat-syarat yang telah dikenakan kepada mereka yang mengambil bahagian cergas dalam politik.

**Dato' Mohamad Khalil bin Yaakob:**

- (a) Tidak. Kerajaan berpendapat bahawa peraturan yang ada pada masa ini, yang membenarkan pegawai-pegawai awam dalam Kumpulan 'B' sahaja untuk bergiat cergas dalam politik adalah memadai.

Pegawai-pegawai awam dalam Kumpulan 'A', anggota-anggota tentera dan polis dan anggota-anggota perkhidmatan penjara dilarang daripada bergiat cergas dalam politik atas sebab-sebab keselamatan dan untuk memelihara kepentingan awam.

- (b) Kerajaan tidak mempunyai maklumat yang lengkap mengenai jumlah sebenar bilangan kakitangan awam yang bergiat cergas dalam politik sama ada mereka bergiat dalam parti politik Kerajaan atau parti pembangkang.
- (c) Pegawai-pegawai yang dibenarkan untuk bergiat cergas dalam politik tidak boleh membiarkan tugas-tugas rasminya diabaikan atas sebab-sebab kegiatan politik.

#### PERINTAH AM BAGI KAKITANGAN KERAJAAN

55. **Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan** minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihaknya bercadang untuk meminda Perintah Am bagi membolehkan semua kategori kakitangan Kerajaan memohon untuk menyertai badan-badan politik secara aktif.

**Dato' Mohamad Khalil bin Yaakob:** Kerajaan tidak bercadang hendak meminda Perintah-Perintah Am bagi membolehkan semua kategori kakitangan Kerajaan bergiat cergas dalam politik.

#### USUL

#### MEMILIH TIMBALAN YANG DI-PERTUA

3.45 *ptg.*

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua.

**Tuan Paramjit Singh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab seorang sahaja Ahli yang telah dicadangkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Senator Dato Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan disokong, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 2(3) dan 5(2), saya mengisytiharkan bahawa Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua. (*Tepuk*)

Saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada beliau.

#### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1985)

3.50 *ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1985 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibacakan bagi kali yang kedua sekarang,

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$162,985,510 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Pertama 1985.

Rang Undang-undang ini telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat mengikut kehendak Perkara 101 Perlembagaan yang telahpun diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 23hb Julai, 1985.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan dengan secukupnya dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus, 1985 yang asal.

Peruntukan yang terbesar sebanyak \$120 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.8 Jabatan Perdana Menteri untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai emolumen perkhidmatan dan bekalan, pemilikan harta modal serta pemberian dan berkenaan bayaran tetap. Tambahan ini termasuklah keperluan perbelanjaan mengurus bagi Institut Penyelidikan Mikro Elektronik dan sistem maklumat-maklumat dan Rujukan Ketua Eks-ekutif iaitu aktiviti-aktiviti baru di bawah pentadbiran am Jabatan ini.

Di samping itu sebanyak \$32.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.20 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menambah peruntukan di bawah Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Pemilikan Harta Modal serta Pemberian dan berkenaan Bayaran Tetap. Dari jumlah tersebut sebanyak \$12.6 juta adalah diperlukan untuk Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia.

Sementara itu bagi Maksud B.62 Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, tambahan sebanyak \$3.2 juta adalah dikehendaki sebagai bayaran balik kepada pihak berkuasa Pekebun Kecil Urusan Getah (RISDA) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) berkaitan dengan penjualan getah asli dengan harga diskaun kepada pengeluar-pengeluar barangan getah Malaysia dan sebanyak \$500,000 ialah dikehendaki oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) untuk memberi Penubuhan Tabung Kumpulan Pinjaman Kenderaan bagi kakitangan Lembaga tersebut.

Selain dari itu tambahan peruntukan sebanyak \$2.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.33 Kementerian Perusahaan Awam. Daripada jumlah ini, sebanyak \$2 juta adalah untuk membiayai Emolumen Perkhidmatan dan Bekalan serta Pemilikan Harta Modal bagi Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di Sarawak dan Sabah. Selebihnya ialah untuk bayaran gaji, pembelian alat kelengkapan pejabat dan lain-lain berikutan dengan perlantikan baru seorang Timbalan Menteri bagi Kementerian ini.

Sebanyak \$1.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.50 Jabatan Perkhidmatan

Kajicuaca bagi perbelanjaan pembelian peralatan dan pemasangan sistem radar amaran ribut di Stesyen Kaji-cuaca Butterworth. Dan sebanyak \$1 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.39 Jabatan Pendataran Negara untuk membiayai emolumen bagi 86 kakitangan sambilan yang telah dilanjutkan tempoh perkhidmatannya dan untuk menampung lain-lain perbelanjaan mengurus Jabatan ini. Yang lain-lain ialah merupakan tambahan kecil untuk berbagai perkhidmatan di bawah lain-lain Kementerian dan Jabatan.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan Tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan (Pertama) 1985 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1985 dan dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 tahun 1985.

Dengan tambahan sebanyak \$162,985,510 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, maka Anggaran Perbelanjaan Bekalan 1985 berjumlah \$14,283,298,580 jika dimasukkan anggaran perbelanjaan tanggungan yang berjumlah /7,417,258,200, maka jumlah besar Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Tahun 1985 menjadi /21,700,556,780.

Tuan yang di-Pertua, saya mohon menca-dangkan.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bahawa Rang" Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.56 ptg.

**Tuan K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (1985) yang dibentangkan

baru-baru ini. Akta ini bertujuan memberi kuasa berkanun supaya beberapa bayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam Persekutuan di dalam tahun 1985 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Anggaran Mengurus 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini yang membenarkan pengeluaran wang sebanyak \$162,985,510 daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan dinyatakan dalam Jadual itu, akan tetapi saya juga ingin menyentuh sedikit tentang beberapa-perkhidmatan di mana peruntukan wang dibuat.

Saya menyokong peruntukan wang sebanyak \$119,978,200 bagi Jabatan Perdana Menteri di bawah Maksud B.7. Saya berharap sejumlah besar wang ini akan dipergunakan untuk Jabatan Perpaduan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Saya berpendapat khidmat yang diberikan oleh Jabatan Perpaduan Negara adalah tidak begitu memuaskan. Tujuan Jabatan ini diwujudkan adalah untuk menjalinkan perpaduan rakyat dengan mengadakan berbagai aktiviti demi kepentingan rakyat akan tetapi aktiviti Jabatan ini tidak memberi faedah kepada rakyat dan menjadi sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengadakan perjumpaan-perjumpaan Hari Raya, Deepavali dan Tahun Baru Cina sahaja tidak mencukupi menjalin perpaduan rakyat dan menyelesaikan polarisasi kaum. Aktiviti-aktiviti yang memberi kesan yang nyata hendaklah diadakan di kawasan pedalaman yang terpencil dan di luar bandar di mana perpaduan kaum tidak begitu ketara. Kerajaan hendaklah mengambil tindakan untuk memperbagaikan aktiviti-aktiviti Jabatan Perpaduan Negara agar rakyat luar bandar benar-benar memahami serta mempraktikkan perpaduan kaum. Satu lagi aktiviti yang sangat lemah pentadbiran adalah kelas perpaduan rakyat yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara. Saya amat dukacita di atas perjalanan dan pentadbiran kelas-kelas perpaduan ini.

Saya berpendapat tidak ada sebarang faedahnya mengadakan kelas-kelas ini. Saya difahamkan kelas-kelas itu didirikan untuk memberi pengetahuan Bahasa Malaysia kepada orang-orang dewasa di negara ini di sebelah petang dan waktu malam. Guru-guru dan penyelia-penyelia yang dipilih menjalankan kelas-kelas ini diberi elaun yang lumayan akan tetapi apa yang sangat menyedihkan ialah kelas-kelas ini tidak dihadiri oleh orang-orang dewasa tetapi dihadiri oleh budak-budak sekolah. Ada kalanya terdapat situasi di mana tidak ada pelajar-pelajar yang datang tetapi guru-guru menerima elaun. Saya faham ini adalah satu tuduhan yang serius, tetapi saya sanggup membuktikannya jika dikehendaki. Penyelia-penyelia yang diberi harapan dan tanggungjawab menyelia kelas-kelas itu pun tidak begitu amanah.

Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan mengambil tindakan yang serius untuk mengelak pembaziran wang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong peruntukan sebanyak \$32,561,200 bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah tajuk maksud B.20. Baru-baru ini Kerajaan Jepun mengumumkan bahawa beberapa potongan tarif bagi beberapa barangan importnya untuk menjalin hubungan mesra antara perdagangan utamanya seperti Amerika Syarikat dan Eropah tetapi konsesi tarif bagi negara ASEAN terutama sekali Malaysia tidaklah mencukupi. Malaysia mempunyai deficit perdagangan dengan Jepun. Eksport utama Malaysia ke Jepun adalah bahan-bahan mentah seperti petroleum, gas cecair asli, bijih timah dan kayu-kayuan telah barangan pembuatan Malaysia masih menghadapi halangan tarif dan non-tarif yang tinggi dalam pemasaran barangan pembuatnya. Barangan pembuatan Malaysia tidak dapat menembusi pasaran Jepun. Oleh yang demikian saya merayu kepada Kerajaan supaya mendesak Kerajaan Jepun untuk membatalkan halangan tarif ke atas barangan Malaysia yang diimport olehnya supaya menjalin hubungan yang mesra. Saya percaya pembatalan tarif bagi barangan Malaysia tidak akan menjejaskan ekonomi negara Jepun dan tidak merugikan tetapi akan mengurangkan deficit perdagangan Malaysia dengan Jepun yang besar maknanya kepada Malaysia. Saya juga

berharap Jepun akan melabur dengan lebih pesat lagi di negara ini untuk mendirikan industri-industri yang berorientasikan eksport serta mempercepatkan lagi pertukaran teknologi dalam spirit harmoni dan bekerjasama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga gembira, eksport pisang kita ke Hong Kong dan Korea telah bertambah akibat adanya kawalan mutu yang ketat terhadap buah pisang yang dieksport kepada negara-negara itu. Langkah-langkah ini perlu diperkekalkan dan Kerajaan hendaklah menggalak dan menambah lagi eksport ke negara-negara lain yang memerlukan pisang. Kitarmesti berjaga dalam pengeksportan pisang kerana pisang adalah bahan makanan yang mudah busuk. Jika tidak terkawal, keadaan pengeluarannya ia akan cepat busuk dan keadaan menjejaskan harga serta merugikan para petani kita. Oleh kerana pisang mempunyai potensi eksport yang tinggi, saya berharap Kerajaan akan menggalakkan petani-petani kita untuk menanam pisang yang bermutu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara saya ingin menyentuh adalah di bawah tajuk Jabatan Pendaftaran Negara Maksud B.39 yang diperuntukkan wang sebanyak \$ 1,031,100. Dalam aspek ini saya ingin menyentuh sedikit tentang pendatang haram dari Indonesia. Perkara ini telah menjadi satu isu politik, sosial dan ekonomi. Mereka yang datang beribu-ribu kind berjumlah lebih dari sejuta. Mereka bekerja di tempat-tempat pembinaan, ladang-ladang kelapa sawit dan kini juga berniaga di pusat-pusat bandar. Mereka bawa adik beradik, sanak saudara, anak-pinak mereka ke negara ini. Mereka berkeluarga di sini dan melahirkan anak. Bolehkah anak-anak ini dianggap sebagai warganegara Malaysia, atau anak-anak yang lahirkan kepada pendatang-pendatang haram dianggap sebagai pendatang haram juga seperti ibubapa mereka? Jabatan Pendaftaran Negara hendaklah membuat satu keputusan dengan segera untuk memastikan status anak-anak ini. Jika tidak, Kerajaan harus memberi perkhidmatan-perkhidmatan sosio-ekonomi seperti kemudahan sekolah, kesihatan dan sebagainya kepada mereka yang mungkin membebaskan Kerajaan dalam keadaan Malaysia dan ekonomi ini. Apabila mereka dewasa kelak masalah yang lebih serius akan

timbul. Oleh yang demikian Kerajaan haruslah melabelkan mereka sebagai pendatang haram juga supaya mengelakkan pertikaian pada masa akan datang.

Saya juga difahamkan pendatang-pendatang haram ini mendapat kad pengenalan Malaysia dengan senangnya. Jika perkara ini benar, saya khuatir Kerajaan akan menghadapi masalah kelak kerana pendatang-pendatang haram ini mudah dipengaruhi oleh pihak-pihak Pembangkang dan anasir-anasir subversif dan suatu masa kelak akan menentang Kerajaan. Jika Kerajaan ingin memberi kad pengenalan kepada rakyat asing, orang-orang paling berlayak adalah isteri-isteri bermastautin tetap yang mempunyai kelayakan profesional yang boleh membantu sosio ekonomi negara kita. Saya juga difahamkan pendatang-pendatang haram ini menggunakan sijil kelahiran anak-anak rakyat Malaysia yang telah meninggal dunia untuk mengambil kad pengenalan. Perkara-perkara begini haruslah disiasat dan pengeluaran sijil kelahiran dan sijil kematian hendaklah diselarasakan dengan menggunakan komputer-komputer di Jabatan-jabatan tertentu itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh adalah berkenaan dengan Jabatan Penerangan di bawah Maksud B.46. Baru-baru ini RTM telah menyiarkan beberapa rancangan yang tidak langsung mencuit nilai budaya masyarakat di negara ini. Program-program tempatan seperti 'Santan Berlada' pun mempunyai unsur-unsur yang negatif dan perkataan-perkataan yang mempunyai dua makna yang bermoral rendah. Keadaan ini tentulah akan menimbulkan keadaan yang tidak selesa di kalangan penonton apabila masing-masing berada di hadapan TV melihat penyiaran yang menghairankan dan mempunyai dialog yang bermoral rendah. Hal ini meletakkan ibu bapa dalam keadaan yang tergamam apabila anak-anak masing-masing berada di sampingnya yang menonton siaran yang menyiurkan ini. Langkah-langkah yang teliti harus diambil untuk menyunting dan menyemak filem hiburan Barat dan rancangan-rancangan tempatan yang begtu keterlaluan baik dari sudut aksi mahupun dari soal pakai memakai atau dialog. Saya berharap RTM lebih berhati-hati menyesuaikan selera orang ramai

agar persembahannya tidak memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan nilai rohaniah dan pemikiran masyarakat. Sebagai ganti program berunsur kebudayaan rakyat boleh ditayangkan. Negara kita kaya dengan kebudayaan berbagai kaum. Perkara begini akan menjalin suatu masyarakat yang bermoral tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh sedikit tentang Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di mana peruntukan sebanyak \$800,000 di bawah Maksud B.48 diberi. Bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh dan Johor Bahru mempunyai masalah pencemaran alam sekitar yang cemas. Beberapa jawatankuasa Task Force yang ditubuhkan untuk mengawal pencemaran alam tidak begitu berkesan. Tindakan segera hendaklah diambil di kawasan-kawasan perindustrian, perbandaran dan perumahan yang mengalami berjenis masalah pencemaran. Ada industri yang masih tidak mematuhi undang-undang memasang alat-alat iaitu mencegah pencemaran, dengan izin, anti-pollution device untuk mengawal pembuangan sisa-sisa gas dan lain-lain bahan kimia. Kami juga masih dapat melihat pembakaran sampah sarap di hadapan industri-industri yang mengakibatkan pencemaran alam sekitar.

Tindakan tegas hendaklah diambil terhadap culprits ini. Kerajaan hendaklah mengambil tindakan untuk menempatkan semula industri-industri yang berpusat di bandar dan kawasan-kawasan perumahan ke suatu tempat yang lebih sesuai untuk mencegah pencemaran.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian kerana mengambil tindakan mengurangkan bahan lead dari minyak petrol yang digunakan oleh kenderaan di negara ini. Saya berharap tindakan itu benar-benar akan mengurangkan pencemaran alam.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah segera hendaklah diambil untuk mencegah pencemaran air sungai di negara ini terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar. Sering kali kita dapat keadaan di mana air sungai itu dicampur dengan berbagai-bagai kimia dan

akar tuba untuk menangkap ikan oleh orang-orang awam. Tindakan yang tidak bertanggungjawab ini mengakibatkan air sungai itu tidak selamat untuk digunakan dan mengancam nyawa rakyat yang menggunakannya. Selain daripada itu beratus-ratus ikan besar dan kecil mati yang mengakibatkan pencemaran. Biarlah ikan-ikan kecil itu diperbesarkan sebelum ditangkap dengan cara lain yang lebih selamat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sekali saya ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah di bawah Maksud B.62 yang telah diperuntukkan sebanyak \$3,700,000. Saya gembira memahami 200,000 keluarga akan ditempatkan dalam Rancangan-rancangan FELDA menjelang tahun 1990. Ini adalah satu usaha yang baik oleh Kerajaan akan tetapi Kerajaan hendaklah mengambil kira komposisi kaum di negara ini dan menempatkan juga rakyat keturunan India dalam rancangan-rancangan itu. Banyak rakyat keturunan India yang dipilih menyertai Rancangan-rancangan FELDA bertahun-tahun dahulu masih lagi menunggu penempatan mereka. Saya berharap dengan adanya rancangan-rancangan Kerajaan menempatkan 200,000 orang ini lebih banyak lagi keturunan India yang layak dapat dipilih menyertainya. FELDA sebagai satu organisasi yang besar tidak dapat mengelakkan dari menimbulkan berbagai masalah. Kebanyakan masalah. Kebanyakan masalah ini merupakan berpunca politik oleh sesuatu kaum majoriti di rancangan-rancangan tertentu. Tohmahan kononnya FELDA tidak mengembalikan wang kepada settlers dan peneroka tidak bersetuju dengan cadangan Kerajaan mengeluarkan syer menggantikan pemberian hakmilik tanah dan sebagainya. Settlers Jni menganggap Kerajaan seharusnya membimbing mereka sebagai satu welfare body dan patut dimanja-manjakan. Saya berharap Kerajaan akan mengambil langkah yang positif untuk mempelbagaikan komposisi kaum dengan nisbah yang lebih besar di rancangan-rancangan FELDA agar tidak menimbulkan pula masalah-masalah seperti di atas.

Dengan kata-kata itu, saya lagi sekali menyokong dengan penuhnya Rang Undang-undang Akta Perbekalan (Tambahan) (1985). Sekian, terima kasih.



4.15 ptg.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan sedikit pandangan dan menyokong suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan tahun 1985 dan peruntukan itu yang dimaksudkan. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya lebih dahulu ingin menyentuh Maksud B.1 iaitu Parlimen yang mana peruntukan yang dimaksudkan ialah \$850.200.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen adalah salah sebuah daripada Dewan di negara ini, Dewan yang membuat sesuatu keputusan, Dewan yang mempertahankan Perlembagaan dan Dewan juga yang telah menunjukkan unsur-unsur kebudayaan negara. Di sini saya tidak banyak akan menyentuh dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi pada satu masa dahulu kakitangan Parlimen yang berkhidmat di dalam Dewan ini saya lihat berpakaian kemas, pakaian cara Melayu tetapi akhir-akhir ini mereka ini pakaiannya telah diubah. Jadi, pakaian ini tidak sesuai dengan unsur-unsur kebudayaan negara sedangkan Dewan ini adalah Dewan yang mendukung cita-cita negara. Dan pakaian ini kalau tidak salah dan tidak silap saya pakaian macam Komunis China, jadi ini sungguh bertentangan.

Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, supaya uniform ataupun pakaian seragam yang telah diberikan kepada kakitangan Parlimen ini supaya diubahsuai menurut kehendak lunas-lunas kebudayaan negara. Yang perempuannya boleh direkabentuk. Kita banyak pereka-pereka fesyen pakaian di Kuala Lumpur. Mereka boleh bentukkan baju kebaya batik fesyen Bandung moden ataupun Kuala Lumpur moden semua boleh atau Malaysia moden atau Malaysia baharu dan sebagainya. Tetapi kenapa pula kita dengan sewenang-wenangnya memilih sesuatu pakaian yang amat menjolok kebudayaan kita. Jadi inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat teguran ini dan demikian juga dengan kakitangan-kakitangan yang berkhidmat di dalam Parlimen semasa kedua-dua bersidang, Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara kakitangan-kakitangan ini mestilah menggunakan pakaian-pakaian yang lebih sesuai dengan adat-adat tradisi negara.

Jadi, inilah yang dapat saya nyatakan, Tuan Yang di-Pertua, supaya teguran saya dapat diambil perhatian.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengikuti bahawa di mana letak-letak kereta; ini bukan hanya kepada setakat Ahli-ahli Dewan tetapi juga kepada pegawai-pegawai yang berkhidmat di sini. Jika sekiranya keadaan hujan ribut dan sebagainya: sudah tentu tidak ada cara untuk memanggil pemandu-pemandu, ini terdapat di mana-mana kelab-kelab dan sebagainya, kalau sekiranya keadaan hujan mereka akan menggunakan alat pembesar suara-memanggil driver dan nombor kereta dan sebagainya supaya datang ke pintu. Biasanya berlaku kalau sudah keadaan sesak maka kita terpaksa keluar kenalah hujan dan basah keseluruhan pakaian. Jadi, inilah di antara dua teguran saya, Tuan Yang di-Pertua, kepada Maksud B.1 iaitu Parlimen.

Di sini saya ingin juga menyentuh Maksud B.7 iaitu Jabatan Perdana Menteri yang mana peruntukan yang dimaksudkan ialah sebanyak \$119,978,200. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dalam soal ini ialah daripada perkara-perkara yang senentiasa berlaku di negara kita, rasa tidak puas hati daripada kakitangan Kerajaan mahu pun daripada kesatuan-kesatuan sekerja di negara ini yang menuntut kenaikan-kenaikan gaji, elaun dan sebagainya. Jadi, saya minta supaya Kerajaan tidak akan mengambil keputusan dengan sekelep mata dan tidak akan mengambil keputusan dengan sewenang-wenangnya tetapi Kerajaan haruslah mangkaji dan tanpa takut-takut dan ragu-ragu kepada mana-mana juga badan-badan kesatuan di negara ini. Kerana kita tahu di negara jiran kita, Republik Singapura telah mengalami kemerosotan ekonomi negara itu adalah kerana akibat pembayaran kakitangan Kerajaan, gaji-gaji pegawai Kerajaan yang terlalu tinggi sekarang ini, inilah masalah yang dihadapi oleh Republik Singapura. Jadi, kita adalah sama-sama bertanggungjawab kepada negara ini dan kita tidak semestinya rakyat negara ini di satu pihak yang pegawai Kerajaan seharusnya menjadi bebanan kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya di negara kita di Malaysia tiap-tiap satu ringgit

pendapatan negara 46 sen adalah untuk dibayar kepada kakitangan Kerajaan yang bakinya 54 sen adalah termasuk kepada perbelanjaan pembangunan dan sebagainya. Jadi, bila kita fikirkan 46% pendapatan sehari negara untuk membayar kakitangan pegawai Kerajaan inilah kesatuan-kesatuan sekerja ini tidak menyedari hakikatnya, akibatnya mereka ini akan meruntuhkan negara.

Bila kita bandingkan negara Jepun, kita ingin mahu mempelajari dan ingin mahu memajukan Jepun, akan meniru secara Pandang Ke Timur dan sebagainya, untuk meniru kecukupan orang-orang jepun bekerja, tetapi apa bebanan yang dibuat oleh orang-orang Jepun kepada Kerajaan adalah sangat jauh, pengorbanan mereka lebih kepada Kerajaan, pengorbanan rakyat Jepun kepada Kerajaan adalah lebih daripada Kerajaan membuat pengorbanan kepada rakyat.

Menurut di Jepun, kalau tidak silap saya, tiap-tiap \$1 pendapatan orang Jepun, 6 sen sahaja untuk kakitangan Kerajaan, hanya untuk 6 sen sahaja dibandingkan dengan di Malaysia 46 sen. Ini cuba kita ambil kira, di mana kelebihan, surplus, dengan izin, kewangan negara? Dengan sebab itu Jepun maju dengan kewangan dan mereka boleh cepat walaupun Jepun sudah teruk kalah dalam Perang Dunia Kedua tetapi mereka boleh membayar 1% daripada hasil pertahanan negara mereka, hanya 1% sahaja. Mereka teruk dalam Perang Dunia Kedua dan mereka membayar hutang darah Peperangan Dunia itu hanya dengan membayar daripada hasil membuat anak patung sahaja. Mereka tidak ada mempunyai bahan-bahan pertanian seperti kita di sini. Kita boleh campakkan sahaja biji kelapa sawit pun tumbuh, kita buang sahaja biji koko pun tumbuh, tetapi bukan seperti di Jepun, depan tangga pun mahu tanam padi, depan tangga seluas 2-3 kaki pun mereka tanam padi, mereka tidak akan kosongkan. Narita Airport dibuat dengan sebesar-besarnya, orang Jepun sampai hari ini masih lagi memberontak tidak membenarkan Kerajaan Jepun hantar penumpang-penumpang masuk ke Narita dengan sewenang-wenangnya, mesti ada kawalan yang cukup ketat kerana peladang-peladang di Jepun masih marah tanah mereka diambil untuk dibuat satu lapangan terbang antarabangsa di Narita.

Saya berharap kepada Jabatan Perdana Menteri supaya mengambil keputusan demi untuk kepentingan Kerajaan, bukan hanya untuk takut kerana sesuatu pilihanraya dan sebagainya, kita takut dan tunduk kepada penunjuk badan-badan Union atau Kesatuan-kesatuan Sekerja. Jadi inilah, Tuan Yang di-Pertua, supaya rakyat di negeri ini sama-sama bertanggungjawab, sama-sama memikul bebanan.

Kita ingin menjadikan sebuah negara yang aman makmur. Kita telah pergi ke seluruh negara mendapatkan pelaburan di sini semata-mata memberikan 46% daripada rakyat ini sahaja yang menikmati. Bila keadaan ekonomi dunia telah meleset, kita juga telah meleset. Yang lebih mendapat penderitaan ini orang kampung, penduduk-penduduk di luar bandar. Bila Kerajaan sudah tidak melaksanakan dasar pembangunan luar bandarnya kerana tidak ada peruntukan, sudah tentu orang-orang kampung yang akan menerima akibat. Tetapi bagi pihak pegawai-pegawai Kerajaan, mereka tidak ada menerima apa akibatnya sekalipun sebab mereka tetap dengan gajinya, dengan kenaikan gajinya, dengan elaun rumah, regional allowance dan sebagainya sudah dapat ditentukan, tetapi bagaimana dengan orang-orang kampung, orang-orang nelayan, orang-orang petani? Misalnya, orang nelayan dapat ikan sehari sampai 5 pikul, 6 pikul, boleh dijual habis, tetapi dengan keadaan dunia yang meleset hari ini mereka tidak boleh jual sehingga 1 pikul pun. Kemudian bakinya dijadikan ikan kering, ikan kering yang baki 4 pikul pun tidak boleh dijual lagi kerana purchasing power, dengan izin, kuasa pembelian sudah berkurangan. Yang menderita mereka rakyat yang biasa.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dengan mendalam-dalamnya dan tidak akan bertolak ansur demi untuk mengukuhkan ekonomi negara ini, mestilah mengambil keputusan yang begitu tegas. Jabatan Perdana Menteri hendaklah melihat daripada semua sudut, daripada semua angles yang mesti diambil perhatian, bukan hanya kita ambil satu bahagian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin juga menyentuh lagi satu perkara mengenai Maksud

B.20 iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Setelah MAS mendapat hak pendaratan yang kelima di London dan kita saya percaya dengan pendaratan serupa ini British Airways juga akan mendapat pendaratan di Malaysia dan sudah tentulah mungkin pelancong-pelancong daripada negara barat akan datang lebih ramai ke Malaysia jika dibandingkan dengan negara-negara jiran kita, dan sudah tentu potensi-potensi pelancongan di negara kita ini memang banyak dan salah satu daripada hasil negara yang kita perolehi ini ialah pelancongan mungkin di antara yang kesepuluh ataupun yang kedua belas, kalau tidak silap saya, yang salah satu daripada hasil iaitu pelancongan.

Saya berharap supaya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam meningkatkan pelancongan ini, janganlah hanya sekadar mengambil kira meningkatkan pelancongan ini hanya bagi di Semenanjung Malaysia sahaja. Sabah dan Sarawak haruslah juga diambil kira. Walaupun Sabah dan Sarawak telah dimasukkan dalam Perbadanan Pelancongan Malaysia, tetapi saya tidak nampak kegiatan-kegiatan yang dapat membawa pelancongan ke Sabah dan Sarawak. Ini juga patut diambil perhatian.

Bila kita kaji tambang kita pergi ke London dengan menaiki pesawat MAS pergi dan balik, ini duduk ekonomi, hanya \$1,500 atau \$1,600 pergi dan balik. Tetapi kalau kita pergi ke Sabah dan Sarawak untuk penerbangan hari-hari, duduk kelas pertama \$1,080 pergi balik dan ekonomi antara \$650 pergi dan balik ke Sabah dan Sarawak, \$650 jika dibandingkan kita pergi ke London mengambil masa penerbangan selama 18 jam yang mana terbang ke Sabah adalah salah satu daripada negeri Malaysia tetapi tambangnya \$650. Kenapa mesti Sabah dan Sarawak membiayai perbelanjaan yang begitu mahal kepada Sistem Penerbangan Malaysia yang dipunyai oleh rakyat Malaysia keseluruhannya? Dan ini bukan orang-orang Sabah dan Sarawak yang mesti menanggung bebanan tetapi orang-orang dari Semenanjung Malaysia yang akan pergi ke Sabah dan Sarawak juga menerima bebanan yang serupa. Tetapi kita untung, MAS umumkan kononnya untung \$46 juta, beli lagi Boeing 757 yang baru, mahu beli lagi Boeing 747 untuk penerbangan antarabangsa.

Jadi, bagi Sabah dan Sarawak tidak ada jalan lain untuk pergi ke ibu negeri dan tidak ada jalan lain pula untuk orang-orang di Semenanjung Malaysia pergi ke Sabah dan Sarawak, negeri saudara sekalian melainkan dengan menggunakan pesawat udara. Apakah dengan secara untuk memberikan orang-orang Semenanjung Malaysia dan orang-orang dari Sabah yang tidak berkemampuan untuk berkunjung ke negeri ini hanya di suruh naik Feri Malaysia, itu sahaja, tetapi keuntungan yang dikaut oleh MAS tidak diendahkan. Itulah Feri Malaysia yang akan dibuat dari Kuantan nanti pergi ke Kuching, kemudian pergi ke Kota Kinabalu, kemudian masuk balik di Kelang. Itulah sahaja sumbangan. Jadi cuba difikir, ambil kira ini di mana keadilan itu. Apa salahnya tambang dari Sabah, dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia ini dan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak juga diturunkan, sedangkan itu dinamakan national carrier, dibanggakan ini national flag carrier kita. Siapa yang national flag carrier? Adakah orang Sabah dan Sarawak juga termasuk dalam golongan orang yang mesti mengagungkan national flag carrier? Adakah hanya untuk orang Semenanjung Malaysia sahaja? Adakah Malaysia itu untuk orang Semenanjung Malaysia? Adakah pelancongan itu ditarik untuk Semenanjung Malaysia itu Malaysia? Itu soalnya sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pelancongan ini, kita patut mempunyai bahagian yang sama. Ini yang saya maksudkan. Kononnya untuk merapatkan jurang perbezaan dan sebagainya. Jurang perbezaan ini akan wujud jika ia tidak dikaji, jika ia tidak diberi kemudahan. Apa yang saya katakan tadi, apa kemudahan kalau hanya pakai Feri Malaysia yang mengambil masa 48 jam kita mahu duduk dalam kapal. Itu sahaja kemudahan? Tidakkah itu nampak satu perbezaan? Orang-orang yang tidak berkemampuan pakai feri, orang-orang berkemampuan sahaja yang menganggap diri mereka sebagai orang Malaysia, barangkali, yang boleh naik pesawat, boleh naik kapal terbang, tetapi orang-orang yang tidak mampu naik kapal terbang pakai feri. Bagaimana mereka mengiktiraf mereka itu kelas apa di dalam Malaysia. Adakah saya sebagai second class Malaysian citizen? Ini harus dikaji dalam jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedang membincangkan dalam soal Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya berharap supaya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini dapat mengkaji supaya pelancongan ini juga harus diperkenalkan kepada Sabah dan Sarawak. Kalau di Sabah ada diagung-agungkan Gunung Kinabalu sebagai gunung yang tertinggi di Asia Tenggara, mungkin di Sarawak juga ada Bukit Santubung, ada puteri Gunung Santubung. Saya tidak tahulah, saya suka juga bertemu dengan puteri Santubung, fasal Timbalan Yang di-Pertua kita ini orang Sarawak. Itulah Tuan Yang di-Pertua, kita cuba ambil kira, ke mana orang Sabah dan Sarawak hendak menghabiskan masa bila ada hari cuti, hari lebaran, hari kelepasan umum. Tambang dari Kota Kinabalu pergi ke Manila hanya \$400 pergi dan balik, kemudahan lebih banyak di Manila daripada kita datang ke Kuala Lumpur dan kita boleh terbang hanya dalam masa satu jam duapuluh lima minit daripada Kota Kinabalu pergi ke Manila \$400 pergi dan balik. Kenapa murah? Kenapa pergi ke satu negara orang lain murah? Kononnya Kerajaan mahu mempertahankan supaya jangan banyak wang kita keluar negeri. Supaya kita pertahankan jangan rakyat Johor menyeberangi Tambak Johor keluar ke Singapura tetapi tambang kapal terbang murah dari Kota Kinabalu pergi ke Manila, ke Hong Kong \$400 sahaja pergi balik. Tetapi pergi ke Kuala Lumpur, wah! dekat /700, negerinya sendiri. Jadi ke mana pilihan orang di waktu hari kelepasan umum, kita mesti pilih Manila dan Hong Kong. Tetapi Kerajaan mengatakan jangan galakkan rakyat Malaysia keluar dari negara ini, biar berholiday, biar bercuti, biar melancong dalam negeri sendiri, tetapi tambang dalam negeri sendiri berat sebelah.

Di mana kita mahu meningkatkan pelancongan? Bagaimana kemampuan orang-orang dari Semenanjung Malaysia mahu pergi ke Sabah dan Sarawak kalau tambang mahal, demikian juga Sabah dan Sarawak ke mari tambang mahal. Di Sabah mungkin sara hidup 30% lebih tinggi daripada yang terdapat di Kuala Lumpur. Kalau itu sudah dicampur lagi berapa? Jadi, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian harus mengambil kira dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita ambil kira dalam segi macam mana kita hendak keluar negeri, kalaupun dari Kuching kita hendak pergi ke London boleh ambil pesawat dari Kuching ke Singapura 1 jam 35 minit terus ambil British Airways atau Singapore Airlines terus pergi ke mana-mana yang dikehendaki. Ataupun kita pergi ke Brunei, kita ambil Royal Brunei Airlines, Penerbangan Diraja Brunei. Kita pergi ke Hong Kong hanya \$299 sahaja. \$299 itu dengan jangka tinggal 4 hari di Hong Kong, jadi berapa? Ataupun kita mahu ikut melalui Brunei kita terbang ke Brunei dan kita ambil pesawat British Airways, hanya antara \$1,500 atau \$1,000 lebih sahaja pun boleh terus pergi balik ke London.

Apa kita bersusah payah datang ke mari mahu tukar kapal terbang, cari pesawat kita sendiri. Kita boleh, tetapi oleh kerana kita cintakan flag carrier kita, tetapi ia adalah satu bebanan. Di mana Kementerian ini dapat membahagikan dengan sebaik-baiknya (well distributed) semua pelancong-pelancong yang ditarik ke negara ini. Dari segi potensi-potensi yang lain, saya tidak dapat menafikan di mana-mana juga di negara kita ini, di Malaysia ini kita mempunyai tempat-tempat yang indah, kita masih dapat mengekalkan alam-alam semula jadi kita masih ada, bukit bukau kita masih ada, air terjun kita masih kedengaran, sungai kita yang mengalir masih terbisik-bisik di telinga kita. Ini semua keindahan semula jadi itu ada, kita tidak membuat satu-satu ampuangan air tiruan. Untuk memberikan daya penarik kepada pelancong itu mesti boleh.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi apa yang saya kira di mana kita pada masa sekarang ini tidak ada mempunyai satu kawasan di Semenanjung Malaysia sebagai pelabuhan bebas. Dahulu kita mempunyai Pulau Pinang sebagai satu pelabuhan bebas tetapi akhir-akhir ini taraf pelabuhan bebas telah ditarik dan mungkin ini juga kerana kegiatan-kegiatan perdagangan bebas di Pulau Pinang sudah tidak berkembang lagi dan mungkin pelancong juga tidak berpusu-pusu lagi datang ke Pulau Pinang, maka timbullah juga mungkin, kerana keseronokan membeli belah harga barang-barang yang murah ini sudah tidak ada, maka

jadilah kawasan itu sebagai satu pengkalan pengedaran dadah pula. Bila kita lihat di Pulau Pinang ini adalah sebagai satu tempat keluar masuk di antara negara jiran kita ini sebagai satu kawasan pengedaran dadah. Kalau kawasan ini dijadikan sebagai satu pelabuhan bebas mungkin taraf pelabuhan Pulau Pinang itu menjadi sebagai satu pelabuhan yang boleh menarik lebihbanyak pelancong dan itu negara kita sendiri dan kemudahan-kemudahan asas itu memang ada di sana.

Dengan usaha Kerajaan, saya fikir Kerajaan tidak akan kehilangan banyak hasil bila menjadikan Pulau Pinang itu sebagai sebuah pelabuhan-bebas dan demikian juga Wilayah Persekutuan Labuan. Kononnya pelabuhan bebas, pendapat dinikmati oleh sebilangan kecil manusia sahaja. Orang-orang yang mempunyai perniagaan tukar barang dengan Filipina, itu sahaja yang dapat nikmat yang mempunyai hubungan (barter trade) dengan Filipina, itu sahaja.

Tetapi yang lain-lain mungkin penduduknya hanya akan dapat barang-barang yang murah sedikit sahaja, mungkin kereta-kereta murah, tetapi hari demi hari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengenakan beberapa syarat-syarat yang menyebabkan beberapa perkara yang dahulunya Labuan sebagai sebuah pelabuhan bebas murah dan sebagainya, hari ini sudah terjejas. Kalau dahulu kita boleh import kereta-kereta yang dibuat dari Jepun dengan secara langsung dan jual dengan harga yang paling murah dan selepas setahun atau dua tahun, harga kereta yang terpakai (second hand value) masih ada dan orang-orang daripada Sarawak, Limbang, Lawas, dari Kota Kinabalu, Sandumin, Sepitang datang ke Labuan membeli antara 10-20 buah kereta yang terpakai dibawa ke daratan dengan kadar cukai yang sederhana. Tetapi hari ini cukai telah dikenakan, cukai yang membawa kereta yang terpakai yang dikeluarkan dari Labuan sama juga 107% dikenakan.

Jadi, apa nama Labuan yang dijadikan free port, apa yang kononnya Kerajaan Pusat untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan yang maju dan membangun, apa ada. Cuba lihat sekarang. Keadaan sudah merosot, setiap bulan satu kedai tutup.

Ini sejak Labuan menjadi Wilayah Persekutuan. Jadi di mana kemampuan sekarang. Jadi, saya ingin minta kepada Kementerian ini berilah kelonggaran sedikit kerana penduduk Labuan hanya 30,000 orang dan kita akan mengharapkan pelancong-pelancong daripada daratan Sabah juga sudah tidak banyak lagi datang berkunjung, kerana apa? Sekatan-sekatan. Kononnya dalam Rang Undang-undang mengatakan sesiapa yang datang ke Labuan membawa barang \$500 sebagai cenderemata, tanda mata tidak dikenakan cukai. Tetapi bila pergi ke Kastam dia kata ini bukan cendera mata, ini bukan tanda mata, ini bukan handicraft. Undang-undang kata tanda mata jadi kalau tanda mata beri kepada siapa? Beri kepada kekasih, itu baru tanda mata. Jadi di mana undang-undang itu kata ada kelonggaran itu?

Jadi ini sekadar melepaskan batuk ditangga sahaja. Cuba lihat apa ada perniagaan sekarang. Dari Brunei? Katakan dari Brunei mahu datang pergi ke Labuan untuk membelibelah lagi, tidak. Sebabnya terlalu ketat kawalan-kawalan Kastam. Tetapi dulu sebelumnya Labuan menjadi Wilayah Persekutuan yang orang bebas membeli barang-barang murah sebagai sebuah pelabuhan yang bebas. Kereta-kereta yang kita import dulu, Singapura dan Kuala Lumpur belum pakai model itu, kita pakai 3 tahun dulu di Labuan baru barangkali di sini pakai atau sampai sekarang pun barangkali Kuala Lumpur ataupun Singapura pun belum pakai, tetapi kita sudah pakai model seperti itu di sana.

Tetapi hari ini apabila sekatan-sekatan sudah ada sehari demi sehari orang beli dan pakai kereta second-hand lebih buruk. Apa maknanya Labuan jadi freeport atau pelabuhan bebas. Atau apakah Labuan hanya akan menjadi pelabuhan bebas untuk pertukaran barang daripada Pilipina itu sahaja, yang saya katakan hanya sebilangan kecil taukeh-taukeh yang besar sahaja yang melibatkan berjuta-juta ringgit stok untuk berniaga dengan Filipina itu pun kita banyak mempunyai persaingan, competition yang begitu hebat. Kadang-kadang kita untung 5% dan 2% ataupun kita jual langsung di bawah harga pasaran.

Jadi, Kerajaan harus mengambil kira kalau mahu memajukan sesuatu kawasan pelancungan, kawasan perindustrian tetapi jangan diikuti dengan satu sekatan-sekatan. Ini lain kesahannya. Ini give, ini tarik. Ini beri ini tarik. Jadi mana boleh jadi. Sepatutnya berilah kelonggaran. Tidak ada keseluruhan rakyat negara ini bersikap untuk mengkhianati. Kita sama-sama mahu membangun negara kita.

Jadi dari segi inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya harap supaya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memberi perhatian kepada kelonggaran-kelonggaran ini kepada yang saya sebutkan iaitu kawasan-kawasan yang diberikan taraf pelabuhan bebas ini. Dan sekarang Kerajaan kita telahpun memberikan bebas cukai seperti jam tangan, radio transistor, minyak wangi dan sebagainya. Tetapi dibaliknya kita tidak dapat nikmat daripadanya. Berapa sangat pelancung-pelancung yang membeli minyak wangi, cosmetic. Berapa? Berapa banyak seluruh rakyat Malaysia yang pakai minyak wangi tiap-tiap hari. Tidak ada banyak. Kononnya mengharapkan pelancung mahu datang beli minyak wangi daripada Malaysia, itu sebabnya dikurangkan cukai. Kebanyakan transistor radio yang kecil-kecil boleh dibeli dengan harga- \$17. Di sana tidak tahulah di sini berapa harganya.

Kemudian kita buang cukai. Apakah kita fikir pelancung-pelancung daripada Jerman, daripada Australia, daripada England, daripada Holland mahu beli transistor radio yang kecil-kecil, buat susahkan dia. Saya fikir dia datang untuk menikmati keindahan negara kita. Dia tidak mahu cari transistor radio, bukan dia mahu cari perfume 'Charlie'kah, 'Ofume'kah atau apa semua. Kalau orang Belanda atau orang Holand dia mahu beli minyak wangi dia pakai kereta dia terus ke Prance. Dari Belgium dia terus pakai kereta, ambil pas sahaja. Apa mahu susah-susah mahu pakai kapal terbang untuk datang ke Malaysia kerana hendak beli minyak wangi yang sudah dibebaskan cukai yang Kerajaan Malaysia mengharapkan dari pelancung ini untuk di bawa balik, dia tidak mahu bawa benda itu. Habis kuat yang dia bawa balik ialah apa yang dia dapati di Melaka iaitu handicraft yang terdapat di negara kita, itu yang mereka pentingkan.

Jadi, apabila ini sudah dibebaskan daripada cukai, kita telah kehilangan cukai pendapatan daripada benda-benda ini tadi sedangkan kita juga mempunyai kilang-kilang pemasangan elektrik di negara kita ini. Pemasangan TV, radio dan sebagainya lagi. Apa ini kita tidak boleh minta kepada mereka ini supaya mengurangkan kos ini dan menjualnya dengan harga yang bersaing supaya kita dianggap sebagai negara pengeluar yang murah.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap juga kepada Kementerian ini apa yang perdagangan yang ada salah satu daripada barang benda yang dibuat di negara kita ini yang kita banggakan ini, Proton Saga. Proton Saga 1300 c.c. harganya \$19,500; yang 1600 c.c. \$22,500. Saya tidak anggap ini murah. Kalau ini dikatakan kereta nasional yang orang kita dipaksa beli kereta ataupun pegawai-pegawai Kerajaan meminjam wang kepada Kerajaan membeli Proton Saga, Menteri-menteri pakai Proton Saga. Budak-budak pejabat yang menghantar surat pakai Proton Saga, di mana taraf Menteri-menteri kita? Di mana taraf pegawai-pegawai Kerajaan kita kalau sudah semua pakai Proton Saga. Ini bukan mahu kira prestige. Tetapi biasanya ini sudah lumrah manusia. Tetapi dengan harga ini, saya soalkan harga ini tadi. Soal yang lain saya tidak kesah. Tetapi adakah harga ini dianggap murah. Saya tidak anggap itu murah. Jadi kalau kita bandingkan, kalau kita mahu beli motokar yang sedia dipasang di Jepun misalnya Honda Prelude. Kalau kata satu kawasan yang dibebaskan cukai, Honda Prelude hanya boleh dibeli on the road, dengan izin, \$27,000 sahaja. Itu sudah termasuk untung, freight dan sebagainya \$27,000. Tuan Yang di-Pertua, kalau mahu beli motokar Honda Prelude pergi Labuan \$27,000 on the road.

Jadi, macam mana kalau kita mahu beli Proton Saga \$22,500. Jadi, ada saingan. Lebih baik saya beli Honda Prelude. Kalau mahu beli Mercedes Benz yang new model 40S, order dari Jerman baru \$22,000, kos freight dan sebagainya tidak sampai \$40,000 on the road. Jadi macam mana kita mahu buat ini. Jadi walaupun dikiranya kita mahu galakkan kereta nasional ini, buatan negara mi sendm, kita bukan mahu mencari kerugian dan tidak juga mencari keuntungan yang sebesar-besarnya tetapi sekadar untuk memperkenalkan mass production kita,

pengeluaran yang begitu banyak sekali, dan memperkenalkan dengan harga yang berpatutan, yang boleh diterima. Jadi, mungkin kita dapat menawan hati pembeli-pembeli rakyat Malaysia yakin kepada kereta Malaysia, tetapi dengan harga yang begitu bersaing, bertanding dengan harga kereta yang diimport, hanya perbezaan di antara \$3,000-54,000 sudah tentu mereka itu akan bertahan tidak mahu membeli dulu. Dia kata biarlah dulu Dr. Yusof pakai 3-4 tahun, mahu tengok apa dia punya komen. Satu orang sudah kurang. Dia komen biarlah dia pakai Proton Saga dulu, tidak apalah fasal dia itu bolehlah, kita jangan beli dulu.

Akhir-akhirnya bila sudah satu cakap begitu, satu cakap begitu, betul juga, tak apalah, biar si polan nanti dia beli dahulu, kita tanya dengan dia bagaimana jalan Proton Saga ini? Tetapi iklan dalam TV itu dia langgar air semua, betullah dinampak-nampakkan, tetapi di mana tempat itu? Di Gombak barangkali.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian harus mengkaji daripada segi pasaran, mereka ini kebanyakan orang yang bijaksana, orang yang lebih cerdik pandai, mungkin mereka akan menjual kereta ini ke negara-negara lain seperti di United Kingdom sudahpun menyatakan hasrat untuk membeli 40,000 unit setahun daripada pengeluaran kita. Kalau ini betulpun syukurlah, sekuang-kurangnya dahulu kita membeli kereta daripada England, Morris Minor, beli Hillman dan satu lagi Ford saya ingat, starternya kalau pagi-pagi jika ada jiran sebelah yang belum bangun tidur itu bolehlah, siapa ada kereta Ford dia boleh signal tolong bangun pagi. Dia berbunyi: 'Kek, kek, kek' selama 15 minit baru enjinnya hidup. Tetapi bila Jepun sudah ambil Ford, jadi Ford Jepun dia bunyi sekali sahaja terus kick — hidup. Ini kelemahan British buat starter.

Proton Saga ini saya tidak tahu di mana kelemahannya, kita akan periksa, tetapi kelemahan-kelemahan yang ada di hadapan sekali, lambang Proton Saga itu bendera Malaysia pula. Ada juga komen-komen mengatakan lambang Proton Saga itu macam salah satu lambang parti siasah di negara ini, tak tahu kalau betul apakah lambang parti itu. Kalau

betul Kerajaan haruslah mengkaji, tak payahlah taruh lambang bendera Malaysia dan sebagainya. Saya percaya ramai artis-artis atau pelukis-pelukis kita di Kuala Lumpur atau di Malaysia ini yang boleh berikan idea apa lambang yang sesuai.

Jepun keluarkan Datsun, Honda, Toyota, Isuzu tidak pakai bendera Jepun merah putih, tetapi mereka dapat menawan dunia perindustrian. Kita baru mahu keluar satu sudah taruh bendera Malaysia di depan sekali. Saya fikir ini patutlah dielakkan dahulu, bukan kita tidak megah, kita tahu negara kita itu memang sudah ada bendera di mana dunia pun perang fasal benderajuga, kalau kalah turunkah bendera itu, bendera putih yang naik sekali itu bermakna surrenderlah.

Tuan Yang di-Pertua, cuba ambilkira Mercedes Benz dia tidak banyak keluarkan bermacam-macam model, hanya Mercedes Benz satu dan Volkswagon di Jerman, dua sahaja. Jepun yang paling banyak hari ini kita tengok dalam satu bulan dia puriya eksport 50,000 unit ke negeri-negeri Barat mungkin itu hanya satu Toyota sahaja, kita tidak tahu berapa yang Colt Gallant atau Mitsubishi yang sudah dieksport pula.

Kita baru satu kereta Proton Saga, kalau boleh lambang itu janganlah diambilkira dahulu sebagai satu kemegahan, tetapi kemegahan yang penting kepada kita ialah daripada segi pengeluaran, daripada segi mutu kereta kita ini yang harus kita perkenalkan. Dahulu kita beli daripada British, sekarang kita jual kereta kita kepada British, Kalau negeri Arab beli lagi bagus, banyaklah pasaran kita, mudah-mudahan negeri Arab itu dapat buka dia punya kota, buka pintunya supaya belilah Proton Saga. Diharap pakar-pakar kita, di Puchong tempat Proton Saga supaya dapat memperbaiki atau meningkatkan mutu pengeluaran kereta kita ini pada bulan September ini di segi productionnya supaya kita dapat pasaran. Saya harap Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dapat mempercepatkan pemasaran kereta-kereta Proton Saga ini kepada negara-negara Islam khasnya terlebih dahulu seperti di Saudi Arabia.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya telah menyentuh banyak dalam soal Kementerian ini, dari segi pelancongan dan sebagainya. Saya berharap dengan sepenuhnya supaya Kementerian ini mengkaji daripada segi tambang kapal terbang, daripada Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur, ke Sarawak, ke mana-mana juga di Semenanjung Malaysia ini. Demikian juga pelancongan kita, ertinya mereka ini tersekat, bila sampai sahaja di sini mereka sudah tidak akan pergi ke mana-mana kerana memandangkan keadaan tambang itu menjadi satu bebanan. Ini menjadi satu perkara yang tidak adil, kenapa orang-orang kita sendiri mesti menanggung bebanan ini sedangkan MAS kita sudahpun untung berpuluh-puluh juta.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh pula soal Jabatan Penerbangan iaitu Maksud B.46. Sepertimana saya katakan tadi pernah disarankan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat di Dewan ini, tetapi di sini suka saya menyentuh pula mengenai pegawai-pegawai penerangan, pegawai-pegawai penerangan ini masuk pergi ke kampung yang hanya menerangkan dasar-dasar atau polisi Kerajaan sahaja, tetapi apa kemusykilan rakyat yang dikemukakan oleh pegawai itu tadi tidak disampaikan balik kepada Kerajaan.

Ini juga berat sebelah. Di mana fungsi-fungsinya Jabatan Penerangan ini, adakah sekadar mereka itu hanya memberi penerangan, apa kehendak Kerajaan dan seterusnya bila sudah sampai malam nanti buat program tayang wayang gambar. Ini juga harus diperbaiki mutu perkhidmatan penerangan. Mereka sepatutnya lebih mendekati kepada masyarakat-masyarakat di kampung dan demikian juga risalah-risalah. Saya dapati banyak risalah-risalah yang telah dikeluarkan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan yang patutnya disebarkan kepada orang-orang kampung, tetapi bila kita sampai ke Pejabat atau Jabatan Penerangan bertimbun-timbun masih ada di sana terbiar begitu sahaja, bila kita tanya orang kampung mereka ada terima atau tidak risalah ini? Meraka jawab: Tidak pernah nampak pun. Jadi, di mana pegawai-pegawai penerangan kita sudah bertugas. Apakah mereka ini hanya bertugas sekadar menurut jadual untuk mengisi selama 30 hari mereka itu menunjukkan kereta mereka hari ini melawat kampung A, besok kampung

B, ada ceramah di kampung C dan sebagainya. Itu sahaja, dan mereka tidak memainkan peranan mereka macamana untuk memberikan penerangan supaya rakyat dapat memberikan kerjasama supaya mereka juga dapat menerima maklumat, apa kemusykilan rakyat di sesuatu kawasan.

Kadang-kadang pegawai-pegawai penerangan juga apakah pengiktirafan mereka ini kepada Wakil Rakyat atau Ahli Yang Berhormat dan sebagainya. Kadang-kadang bila ada satu upacara yang dibuat oleh Badan-badan Berkanun atau Kerajaan kalau misalnya Ahli Yang Berhormat atau Senator tidak boleh menggunakan loudspeaker, tidak boleh menggunakan alat pembesar suara, terpaksa sewa dari orang lain kecuali Menteri, kecuali Pegawai Daerah atau Residen sahaja. Adakah ini betul? Adakah undang-undang ini menentukan begitu? Di manakah taraf Ahli-ahli Yang Berhormat itu tadi dan pemimpin-pemimpin rakyat di sesuatu kawasan itu? Kerap kali ini berlaku kononnya untuk mendapat kebenaran terpaksa tulis kepada ibu pejabat di Kuala Lumpur, tulis surat di Kuala Lumpur kalau kita berkehendakkan dalam masa 3-4 hari mungkin surat sampai ke Kuala Lumpur dalam masa 7 hari, surat biasa kadang-kadang 10 hari pun baru sampai.

Tuan Yang di-Pertua, inilah kelemahan di Jabatan-jabatan Penerangan kita supaya kelemahan ini dapat diperbaiki, supaya mereka ini jangan menganggap yang mereka ini sebagai satu pegawai Kerajaan yang mestinya menjalankan tugas menurut waktu yang tertentu sahaja, lebih buat apa? Itu sahaja. Jadi mereka tidak menghayati tanggungjawab mereka itu selaras dengan menjiwai negara ini negara mereka itu sendiri, tetapi hanya sebagai seorang pegawai, sebagai manusia yang makan gaji cukup, itu sahaja, tunggu cukup umur pencenlah, itu sahaja. Jadi attitude tunggu pencen inilah yang melemahkan selalu perkhidmatan-perkhidmatan dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu tadi ada pernah disebutkan yang mana dalam Jabatan Penerangan itu dalam berita-berita di negara ini ada kadangkala berita jiran kita di sebelah Johor sana berita-berita yang disiarkan daripada SBC lebih awal daripada berita yang



kita terima daripada RTM kita sendiri kadang-kadang 2 hari lewat baru kita punya keluar, kononnya kita ini punya Asia Vision, kita ada pancaran satelit ke sini ke mari, seluruh Asia, tetapi kenapa kita punya itu kebelakangan? Yang negara jiran saya perhatikan RTB (Radio dan Television Brunei) hari ini berlaku hari ini keluar berita itu, terus berlaku apa yang berlaku, sama juga dengan SBC, tetapi bila kita tengok Malaysia kita 2 hari baru keluar RTM kita punya. Jadi di mana kelemahan kita ini sedangkan kalau kita fikir kita Malaysia ini lagi besar lagi banyak rangkaian kita, kita mempunyai Rangkaian Pertama, Rangkaian Kedua, Rangkaian Ketiga, jangan siarannya juga panjang kalau kita campur di antara ketiga-tiga rangkaian ini tadi dibandingkan daripada SBC dan juga RTB. Dalam masa pukul 11.30 malam SBC sudah habis rancangannya. Kalau duduk 2 minggu di Singapura kita akan bosan tengok semua programnya, langsung tak guna, program kita lagi baik dalam Malaysia kalau kita fikirkan.

Kita kaji semua rancangan (programme) yang dipersembahkan dalam RTM kita, itu memang baik, tetapi kita ada sedikit ketinggalan daripada segi bertta ini tadi, kenapa? Kononnya kita punya satelit bumi kita ada Asia Yision, tetapi kenapa kita lambat, apa sebab, siapa yang kontrol, siapa yang beri mereka itu? Kalau dahulu kita belum ada Asia Vision, belum ada satelit mungkin mercka itu dibantu oleh BBC, itu kita tidak hairan sebelum itu. Jadi apa yang dapat disiarkan oleh BBC, BBC terus telecast, memancar terus-menerus melalui satelit, melalui television mereka. Inilah kadang-kadang jiran kita di sebelah Johor itu dengar Warta Berita di Singapura lebih awal, dengar di Malaysia lain, kita di Sabah begitu juga, RTB sudah siarkan serupa dengan berita yang disiarkan oleh SBC dalam RTB dan kemudian Malaysia. Jadi, itu yang kita hairan kenapa. Jadi ini harus diambil kira dan dikaji dari mana kelemahan-kelemahan RTM, kenapa kita semestinya ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya tidak akan sentuh dalam soal itu lagi, tetapi di sini "saya suka pula menyentuh, masih dalam RTM, pernah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tadi soal 'Santan Berlada'. Saya sangat tertarik hati bila mula-mula skrip

'Santan Berlada' ini akan disiarkan dalam RTM. Saya harap-haraplah saya berada di rumah akan mengikuti siri pertama 'Santan Berlada', tetapi kebetulan malam itu saya berada di Singapura, saya terpaksa pendekkan jamuan yang diberi kepada saya di Singapura semata-mata untuk mendapatkan program siri pertama 'Santan Berlada', terpaksa balik awal pergi hotel mahu tengok 'Santan Berlada'. Sekali bila kita lihat Santan Berlada siri pertama itu tak apalah, kita maafkan sedikit, mungkin program itu peringkat awal. Kita ikuti yang kedua pun itu juga, yang ketiga pun "Santan Berlada" itu juga.

Saya tidak nampak yang seorang Melayu yang mempunyai restoran yang mempunyai pekerja yang menyebabkan hingar-bingar di dalam Dewan, inikah menunjukkan orang Melayu yang lemah, yang tidak berkemampuan untuk mengendalikan restoran sahaja. Adakah restoran dan tukang wangnya pula yang suaranya lebih besar daripada taukeh? Taukehnya tidak nampak, siapa nama taukehnya itu, yang tukang cashier ini nama pelakannya itu Fauziah Nawawi, kalau tak silap saya, tetapi itu bukan salah dia, itu salah penulis skrip, salah pengarahnya, salah penerbitnya. Hanya semata-mata untuk mengisikan ruangan itu, dicampuraduk pula dengan orang Cina, datang satu orang India, macam mana orang Melayu melayan satu orang India masuk dalam restoran Melayu dengan secara kasar, dengan secara menyebutkan berbagai perkataan yang sindir menyindir antara satu kaum dengan satu kaum dan demikian juga di antara orang Cina dengan orang Melayu. Dan ada pula satu lagi bila budak lelaki yang jadi pelayan, seorang Jepun yang masuk ke restoran itu dia mahu minum air batu campur dan dalam air batu campur ini dia campur pula cili lagi untuk membuat menarik jenaka itu. Itu bukan menarik orang jadi ketawa, tetapi menarik orang lebih benci kerana itu menjatuhkan maruah peniaga-peniaga Melayu kerana orang Melayu tidak tahu berniaga dan tidak tahu mengambil hati dalam perniagaan. Itu menjatuhkan sendiri, mungkin itulah dibayangkan kepada sikap orang Melayu.

Jadi, saya mencadangkan supaya 'Santan Berlada' ini diberhentikan dahulu, dikaji dengan sebaik-baiknya supaya tiap-tiap satu siri dalam 'Santan Berlada' tidak akan menyentuh

daripada sikap peribadi dan sebagainya. Misalnya kita kaji satu lagi siri yang terdapat dalam Santan Berlada, iaitu dalam tajuk 'Takbir'. Dalam setengahnya itu ada bunyi takbir tetapi dalam Takbir' itu di sana dia riuh-rendah bergaduh dengan mengeluarkan kata-kata waktu boss dia tidak ada sana, makanan yang lebih-lebih itu dia bawa pulang beri kawan-kawannya. Jadi dia minta ampun, minta maaf kepada bossnya kerana maksudnya dia sudah mencuri. Ini menunjukkan tidak ada kejujuran pekerja-pekerja Melayu dalam restoran. Kemudian pula, datang kawan tadi yang terima bersih ini dia katakan barang yang dia beri itu tadi dia katakan itu semua sudah cuci dengan air stokin. Tidakkah itu menunjukkan satu keketoran sikap orang-orang Melayu? Ini boleh dikaji, boleh dimainkan balik Tilem itu.

Saya cadangkan supaya "Santan Berlada" itu diberhentikan dahulu, banyak menjatuhkan maruah orang-orang Melayu di dalam "Santan Berlada". Jadi, supaya pihak RTM mengkaji dengan sebaik-baiknya sebelum sesuatu drama yang patut mahu dipersembahkan. Oleh kerana perkara ini mungkin tidak banyak teguran, mungkin hanya teguran sekadar daripada surat-khabar-surat-khabar, mungkin mereka tidak mengambil perhatian dalam soal ini tetapi mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat sefahaman sama dengan saya ada mata, ada masa rihat, kebetulan dapat menuntun program itu kita menuntunlah, kita tengoklah. Kita mahu tahu sejauh mana kelebihan-kelebihan television kita dapat mengisikan persembahan-persembahan yang kita maksudkan kerana kita sendiri di dalam Dewan ini mengatakan kita mesti mengisikan rancangan television kita dengan rancangan-rancangan tempatan supaya kita lupakan rancangan-rancangan yang diimport daripada Barat, tetapi bila kita isikan dengan rancangan-rancangan tempatan pula lain halnya. Jadi inilah yang harus diperbaiki, 'banyak.

Saya minta, Tuan Yang di-Pertua, diadakan satu jawatankuasa panel mengkaji balik filem itu ditayangkan semula di mana banyak perkataan-perkataan yang cemar, yang tidak baik, perkataan yang lucah yang disebutkan di sana. Ada perkataan-perkataan yang lucah yang disebutkan oleh di antara perempuan-perempuan di dalamnya itu yang tidak sesuai didengar. Jadi cuba, saya minta dikaji balik dan buat

sementara waktu saya harap Santan Berlada ini diberhentikan. dahulu siarannya kalau sekiranya dia tidak dapat memenuhi selera penonton.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan yang disiaran oleh TV Malaysia ini Santan Berlada sudah stop. Bercakap lama-lama takut pedas diperlada, jadi biar sekadar ituiaah.

Ini mengenai Setangkai Irama. Tuan Yang di-Pertua, rancangan Setangkai Irama ini rancangan hiburan. Apa yang saya lihat Setangkai Irama ini latar belakang penari-penarinya tidak sesuai. Ia pernah disuarakan oleh mahupun pak Menteri kita sudah bercakap — Menteri yang dahulu-buat belumjadi, tetapi Menteri yang kedua sekarang sudah buat amaran hendak tukar pakaian-pakaian artis-artis.

Kadang-kadang secara lagu pembukaan bukan lagu berirama lagu negara ini. Lagu irama Barat, lagu irama Break Dance, lagu yang di kaki lima di New York; lagu-lagu itu. Yang di antara naik tangga lif itu dia menaritari orang Putih, lagu mabuk; itu yang ditiru oleh orang-orang muda-mudi kita, itu yang dimasukkan dalam televisyen kita. Berkali-kali kita tegur.

Negara kita ini mempunyai kebudayaan, kalau sekadar tarian-tarian Melayu sahaja banyak tarian yang boleh kita susun.

Tiap-tiap kali Setangkai Irama ini tidak seindah program itu kalaulah tidak ada satu lagu Hindustan. Kalau bukan satu lagu Tamil, tidak sedap Setangkai Irama itu. Inilah sahaja. Sekurang-kurangnya orang India, orang Tamil mempertahankan lagunya dalam bahasa Tamil, dalam irama Tamil, dalam Hindustan, jadi baru kila seronok, nampak sedikit rasa itu tetapi orang Melayu, artis-artis tempatan kita lenggang-lenggoknya bukan lenggang-lenggok orang Malaysia, bukan lagi lenggang-lenggok tarian macam orang Malaysia. Penari-penari yang mengiringi di belakang itu bukan sahaja nama kumpulan penari itu tadi, itu pun nama orang Putih, tak ada satu pun nama tarian itu nama Melayu, boleh periksa dalam Setangkai Irama. Kalaulah kumpulan itu Tarian Gemas, Semenanjung, Gema Kuala Lumpur, Seri Gombak, apa salahnya. Ini tidak, The Black

Dog Bone, The Ever Green Dancers, macam-macam nama orang Putih. Yang menyanyi pakai baju Melayu tetapi yang di belakang memakai baju gaun, seolah-olah kurang kain. Jadi, tariannya pula tidak sesuai dengan irama yang dinyanyikan oleh artis itu tadi. Jadi di mana kita sudah tunjukkan Setangkai Irama ini betul-betul program untuk memperkenalkan artis-artis kita.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, kadangkala artis-artis ini terlalu banyak artis, muka yang sama, artis itu sahaja. Mungkin ini kerana sikap pilih kasih dan sebagainya. Demikian juga kadang-kadang kenapa artis-artis kita ini kalau tidak menyanyikan satu lagu orang Putih mereka menganggap mereka bukan artislah kononnya. Mesti, mesti menyanyi lagu orang Putih baru kononnya artislah saya ini. Tetapi waktu hendak bertanding jadi bintang RTM pakai baju cara Melayu, pakai songkok Melayu, tidak mahu pilih lagu orang Putih, dia nyanyi ikut tatatertib tetapi besok bila sudah diumumkan jadi bintang RTM sudah tukar, dia pakai topi cowboy. Ini saya perhatikan. Dia sudah berlagak, sudah lain stylenya. Jadi dalam RTM pun dia buat begitu.

Mass-media kita ini tontotan orang ramai. Kita tidak semestinya membiarkan penerbit-penerbit kita buat sesuka hati. Mungkin kerana orang-orang kita dalam RTM ini sudah terlalu banyak didikan di Amerika dan di England sebab itu mereka suka dengar lagu 'a-go-go' 'tango' dan sebagainya; itu yang secucuk dengan telinga mereka, secucuk dengan jiwa mereka, secucuk dengan otak mereka; jadi bila kita mainkan lagu dondang sayang, joget dan sebagainya mereka anggap ini kebudayaan lemah sebab mereka itu terdidik dari sana. Jadi kalau mereka pasang earphone itupun dia akan mengantuk kalau dengar lagu Melayu. Jadi bila lagu rancak dia pun goyang-goyang macam unta, dalam bilik itu. Ini mesti dibuat kajian, kita mesti isikan dalam rancangan-rancangan hiburan seperti ini dengan irama-irama negara kita, irama negara Malaysia ini tidak kurang.

Saya tidak nampak dan lagi kenapa artis-artis ini semua memilih seratus peratus lagu-lagu kugiran, lagu kumpulan gitar rancak sedangkan lagu-lagu yang mereka persembahkan

itu langsung tidak dapat menambat hati peminat sebab lagu yang mereka nyanyikan itu menurut kehendak mereka. Irama lagu mereka itu kalau misalnya seorang artis itu menyanyikan tiga atau empat lagu, lebihkurang irama itu serupa begitu sahaja yang disogokkan. Senikata pun menurut senikata kehendaknya sahaja, tidak adalah senikata lagu-lagu seperti yang dicipta oleh P. Ramlee, Jaafar Ahmad, Yusof B, Othman B dahulu waktu mencipta lagu-lagu di Singapura sehingga hari ini mereka itu melahirkan lagu-lagu Melayu yang sepenuhnya berada di dalam alam Melayu tetapi bukan lagu-lagu yang ada sekarang ini.

Langsung kita tidak boleh bersiul menurut irama lagu mereka. Cuba lagu-lagu P. Ramlee yang dimainkan seperti Hamidah, Azizah dan sebagainya, Di Mana Suara Burung Kenari, ini semua lagu kalau kita main biolakah, main trumpetkah, kita masih menyanyi dalam zaman remaja kita. Tetapi lagu-lagu yang ada sekarang yang dinyanyikan oleh artis ini macam ibarat air surut, terus jalan, tak balik lagi. Inilah air yang surut, dia tak akan balik tetapi bukan lagu-lagu yang pernah dipopularkan oleh Allahyarham P. Ramlee, Saloma dan sebagainya, lagu-lagu mereka itu hidup biarpun mereka sudah kembali ke Rahmatullah, tetapi lagu mereka itu hidup. Hidup mereka itu bukan hanya sekadar di antara orang-orang yang mempopularkan lagu-lagu itu di zaman mereka itu sendiri — bukan, bukan di zaman kita ini tetapi di zaman kanak-kanak yang baru berumur tiga, empat tahun inipun suka menyanyi lagu-lagu mereka itu sendiri biar daripada segi iilem.

Filem yang mereka tayangkan dalam televisyen, apa yang dibuat, dilakukan, diarahkan oleh P. Ramlee itu telah menjadi satu kegemaran, ditonton oleh kanak-kanak yang masih muda ingin melihat telatah mereka. Jadi ini satu kelebihan. Jadi di mana para penerbit kita yang sekarang ini sudah cukup dihantar, dididik ke luar negeri, berbagai-bagai kursus BBC London tidak tahu, berapa banyak orang-orang kita yang ada di RTM yang sudah pernah dilatih di BBC London, berapa yang sudah dihantar ke Jepun, berapa yang sudah barangkali ada di Jerman, di Amerika, semua sudah pandai jadi penerbit dan sebagainya tetapi mereka masih tidak dapat memenuhi kehendak

masyarakat dan rakyat Malaysia. Itulah yang saya katakan tadi mungkin juga mereka itu terpengaruh kerana mereka ini telah dilatih di negeri Barat, jadi lagu irama Barat semua masuk dalam otak dan fikiran mereka, jadi menjiwai irama negara sudah tidak ada lagi. Inilah yang mungkin satu-satu daripada puncanya.

Jadi saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, supaya Kementerian yang berkenaan ini mengambil kira, mengkaji seperti dalam Setangkai Irama. Malam kelmarin Setangkai Irama itu ada baik sedikit, Itu Mat Daud Kilau sebab lenggang dia itu, siapa itu Rose Iskandar, itu saya ingat pakaian-pakaian itu bagus sedikit, bukan seperti yang lalu-lalu saya tengok ada kurang memuaskan. Kalau begitu kita ikuti barangkali itu sederhanalah, lagu-lagu itu daripada lagu-lagu tahun 60an dan 50an dipopularkan balik, apa salahnya. Kemudian kita campurkan dengan lagu-lagu penggubah-penggubah lagu kita yang baru-baru ini supaya mereka dapat mengkaji lagu-lagu dalam tahun 60an itu lebih bermakna, lebih menyayat hati daripada lagu-lagu gubahan yang ada sekarang supaya mereka dapat memperbaiki, mengkaji, jadi kalau kita lenyapkan sekali, hanya tonjolkan penggubah-penggubah kita yang ada sekarang, mereka tidak dapat membuat perbandingan. Jadi mereka menganggap mereka itu sahajalah penggubah lagu di negara ini, tidak ada lain yang lebih pandai daripada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal hiburan, RTM ini, ada jelas nampak lagi perbezaan di dalam bentuk hiburan ini tadi, jadi dalam pendapat saya ada tiga; Setangkai Irama, Sirih Pinang dan Kenangan Juara. Bila sampai kepada rancangan Sirih Pinang masanya pendek, tidaklah lama sepanjang Setangkai Irama. Dalam Sirih Pinang lebih banyak melambang lagu-lagu Melayu, pemandangan di sekitar kampung tetapi nampak-nampaknya RTM macam seolah-olah membuat program ini macam tidak indah sahaja, macam tidak kesah, dan juga artis-artis yang dipilih di dalam Sirih Pinang ini, artis-artis yang sudah lama sekali, yang tidak mahu lagi disanjung-sanjung sekarang semata-mata untuk mengisikan rancangan Sirih Pinang. Jadi ini nampak perbezaan ini Penerbit, seolah-oleh Setangkai Irama sahaja

mahu dapat artis yang terkenal yang baru keluar jadi Bintang RTM. Itu sahaja tetapi bila Sirih Pinang diberilah yang main-main biola, yang pakai gong-gong kampung, itu tidak apa, itu kebudayaan itupun masanya suntuk tetapi cara penerbitan itu kita nampak ada perbezaan yang dibuat oleh RTM.

Tuan Yang di-Pertua, cuba lagi tengok satu program Juara Kenangan, ini Juara Kenangan, misalnya, dia keluarkan artis-artis yang lama seperti Fadzilah Junid, banyak yang dahulu-dahulu itulah, lupa saya sudah kalau di sini, saya katakanlah Juara Kenangan. Jadi bila kita tengok juga di sana nampak perbezaannya, banyak perbezaan seolah-olah mereka itu macam orang yang diketepikan sahaja dalam rancangan itu ala kadar sahaja untuk memberi kepada mereka itu peluang sahaja sebagai menyambung serba sedikit sahaja kegiatan mereka itu. Dua perbezaan di antara Sirih Pinang dan Juara Kenangan. Betul rancangan Juara Kenangan itu memang baik untuk mengembalikan semula artis-artis yang lama ataupun kita membangkitkan balik mereka yang sudah jauh terpendam, kita kembalikan dan kita akan mendengar balik suara mereka dan sebagainya, mereka juga menganggap mereka hilang tidak dibuang langsung, tidak dikecualikan sama sekali, namun mereka terus diberi penghormatan tetapi berikan program itu ataupun dalam studio, kelengkapan studio, apalah salahnya setaraf dengan Setangkai Irama, apa ada salah. Ini saya tengok lampu pun berkurangan, cara-cara di hadapan stage juga berkurangan, kenapa, sebab Sirih Pinang, Juara Kenangan lebih banyak bercorak-corak lagu-lagu irama Melayu, pakai baju kurung, baju Melayu. Jadi sebab "Setangkai Irama banyak pakai jean, banyak baju ketat-ketat, jadi sebab itu diberi istimewa Hghtnya, lampu terang-terang, ada perbezaan. Jadi saya mirria pihak Jabatan Penerangan dan RTM kaji di antara ketiga-tiga rancangan ini, jangan buat sebarang perbezaan di dalam rancangan hiburan ini.

Jadi itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya dapat dikaji dari sehari ke sehari filem-filem ini di atasi dan demikian juga satu lagi mengenai filem-filem, filem-filem yang dikeluarkan di tanahair kita ini, ada kadang kala

filem baru antara 18 bulan yang baru diedarkan kemudian tidak dapat pasaran ditayangkan dalam RTM, jadi bila dalam RTM kita sendiri nampak betapa rendah mutunya filem kita yang ada sekarang. Ini patut juga diperbaiki.

Jadi saya tidak menafikan benar kalau dikata oleh setengah-setengah artis dari Indonesia yang filem-filem di Malaysia hanya untuk ditonton oleh anak-anak sahaja di Indonesia mungkin itu betul. Misalnya, filem Sumpah Semerah Padi kononnya, filem ini ditayangkan di salah satu pawagam di Jakarta untuk tontonan kanak-kanak sahaja. Saya mungkin mendapati itu satu perkara betul, satu kenyataan kerana cara lakunan dan bentuk pelakon dalam bintang-bintang filem kita di Malaysia ini macam kanak-kanak, macam budak-budak, lebih banyak kebodak-budakan daripada apa juga filem-filem yang dikeluarkan akhirnya, ini lain daripada filem-filem dalam tahun 50an dan 60an itu kita bandingkan, baik bintang filemnya, seniwati dan senimannya dan lain. Kalau kita bandingkan P. Ramlee, Yusof Latif, semua segak orangnya tinggi, itu baru hero, ini hero pendek begini. Sekarang bintang filem, jadi sebab itu Indonesia katakan untuk tontonan kanak-kanak, dia pakai camera trick, tambah tiga inci kasut untuk tinggi sedikit. Macam manalah mahu jadi bintang filem. Jadi betul saya tengok, jadi telatah-telatah bintang filem kita inipun betul, saya katakan untuk muda mudi sahaja, untuk ditonton oleh semua kaum dan umur tidak dapat diterima hari ini.

Jadi saya fikir filem kita tidak dapat pasaran di Indonesia kita salahkan Kerajaan tidak mahu menerima, sedangkan di tempat kita sendiri kita tidak dapat pasaran kerana kita sendiri tidak dapat menghayati, tidak dapat menerima. Itu betul, cuba bandingkan, mainkan balik filem Hang Tuah seperti P. Ramlee dengan Zaiton, berapa cantiknya Zaiton tinggi begini, P. Ramlee segak, itu baru kita tengok syok sedikit. Menyanyi pun sedap, sekarang punya dia macam mana penyanyi-penyanyi sekarang ini, pelakon bila dia menyanyi dia membelakang camera, tidak nampak mulut dia menyanyi, siapa pun boleh jadi bintang filem, saya pun boleh.

Jadi tidak ada menunjukkan kelebihan bintang-bintang filem yang ada sekarang, semua menggunakan camera trick, cuba perhatikan. Bila saya lihat Yusof Haslam menyanyi di Port Dickson dalam perahu itu dengan satu bintang filem perempuan, jadi begitu juga diambil gambar itu jauh-jauh, jadi suara kuat, suaranya dubbing, dia dub macam mana suara dubbing orang yang dalam perahu jauh nun di laut sana, suara kuat, jadi bukan suara menyanyi. Tetapi P. Ramlee menyanyi dengan siapa pun dengan Kasma Booty, dengan Siput Serawak Mariam buka mulut semua sama sekali sebab mereka berlatih betul-betul di Jalan Ampas. Satu lagu mereka menyanyi sekurang-kurangnya tiga bulan senikata lagu dihafalkan, bila digambar waktu itu mereka terus menyanyi lagu itu walaupun tidak seindah dengan apa yang dinyanyikan dalam rekod, tetapi senikata itu mesti keluar sama. Hari ini lain. Macam mana kita mahu menarik minat-minat penonton- penonton filem-filem kita yang sekarang. Betul, saya mengakui filem yang dibuat sekarang ini filem untuk kanak-kanak. Siapa lagi bintang filem kita yang satu lagi Latiff Ibrahim juga pendek, M. Borhan juga pendek. Macam mana jadi hero, mana ada syok dengan hero pendek-pendek. Tarzan pun bukan tarzan. Jadi macam mana? Kita mesti ada satu cara dan mintalah kepada pengarah-pengarah, produser-produser, ibukan orang-orang dalam Malaysia ini yang layak jadi bintang filem, mesti mahu segak, badan naik, lawa, besar sedikit, barulah sesuai.

Jadi kalau kita melahirkan seperti ini susahlah. Saya fikir betul, Tuan Yang di-Pertua, kelemahan-kelemahan ini patut ditegur, mungkin sekadar menegur filem-filem kita dalam akhbar itu tidak mencukupi, tetapi di sini kita lahirkan perasaan kita ini demi memperbaiki, meningkatkan mutu-mutu pengeluaran yang ada terlibat dalam mass-media Kerajaan kita, dalam TV. Ini hak kita.

Kita sendiri malu rakyat Malaysia, di segi lain konon kita agung-agungkan kita punya kelebihan, kita punya kemajuan dan sebagainya. Kemudian di pihak lain pula kita tuduh Filipina tidak menerima filem kita, Indonesia tidak menerima filem kita. Jadi bila kita kaji siapa yang betul, siapa yang salah. Jadi kita

mesti lihat dari segi mana? Jadi sekarang kita kaji kelemahan itu berpunca daripada kita sendiri.

Jadi kita jangan salahkan orang lain. Kita salahkan diri kita sendiri di negara ini yang tidak dapat mengeluarkan filem-filem yang memuaskan.

Cuba, Tuan yang di-Pertua, kita mainkan satu filem lucu daripada Amerika, 'Here Is Lucy', barangkali sekarang Lucille Ball, nama pelawak itu, barangkali dia sekarang sudah berumur 80 tahun tetapi cuba tengok persembahan dia di sana dia tidak pakai pakaian yang macam compang-camping, tabiat yang tidak senonoh, boleh menarik cara orang ketawa tetapi filem itu sudah dikeluarkan dalam tahun 1950an tetapi hari ini masih dipancarkan di mana-mana TV di Asia Tenggara, mahupun di London dan di Amerika. Kita tengok macam mana filem Here Is Lucy itu tetapi bila kita bandingkan dengan ahli pelawak kita di sini, kadang-kadang kita tengok membosankan melihat cara mereka itu. Kadang-kadang sebelum mereka melahirkan sesuatu percakapan, kita sudah dapat menangkap apa maksud yang akan disebutkan.

Jadi ini juga, kenapa tidak diadakan, kononya kita sudah ada PINAS dan sebagainya untuk melatih orang-orang kita, ada MARA, untuk mengeluarkan filem tetapi mana semua kesudahannya ini? Jadi kelemahan-kelemahan masih terdapat.

Demikian juga waktu satu rancangan yang dibuat oleh RTM iattu rancangan khas untuk kakitangan untuk memberikan Anugerah RTM. Saya dapati program seperti itu hanya membuang masa untuk disiarkan secara langsung. Patut itu jangan disiarkan kerana itu hanya mengenai hal ehwal dalam Jabatan itu sendiri. Kenapa mesti disiarkan? Kalau RTM boleh berhak berbuat demikian, kenapa jabatan-jabatan lain tidak berhak berbuat demikian, ada jabatan yang lebih besar daripada RTM yang boleh buai. Kenapa? Ini saya ingat sangat membosankan, sampai tiga kali berturut-turut, terpaksa rancangan-rancangan lain dibatalkan kerana Anugerah Malam RTM. Angkasapuri itu.

Saya ingat tiga kali perkara ini berturut-turut diadakan, ini hanya mengenangkan khidmat kakitangan penerbit yang membuat rancangan. Itu saya ingat boleh diadakan dalam masa-masa yang tertentu sahaja tetapi tidaklah semestinya tiga kali berturut-turut, lain-lain program terpaksa dibatalkan, Itu juga patut diambil perhatian. Kenapa, apakah keistimewaan siaran itu dan lagi kenapa kalau sekiranya mereka itu hanya mengutamakan kepada skrip drama dan filem sahaja tetapi kenapa mereka tidak ada melahirkan, memberikan sebagai satu anugerah kepada pelawak-pelawak negara ini. Kenapa? Patut diadakan satu juga rancangan anugerah pelawak terbaik seperti Jamali Sadat. Saya fikir Jamali Sadat adalah salah seorang pelawak yang paling baik kerana dia mempunyai pandangan yang tertentu daripada segi apa juga pergolakan negara dan sebagainya, soal masyarakat ada di dalamnya, tetapi bukan seperti pelawak-pelawak yang lain itu kadang-kadang menurut perasaan. Jadi ini patut dikaji.

Tuan Yangdi-Pertua, ada juga satup rogram yang kadang-kadang dalam saya ingat dalam masa dua atau tiga tahun ada satu rancangan pertandingan lawak jenaka yang diwakili oleh negeri-negeri tetapi hari ini sudah tidak ada.

Jadi saya harap ini juga patut dihidupkan semula supaya kita menambahkan bilangan pelawak-pelawak kita bagi mengisi dalam rancangan-rancangan hiburan seperti ini. Walaupun kita tidaklah setaraf seperti mana Here Is Lucy misalnya tetapi sekurang-kurangnya kita cuba membayangkan macam mana keadaan masyarakat di sekeliling masyarakat kita yang berlaku setiap hari.

Ini kadangkala macam drama Santan Berlanda yang saya katakan perkara yang bukan-bukan seperti cashier terpekik-pekik lebih daripada suara lain orang. Jadi saya harap, Tuan Yang di-Pertua, apa juga yang telah saya tegur di dalam Dewan ini diharap diambil perhatian.

Jadi saya fikir saya tidak ada apa-apa perkara, selain daripada itu menyokong Rang Undang-undang ini dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Encik Tiong.

5.37 *ptg.*

**Tuan Tiong Hiew King:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, 1985.

Sebelum saya memberi pandangan dan pendapat saya di dalam perkara ini, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan junjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Iskandar Yang di-Pertuan Agong kerana telah berkenaan melantik saya sebagai Ahli dalam Dewan yang mulia ini.

Juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak terutama sekali kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak atas kepercayaan yang diberi kepada saya untuk menjalankan tugas saya sebagai Ahli Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Rang Undang-undang ini iaitu mengenai kemajuan di negeri Sarawak terutama sekali dalam bidang pertanian. Saperti apa yang kita sedia maklum, Sarawak adalah satu negeri yang terbesar di dalam negara kita Malaysia yang boleh dibangunkan menjadi pusat pertanian bagi membantu negara kita mengatasi masalah kemerosotan ekonomi yang sedang kita alami sekarang.

Malangnya, sejak Sarawak merdeka dalam Malaysia lebih 20 tahun lepas, pembangunan di bidang pertanian masih sangat ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Oleh hal yang demikian, saya menyeru kepada Kerajaan Pusat menerusi Kementerian Pertanian supaya memberikan perhatian dalam perkara ini dan saya minta supaya Kerajaan Pusat juga hendaklah memperuntukkan wang yang lebih untuk kemajuan pertanian di negeri Sarawak terutama sekali dalam Rancangan Malaysia Kelima nanti.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Haji Shahrom Maasom.

4.40 *ptg.*

**Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sama-sama menyokong satu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1985 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Akta yang diminta untuk kita luluskan ini, saya percaya dan yakin dengan Kerajaan kita yang ada pada hari ini untuk terus membangunkan negara kita sama ada di dalam bandar dan di luar bandar untuk terus meninggikan taraf hidup rakyat sama ada dalam bandar atau di luar bandar, sama ada melalui rancangan-rancangan yang telah sedia ada atau rancangan-rancangan yang akan diatur di masa-masa yang akan datang, maka untuk meyakinkan kepada rakyat, meyakinkan kepada orang ramai bahawa keyakinan ini dapat diterima dan rakyat terus memberi sokongan kepada Kerajaan kita, maka kita mengharapkan Kerajaan akan membuat satu cara yang lebih berani untuk menerangkan kepada rakyat menerima perubahan-perubahan, perkembangan-perkembangan baru terutama dalam bidang-bidang yang selarna ini belum pernah diteroka, dalam bidang-bidang dan perkembangan-perkembangan teknologi baru yang selama ini jauh daripada fikiran dan pandangan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, melalui tenaga pelaksana, melalui sektor awam kita, perubahan telah dapat kita lihat dari satu masa satu masa dan perkapita, hitung panjang adalah makin baik tetapi hitungan ini yang sebenarnya apabila kita terjun kepada hakikat yang sebenarnya terutama di kampung-kampung di kawasan luar bandar adalah jauh daripada, apa yang tertulis di dalam buku-buku ataupun penyataan-penyataan yang dibentangkan di dalam Dewan ini.

Saya datang daripada kawasan luar bandar. Saya datang daripada kampung, di mana tempat saya tinggal itu ialah kaum tani, petani-petani tulin, petani-petani yang menggantungkan hidupnya kepada hasil kelapa, kelapa sawit, koko, getah bertanam sayur dan menjadi nelayan kecil.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini satu perkara yang menjadi masalah kegelisahan rakyat di luar bandar ialah kejatuhan harga kelapa, kejatuhan harga kopi dan tidak meluasnya pemasaran koko. Sekalipun kita menyatakan melalui Kementerian Pertanian kita akan membuat perubahan-perubahan yang wajar kerana baru-baru ini saya baca satu kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian sewaktu mengadakan satu kunjungan ke sebuah kampung pendalaman di Batu Pahat di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita juga mengunjungi kampung itu iaitu di Parit Basri, Kampung Redjo Sari, Parit Laman, Parit Warijo di Seri Medan di mana kampung itu pernah saya sebutkan di dalam Dewan ini beberapa kali apabila sampai masanya musim hujan, kampung ini akan mengalami banjir tenggelam sehingga empat bulan lamanya, Cubalah kita fikirkan sebuah kampung kaum tani yang bertanam getah dikenangi oleh air selama empat bulan. Tetapi Yang Berhormat Menteri Pertanian kita dengan semangat yang begitu hebat mengatakan setelah adanya lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, enam bulan kemudian kampung ini, kampung-kampung di sekitar di mana Yang Berhormat Perdana Menteri membuat kunjungan ini akan mengalami perubahan yang begitu hebat. Kunjungan ini dibuat dalam bulan Julai. Enam bulan kemudiannya sampai bulan duabelas. Apabila bulan duabelas, hujan akan turun, banjir akan berlaku. Jadi rakyat di kawasan itu nanti akan menagih perubahan besar apa yang diterima enam bulan setelah Perdana Menteri melawat ke kawasan itu.

Masalah yang saya ingin timbulkan di sini ialah mengenai dengan pembersihan Sungai Batu Pahat, simpang kanan dan simpang kiri di mana tempat-tempat rakyat tani duduk, rakyat tani tinggal sejak zaman berzaman. Jadi mengapa pengaliran air di situ masih juga tidak dapat berjalan sepertimana yang sepatutnya

sungguhpun berjuta-juta ringgit telah dikeluarkan untuk membersihkan Sungai Batu Pahat itu. Satu masalah lagi Sungai Batu Pahat ini daripada kualanya di Minyak Beku sana berbebasan batu kalau mengikuti perkiraan hari ini berpuluh kilometer. Tetapi di situ juga ada satu loji penapis air tetapi rakyat di sekeliling tempat itu sendiri tidak dapat menikmati bekalan air yang sebaik-baiknya sedangkan paip yang sudah pun ditanam daripada Yong Peng sampai ke bandar Batu Pahat itu adalah satu batang paip yang besar ukuran 20 inci. Air sungai itu tawar boleh ditapis, boleh diproses untuk dijadikan bekalan air kepada rakyat. Tetapi rakyat di kawasan sekitar itu kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini ada masa menuju ke Selatan, sepanjang jalan daripada Muar sampai ke Batu Pahat ke Bandar Penggarang kita masih tengok lagi tempayan-tempayan ataupun tong-tong di tepi-tepi jalan menunggu bekalan air yang dihantarkan oleh Jabatan Bekalan Air. Namun demikian kita berterima kasih juga, kita masih berterima kasih kerana masih ada simpati daripada Kerajaan menyampaikan bekalan air.

Tuan Yang di-Pertua, kaum tani dalam negara kita ini mengharapkan hasil daripada tanaman cycle, dusun-dusun lama, tanaman getah yang luasnya satu atau dua hektar yang sekarang ini pekebun-pekebun kecil dalam negara kita lebih kurang 500,000 keluarga di mana di dalam melaksanakan tanaman semula getah ini.

Sungguhpun tanaman semula getah ini telah diperkenalkan dalam negara kita sejak daripada bantuannya dahulu 450 sampailah sekarang meningkat kepada angka \$2,000 bantuannya setiap satu ekar tetapi masih kedapatan lagi kebun-kebun getah yang apabila sampai masanya sepatutnya sudah boleh ditoreh tetapi tidak boleh ditoreh ertinya lilit pokok itu masih belum cukup untuk ditoreh sedangkan itulah harapan petani-petani kita, kaum tani kita yang mempunyai kebun getah.

Apabila kita pergi ke kedai membeli getah harga getah pula disusun daripada getah nombor satu sehingga getah nombor lima dan getah orang kampung ini jatuh kepada tingkat nombor lima yang menilai sama dengan harga getah



beku atau getah segerap kata setengah-tengah tempat. Jadi, apabila keadaan yang demikian itu bertaku maka banyak di antara pekebun-pekebun kecil getah kita sekarang ini tidak mahu memproses getah kita melalui pusat berkelompok kerana lebih senang menjadikan getah beku atau getah segerap, tidak banyak kerja, tidak memerlukan tenaga yang banyak, pukul 9.00, pukul 10.00 pagi sudah boleh berehat di rumah. Besok tengok getah itu beku, kumpulkan sedangkan kita punya MARDEC, kita punya Pusat Kawalan Berkelompok untuk penanam-penanam getah, pekebun kecil getah kita dan dari satu masa ke satu masa kita mendengar laungan dan suara daripada persatuan pekebun-pekebun kecil getah akan nasib mereka, dan setengah-setengahnya pula apabila ditanam semula berlaku pula kecurangan seperti beberapa kes yang masih belum diselesaikan di mahkamah daripada kakitangan RISDA itu sendiri, ada kebun yang telah dikeluarkan bantuan, telah dibayar bantuannya tetapi benih tidak sampai kebun itu masih belukar juga. Mengapa keadaan seperti ini masih berlaku dan siapakah yang bertanggungjawab dalam masalah ini?

500,000 pekebun-pekebun kecil kita ini masih banyak daripadanya yang masih belum mahu menerima lagi konsep tanam semula. Kerana mereka kata, kalau saya tebang kebun saya satu hektar atau dua ekar lebih ini apa yang saya hendak makan, sekali pun ada rancangan mengatakan tebang separuh dahulu kemudian ditanam dengan tanaman-tanaman kontan, tanaman sclingan seperti pisang, jagung dan sayur-sayuran. Kita juga sedar bahawa ini adalah satu usaha yang baik dan pimpinan daripada pihak Kerajaan, daripada pihak jabatan agensi yang tertentu memimpin petani-petani kecil di luar bandar ini ada satu usaha yang baik tetapi kita akan lihat tanaman jagung itu hanya setakat satu musim lepas itu hilanglah jagung. Kalau menanam jagung, sayur itu juga tidak akan ke mana perginya hanya setakat berlegar di kawasan itu sendiri cukup untuk dimakan sendiri, sedangkan keperluan untuk keluarga, makanan, pakaian dan wang persekolahan anak-anak terus berjalan. Keperluan hidup sehari-hari terus memerlukan belanja yang lebih tinggi dari satu masa ke satu masa, keperluan hidup kita meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, inilah masalah yang dihadapi oleh kaum tani, peladang-peladang kecil kita, petani-petani kecil kita yang berkebun getah. Barangkali sekarang ada satu usaha atau satu sistem baharu kita dengar pihak-pihak tertentu mengatakan bahawa sekarang ini kita ada satu alat memotong, menoreh getah dengan pisau yang menggunakan bateri dibuat percubaannya di Sungai Buluh. Jadi, orang kampung pun tertunggu-tunggu kerana apabila disiarkan pula bahawa alat menoreh getah yang menggunakan bateri itu belanjanya sekian ratus, maka tidak payahlah gunakan alat itu, gunakan pisau bengkok balik semula. Jadi, sekarang ini kalau kita pergi ke kawasan luar bandar berapa banyak kebun getah, pekebun kecil yang tidak diusahakan, tinggal kosong menjadi belukar, tidak ada orang yang mahu memotong, tidak ada orang yang mahu menoreh, setengah-setengah tempat kata menoreh, setengah tempat kata memotong. Tinggal kebun getah itu berhijrah ke bandar di mana-mana ada pembangunan, di mana ada usah-usaha, ada projek-projek yang memerlukan tenaga yang banyak, tinggalkan kampung mereka lari berkejar ke bandar, maka kesan yang utama sekali kita tengok di Kuala Lumpur ini setinggalan, pendatang daripada kawasan luar bandar mencurah-curah. Kita pergi ke kampung kampung tinggal kosong. Kalau kita pergi ke kampung sekarang ini kalau kita mengadakan ceramah atau perjumpaan mesyuarat yang ada ialah orang yang berumur sudah 50 tahun ke atas.

Satu masa dahulu banyak di antara orang-orang muda kita pergi ke Singapura kerana di sana gaji lebih mahal dan apabila Singapura membuat satu sistem baharu maka balikkah orang-orang kita ini bukan balik ke kampung tetapi balik menghuni di Kuala Lumpur, di Seremban, di Ipoh, di Pualau Pinang dan di Johor Bahru ini kita lihat sehari-hari. Jadi, mengapakah keadaan ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Inilah kerana masalah hidup, rakyat kita yang makin hari makin menjadi cabaran tidak dapat diselesaikan, tidak dapat dibersihkan, maka cara yang paling mudah ialah tinggalkan kampung pergi mencari penghidupan baharu di bandar. Buktinya Kuala Lumpur ini telah penuh dengan orang yang datang mencari penghidupan, dua hari lagi mahu menyembur

hari raya lengan semua belai kampung, ertinya itu masih orang kampung dan akan berhari raya di kampung, tinggalkan rumah di Kuala Lumpur ini balik ke kampung berhari raya di kampung, tinggalkan rumah di Kuala Lumpur ini balik ke kampung berhari raya di kampung sebagai tradisinya.

Di sini ada hubungannya dengan tanah terbiar kebun getah yang terbiar, tanah sawah yang terbiar, padang ragut yang terbiar, dusun yang terbiar dan akan dikunjunginya apabila musim buah. Jadi, daripada keadaan tanah terbiar dengan tenaga pekerja buruh tani; baharu-baharu ini ada diumumkan bahawa kita memerlukan buruh tani daripada Bangladesh untuk menanam padi secara besar-besaran. Kita memerlukan tenaga buruh daripada Indonesia, jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri baharu lebih kurang 420 orang sahaja yang mengikut perjanjian buruh Malaysia/Indonesia yang ditandatangani oleh Dato Musa Hitam di Medan tetapi apakah 420 itu sekarang yang ada dalam negara kita. Yang sebenarnya 420 orang itu hanya 1%, baharu 1%. Sekarang dalam negara kita lebih daripada 500,000 orang, kenyataan daripada seorang Menteri Republik Indonesia mengatakan orang-orangnya yang sudah berada di Malaysia 500,000. Maka jadilah masalah di Keratong, jadilah masalah di Rancangan FELDA di kawasan Maran kawasan Yang Berhormat Dato Mohamed Khalil Yaakob, jadi masalah di Jengka, jadi masalah di Segamat, Ayer Tawar, jadi masalah di Kota Gelanggi, di Cenderwasih ini kawasan FELDA yang saya pergi dan saya tenguk, bukan 400 orang sahaja yang sebenarnya, lebih, 400 orang itu baharu 1%.

Kita memerlukan tenaga buruh tani atau buruh binaan, benar kita bersetuju. Sebab, kalau tidak ada tenaga buruh binaan tidak bangun dan ladang tidak dapat diusahakan, kerana apa, kerana anak-anak muda Malaysia sudah begitu menandang taraf bahawa bekerja sebagai buruh ini adalah tidak wajar. Sebagai bangsa yang sudah merdeka tidak boleh bekerja dekat estet, sebagai bangsa yang sudah merdeka tidak boleh bertanam padi, sebagai bangsa yang sudah merdeka tidak boleh dikatakan

buruh kontrak. Tetapi apabila kita memerlukan buruh, buruh datang daripada tempat luar kita gelisah.

Di tempat saya di Kuala Langat, Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu seorang bertanam halia, halia ini hasil yang paling baik yang sebenarnya; membatas, memerun dan membakar untuk bertanam halia itu satu batas yang panjangnya 30 kaki, lebar 4 kaki upahnya \$35.00. Tetapi hari ini oleh kerana adanya buruh daripada Indonesia ini daripada \$35.00 turun kepada \$15.00. Bagi mereka dapat \$15.00 satu hari kali sahaja \$1.00 — R400 kali \$15.00 — R6000, kali 30 sudah R180,000 satu bulan, hebat. Jadi, anak-anak muda kita sekarang ini terpaksa membahagikan rezekinya itu; ini pembahagian rezeki. Jadi, apabila timbul kepada pembahagian rezeki mahu tidak mahu daripada sekian ratus ribu buruh daripada Indonesia itu telah mencaplok, mencaplok ini kalau dalam bahasa kasarnya, telah menelan sebahagian daripada rezeki orang kita. Kalau ini berlaku lagi 5 tahun bagaimana, Tuarr Yang di-Pertua. Terbayang atau tidak di Tikiran kita kalau 5 tahun lagi berterusan seperti ini, kalau 10 tahun lagi berterusan seperti ini bagaimana gambaran depan kita. Suratkhbar semalam pula mengeluarkan berita mengatakan orang-orang politik mengambil kesempatan menandatangani surat sokongan di Pontian.

Saya rasa orang-orang politik tidak perlu menurunkan tandatangan, sebab mereka ini datang melalui Kukup, melalui Teluk Kerang, melalui Rimba Terjun, melalui Kayu Ara Pasung, melalui Rengit, Senggarang, Batu Pahat; Sungai Balang, Sungai Pulai, Muar; melalui Tanjung Bidara, melalui Kuala Sepang, melalui Kuala Langat, Kuala Selangor, Sungai Buluh.

Satu malam tiga sampan tersadai di pantai Morib, setiap satu sampan berisi 18-20 orang. Sudah ada teksi yang menunggu, teksi daripada Kuala Lumpur yang menunggu tetapi dia tidak tunggu di pantai Morib, dia tunggu di Tanjung Sepat. Ertinya kemasukan orang ini sudah diatur rapi, datanglah apabila 'air pasang keling'. 'Air pasang keling', minta maaf, ertinya air pasang besar. Apabila air pasang keling air akan sampai ke tepi kampung. Maka sampan atau motor yang menggunakan enjin

kecil dia boleh sampai terus ke tepi kampung, teksi sudah tunggu 5 buah di tepi jalan, ertinya sudah diatur, kalau tidak takkan teksi Kuala Lumpur sampai ke Tanjung Sepat menunggu kedatangan orang ini. Jadi sindiket ini, apakah Menteri Dalam Negeri sedar akan hal ini?

Kita tidak boleh salahkan orang yang datang, orang yang datang ke mari mahu cari makan dan mereka datang tidak bawa senjata. Tetapi saya takut lama-lama nanti mereka boleh buat senjata dan bukan sedikit peristiwa-peristiwa yang melibatkan, sungguhpun kalau dikira peratusnya barangkali 1-2% daripada jumlah mereka yang sekian puluh, sekian ratus ribu itu, jumlahnya amat kecil, peratusnya amat kecil tetapi ini juga adalah menimbulkan masalah kepada ketenteraman orang ramai, ketenteraman rakyat kita.

Satu masalah apabila mereka ini masuk, hari ini mereka masuk tidak membawa apa-apa surat keterangan sah, dapatlah ditangkap dan dihantarlah. Setelah ditangkap dihantar untuk pulang, tetapi dua minggu kemudian mereka akan datang semula dan membawa surat keterangan yang sah. Apabila mereka membawa surat keterangan yang sah, maka mereka pun pergilah ke Pejabat Pendaftaran kita di daerah-daerah. Maka beberapa bulan kemudian mereka pun mendapatlah kad pengenalan merah. Apabila mereka dapat kad pengenalan merah ini, masa Allah, diciumnya kad itu, tunduk tiga kali, kalau ada Gudang Garam tiga bungkus pun terus ditaruh di atas meja — "Terima kasih Pak, nyawa saya bersambung, bertambah panjang.

Tuan Yang di-Pertua, penapisan masalah yang saya minta di sini supaya mereka ini ditapis. Di Indonesia sekarang ini yang saya tahu ada satu gerakan di sana kepada golongan orang-orang jahat ini "jumpa, tembak, mati", maka bergelimpang mayat di Jakarta, di Senayang, di Angkol. Orang-orang samseng di sana tak perlu lagi — "tembak, mati". Jadi saya takut ada di antara mereka ini yang memang orang jahat, jahat dalam istilah masyarakat, masuk ke mari. Apabila masuk ke mari mereka hidup begitu baik, lumayan yaog tujuannya mahu bekerja di ladang-ladang, yang tujuannya mahu bekerja di tempat-lempat pembinaan tetapi kesudahannya mereka buka warung.

Selepas buka warung nanti mereka akan jadi taukeh, selepas jadi taukeh dia akan bawa keluarganya, mereka pun ramai. Apabila ramai, mereka duduk di kawasan setinggan.

Di Kuala Lumpur ini ada dua kawasan setinggan yang sudah dikuasai oleh mereka ini dan mereka bercakap: "Apa pemerintah Malaysia tolong kami, apa pemerintah buat kepada kami, air tidak ada, elektrik tidak ada, apa pun tidak ada." Sudah datang satu semangat mahu menentang Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, penapisan. Jadi kalau treaty yang dimeterai di Medan itu benar-benar dilaksanakan oleh Kerajaan. Maka penapisan pengambilan ini hendaklah difikirkan. Mereka ini berada di luar bandar, di luar bandar kita tahu kampung, kampung kita ini kalau ada kaum Cina, kalau ada kaum India, kalau ada kaum Melayu, masalah agama tidak jadi masalah, sebab kita tahu orang-orang Cina di Malaysia ini yang taat kepada Malaysia, orang India yang taat kepada Malaysia, yang mahu hidup mati di sini, mereka tahu kalau ada orang Melayu, soal agama jangan diusik-usik. Tetapi berlaku di Kuala Langat di satu kampung namanya Kampung Indah, pendatang ini duduk di warung mengatakan bahawa yang haram itu 'celeng' sama 'asu'. 'Celeng' ini babi, 'asu' itu anjing. Ini saya gunakan bahasa dia. "Yang haram itu 'celeng' sama 'asu' Pak, tetapi buntutnya boleh dibuat sop." Sebab kita suka makan sop buntut lembu, sop ekor lembu, mereka mengatakan bahawa buntut 'celeng' sama buntut 'asu' tulang 'celeng' sama tulang 'asu' itu halal. Geger pula, erti 'geger' itu heboh, Tuan Yang di-Pertua, di satu kampung bernama Kampung Indah, satu batu daripada Morib.

Apabila kita kaji, kita siasat bahawa mereka ini tidak seagama dengan penduduk di situ. Mereka cuba membawa satu pergolakan, akan timbullah satu perselisihan. Jadi bila dapat dikesan begitu maka anak-anak muda kita pun timbullah satu perasaan "Kalau macam ini main hentam sahaja yang senang!". Jadi serupa!/? Kainnya juga macam kita, bajunya juga macam kita, songkoknya juga macam kita tetapi apabila mengeluarkan kata bahawa buntut 'celeng' sama buntut 'asu' tadi dibuat sop halal, ini sudah berat sedikit!

Jadi saya minta kepada Kementerian Dalam Negeri di dalam masalah ini supaya benar-benar dapat mengawasi, supaya masalah ini tidak akan berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada masalah petani tadi kerana di dalam Belanja Tambahan yang diminta ini saya tengok ada di situ dalam sektor ekonominya dipecahkan kepada Kementerian Pertanian. Kita masih membawa masuk barang-barang daripada luar negeri. Kopi misalnya, pada tahun 1980 — \$60.8 juta; tahun 1981 — \$73.2 juta; tahun 1982 — \$82.06 juta kopi. Semua orang suka minum kopi. Kalau kita memerlukan belanja begitu banyak, wang dikeluarkan untuk membeli kopi sahaja \$82 juta, mengapa di dalam negara kita ini banyak penanam-penanam kopi kita tetapi hidupnya tidak sebegitu mewah, Sehingga sekarang banyak orang tebang pokok kopi, tanam ganti kelapa sawit sedangkan pokok kopi ini boleh ditanam di bawah pokok kelapa biasa, tetapi oleh kerana nilai atau harga kopi ini tidak seimbang dengan tenaga yang dikeluarkan, berkebun kopi amat sulit, pokok perlu dijaga, rumput perlu ditajak, tunas perlu dipotong, dahan yang bercabang-cabang perlu dikelar supaya pokok rendah mengeluarkan buah yang banyak. Tetapi apabila dibandingkan dengan penghasilan kelapa sawit lebih baik maka orang rela tebang kopi, tanam kelapa sawit.

Kita dengar pula Menteri Perusahaan utama menyatakan bahawa masalah kelapa sawit ini sudah timbul pula berbagai-bagai masalah. Jadi kita tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu berlaku seperti 15 tahun dahulu apabila getah naik harga, orang kampung tebang kelapa, tanam getah; getah turun harga, tebang gelah tanam kelapa; kelapajatu harga, tebang kelapa, tanam kelapa sawit; besok kelapa sawit jatuh harga, tebang semuanya — hendak tanam apa lagi, umur pun sudah 60 tahun.

Jadi kalau tiga kali tebang hendak menunggu hasil yang baik umur sudah 60 tahun, anak muda sudah tidak ada, hendak tebang juga perlu kepada tenaga buruh tani. Apabila hendakkan tenaga buruh tani, datanglah mereka, datang bekerja dengan gaji yang murah, dengan makan secara percuma, kontrak 2 tahun, 3

tahun. Kemudian kita masih memerlukan kopi sebanyak \$82 juta itu sedangkan di kampung-kampung dalam negara kita ini, di Johor, di sebelah pantai barat Johor, di sebelah pantai barat Negeri Sembilan, di sebelah Port Dickson, Sepang membawa terus ke Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Bagan Datok, kebun kopi dan kalau kita buka buku FAMA di sana ada gambar buah kopi yang besar-besar, yang cantik-cantik. Kopi juga merupakan hasil pendapatan yang baik.

Tetapi mengapa hasil kopi ini masih belum menjamin penanaman-penanam kopi dalam negara kita. Kalau pokok-pokok kopi yang ada dalam negara kita ini benar-benar diawasi, diberi nasihat yang sebaik-baiknya, agensi kita ada, MARDI misalnya boleh memberi nasihat kepada mereka, apa yang patut kita buat kopi kita. Ada pula kopi kita ini dikategorikan kepada kopi Bali, kopi Bali ini buahnya kecil-kecil; ada dikelaskan kepada kopi Bangladesh. Saya pun tidak tahu adakah di Bangladesh kebun kopi. Kopi Bangladesh ini besar-besar, buahnya sedikit.

Kalau maknanya ini boleh memberi kepada kaum tani yang menanam kopi ini dengan benih kopi yang established, memang betul-betul kopi yang lazat yang 100% kopi yang boleh mendatangkan hasil yang baik, tidak payah kita mengimport sebanyak \$82 juta kopi pada tahun 1982. Tahun 1983 saya tidak jumpa lagi kira-kira, tahun 1984 mungkin sudah sampai kepada \$90 juta lebih. Sebab pada tahun 1982 sahaja negara terpaksa membelanjakan \$836 juta untuk mengimport barang-barang kopi, teh, beras, tepung gandum, jagung, kacang tanah, kacang hijau, kacang soya, epal dan limau.

Sebenarnya tanah kita ini subur, bukit bukau kita kalau diianam dengan tanaman yang tidak boleh ditanam di tanah pamah, boleh ditanam di bukit-bukit, di tanah-tanah pamah kita yang dikatakan tanah terbiar yang sekian ratus ribu hektar, puluh ribu hektar itu, ini yang dikatakan kita minta supaya penswastan di dalam bidang pertanian ini dapat dilancarkan dengan segera. Orang kampung yang mempunyai tanah yang tidak mampu mengusahakan sendiri, sungguhpun kita ada Bank

Pertanian, kita ada bantuan pinjaman pertanian, tetapi masalah di hadapan kita tanah terbiar terus terbiar. Kadang-kadang kita lihat pula di dalam pada itu buah-buahan di dalam negara kita ini yang dibawa ke luar negeri kalau kita bandingkan dengan duit kita membeli buah-buah daripada luar negeri lebih daripada \$50 juta. Dalam negeri kita ini ada buah langsung, kita jual ke luar pada tahun 1979 - \$0.08 juta, agaknya \$80,000; tahun 1980 - \$0.05 juta; pada tahun 1981 - \$0.23 juta, bermakna \$230,000 langsung. Tembikai - tahun 1981 - \$2,450,000; betik - \$1,150,000; belimbing kita pun laku, buah mata kucing kita laku, mangga kita laku, manggis kita - \$0.37 juta, rambutan kita \$0.19 juta; durian kita \$14 juta, nenas \$2.3 juta, pisang \$4.3 juta, ini yang Jepun minta pisang kita. Ertinya kalau ini dimodenkan, kalau ini diperbaguskan lagi pada tahun 1981 kita menjual buah-buahan kita ini berjumlah \$26.29 juta, kalau ini boleh digandakan menjadi \$60 juta, maka petani-petani kita akan mendapat imbuhan hasil yang lebih baik. Maka datanglah kesedaran bahawa rupanya ditanam dengan pisang ini boleh menambahkan hasil, ditanam belimbing, ditanam betik itu tidak boleh menjadi taukeh.

Sekarang ini masalahnya orang tengah. Memang, di mana pun kita tidak boleh hendak menghapuskan orang tengah 100%, peranan orang tengah dalam penghidupan jual beli perlu. Tetapi orang tengah yang menjadi lintah darat, orang tengah yang mencekek petani-petani tadi, maka itulah kita tubuhkan dahulu FAMA, satu badan yang memasarkan hasil pertanian. Adakah FAMA ini yang sebenarnya sekarang ini dapat mencapai kepada fungsi dan matlamat yang sebenarnya hendak menolong petani-petani. Saya tengok dan saya lihat sendiri di tempat saya di Kuala Langat ada satu pusat FAMA untuk membeli kopi daripada pekebun-pekebun kecil. Kemudian di sekitar Kuala Langat itu sendiri orang tengah yang mempunyai mesin memproses kopi yang mempunyai laman tempat jemur kopi, kalau tidak salah saya hampir 30, FAMA salah saya hampir 30, FAMA hanya satu. Jadi apabila kita bertanya kepada FAMA, FAMA kata FAMA tidak menjamin membeli dengan harga yang tinggi, FAMA hanya sekadar untuk bertahan. Kalau orang tengah ada satu masa dia boleh

beli kopi dengan harga yang lebih, maka tuan-tuan boleh jual kepada orang tengah. FAMA hanya mempertahankan harga. Kalau FAMA hanya mempertahankan harga, saya rasa ada lebih baik dikeluarkan satu surat pekeliling. Siapa yang membeli kopi di bawah \$2.30 satu kilo, tangkap. Orang akan beli lebih daripada \$2.30 satu kilo.

Sayur-sayuran begitu juga, saya tengok sendiri di tempat saya itu, sayur keluar berpuluh-puluh pikul setiap hari, dijual kepada orang tengah dengan harga yang begitu rendah. Kita semua membeli sayur kacang panjang di pasar barangkali hari ini satu kilo \$1.20, \$1.00 tetapi di Kampung Indah tempat mengeluarkan kacang panjang itu dibeli satu kilo dengan harga 38 sen. Macam mana anak-anak muda kita hendak mengusahakan kerja-kerja tani yang boleh menjamin penghidupannya. Mereka di sini merasa tertekan. Kalau mereka merasa di sini tertekan, mereka mencari jalan keluar yang paling senang pergi ke bandar bekerja dengan kontrak, pergi ke bandar berniaga kecil-kecilan, buka warong. Jadi masalah pula warong itu kepada Datuk Bandar, kepada Menteri Wilayah Persekutuan kita, terpaksa hendak dikemaskan dan sekarang ini buka pula pasar tani. Semua kaum tani yang ada di sekitar Lembah Kelang ini kumpul hasil pertaniannya di satu tempat, satu hari sahaja, berniaga 8 jam. Yang sebenarnya pasar minggu di seluruh negara ini sudah merupakan pasar malam.

Di Kuala Langat tempat saya tiap-tiap kampung ada pasar malam seminggu sekali untuk kaum tani menjual hasil pertaniannya. Kalau sekarang diperhebatkan dengan pasar tani, dahulu dibuatkan rumah sejuk tempat simpan sayur-sayuran. Ini saya teringat masa Menteri Pertanian dahulu Tan Sri Shariff Ahmad, buat runiah sejuk, siapa tanam kobis tidak laku masuk peti sejuk, siapa tanam terong tidak laku masuk peti sejuk, siapa tanam sawi tidak laku masuk peti sejuk. Apakah fungsi peti sejuk yang dibuat oleh Jabatan Perlanian atau Kementerian Pertanian ini benar-benar dapat menolong kaum tani, sebab sayur ini bagi orang Melayu kalau ditanam sayur dia tidak sampai jadi taukeh. Dia menanam sayur untuk makan. Jadi kesudahannya maka peti sejuk yang dibina atau rumah peti sejuk yang dibina tadi itu

tidak mendatangkan fungsi yang baik sedangkan belanjanya berpuluh-puluh ribu. Orang kampung tengok, mereka kata Kerajaan membazir. Pada orang kampung, membuat satu rumah diadakan hawa dingin di dalamnya untuk menyimpan sayur, orang kampung kata projek mewah. Kemudian kita dengar baru-baru ini Yang Berhormat saudara Anwar Ibrahim menyebut masalah projek mewah. Misalnya di Selangor ini sebut sahaja Kelab Shah Alam dengan Masjid Besar yang baru dibuat di Shah Alam, dengan pintu gerbang Kota Darul Ihsan di lebuh raya Kelang/Kuala Lumpur.

Saya terpaksa sebutkan masalah projek mewah ini. Sekarang orang terikut-ikut di kampung. Di kampung orang tercakap-cakap. Semua orang bercakap, inilah Kerajaan buat banyak sangat projek mewah, inilah Kerajaan membazir, inilah Kerajaan buat projek yang menguntungkan satu dua orang, maka Pembangkang menggunakan ini. Saya katakan satu parti Pembangkang di dalam satu perjumpaan yang dikatakan "Ijtimak al-mustat afin" — menentang kezaliman, baru dibuat ditempat saya di Kuala Langat, di Kampung Medan. "Saudara-saudara Hhat, bahawa Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Mahathir-Musa ini adalah satu Kerajaan yang membazir, membuat projek-projek mewah yang tidak mendatangkan kemanfaatan kepada rakyat saudara-saudara. Siapa mereka yang membazir ini? Al-Quran menyebutkan: "Mereka yang membazir ini adalah saudara Syaitan saudara-saudara". Apakah kita akan terus berketuakan Syaitan-syaitan ini saudara-saudara. Hebat, Tuan Yang di-Pertua, terangkai serban orang kampung dibuatnya. Jadi kita hendak, yang saya hendak ini supaya kalimah yang dikatakan projek mewah ini jangan disebutkan begitu sahaja, tunjukkan betul-betul mana dia projek mewah.

Katakanlah hendak buat satu kilang tempat menapis minyak di Melaka itu kerana mewah belanjanya beribu-ribu juta ringgit kita berhentikan dahulu. Hendak membuat landasan keretapi daripada Pantai Barat ke Pantai Timur kerana ini projek mewah, kita tangguhkan dahulu demi kepentingan rakyat, tidak kita buang-buang wang, macam itu dan contoh-contoh yang lain. Jadi rakyat berfikir, "Oh! Kerajaan bertimbang rasa sekarang ini, projek yang

mewah dan mahal diberhentikan dahulu sehingga keadaan ekonomi negara mengizinkan, baru kita buat." Sekarang tidak diterangkan. Cuma Ketua Pemuda UMNO kata projek mewah. Ini diambil oleh Pembangkang menjalankan kempen di kampung-kampung, "Kerajaan kita melaksanakan projek mewah yang tidak mendatangkan faedah kepada rakyat. Apakah kita akan terus menyokong Kerajaan yang seperti ini, Allahu Akbar!" disambut dengan Allahu Akhbar — bergegar.

Saya rasa pilihanraya tidak lama. Itu saya rasa. Pilihanraya tidak lama lagi. Ini kita kena betulkan. Jadi media massa seperti Jabatan Penerangan, RTM,--kena cakap, kena terang, kita sekarang tidak boleh hendak selindung-selindung dengan rakyat, rakyat sekarang bukan rakyat macam kita dahulu sekolah atap, sekarang STPM bersepah. STPM di kampung-kampung yang dapat 2 Principles ini bersepah di kampung-kampung. Tengok sahaja yang tidak dapat masuk ke universiti tahun ini sahaja 18,000. Ertinya 18,000 ada penganggur STPM. Orang ini baca surat khabar hari-hari, orang ini bercakap hari-hari, orang ini berbincang hari-hari, apa hendak jadi dengan negara kita ini, projek mewah, buktinya Anwar cakap: Kalau Anwar tidak cakap, orang tidak tahu. Jadi kita kena betulkan penerimaan orang kampung. Radio, TV perlu membetulkan ini di dalam kempennya kepada masyarakat supaya projek mewah yang diheboh-hebohkan oleh Pembangkang itu tidak akan terus digunakan oleh mereka untuk mendakyahkan, membuat dakyah, mempengaruhi jiwa rakyat membenci Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada situ kita memikirkan, daripada situ saya merenung sekarang ini Kerajaan membekukan pengambilan jawatan-jawatan, kecuali jawatan-jawatan yang tertentu sahaja dalam Kumpulan A dan B. Kita sedar kerana kita mempunyai 800,000 orangkakitangan Kerajaan dalam Perkhidmatan Awam. Sudah tinggi, kalau dibandingkan dengan Indonesia 140 juta penduduk, kakitangan dalam Perkhidmatan Awam hanya 2 juta. Kita ada 14 juta penduduk, 800,000 orang kakitangan Kerajaan. Satu fail untuk mernohon sekeping tanah dua ekar — tanah TOL, yang mengusung fail itu 12 orang. Pergi ke Pejabat Tanah buat tracing dahulu, masuk fail, dapat

kad putih daripada kerani yang menerima itu, pergi ke Jabatan-jabatan teknikal sehingga hendak mendapat jawapan lulus atau tidaknya 12 orang mengusung satu fail. Itu pun memakan masa sampai 15-20 tahun. Mana cekapnya. Mana yang dikatakan, "menambahkan daya pengeluaran productivity" supaya cepat-cepat seperti minyak yang ada di Kerteh sana memancut-mancut.

Sepatutnya fail yang terbenam ini memancut-mancutlah keluaranya. Jadi rakyat dapat jawapan sama ada lulus atau tidak lulus, cepat dapat, senang memikir. Ini tertunggu-tunggu. Minta tanah 2 ekar 15 tahun, 20 tahun, 30 tahun di Padang Senai dekat Padang Terap. Di Padang Senai, Padang Terap 30 tahun orang menunggu minta tanah. 12 orang usung satu fail. Kesudahannya tali fail entah ke manah, kulit fail entah ke manah, memo dalam fail itupun tidak ada dah, 6 D.O. (Pegawai Daerah) Padang Terap, satu kampung minta tanah, 30 tahun! PAS terpaksa menggunakan isu itu dalam kempen pilihanraya, "hendak tunggu apa saudara-saudara, 30 tahun menunggu satu relung tanah pun tak mai, buat apa; kita tumbangkan sahaja Kerajaan melaun ini." Takkan bergema kita dibuatnya.

Jadi apabila kita memikirkan ke situ masalah menunggu minta tanah 10-15 tahun ini sudah jadi perkara biasa. Masa Allahyarham Tun Abdul Razak dahulu kata buang red-tape. Cepat. Rakyat yang minta itu dapat tidak dapat, jawab cepat.

Jadi hari ini katalah seorang Wakil Rakyat meluluskan satu peruntukan yang diminta oleh anak buahnya, oleh pengundinya; "saya luluskan permohonan tuan-tuan untuk membuat sebatang jambatan ataupun titi, kata orang Kedah". Di Kedah ini jambatan macam mana panjang pun dia kata titi. Kalau di sini, titi itu batang pinang dua batang atau beruti itu dipanggil titi, yang lain itu jambatan. 'Permohonan tuan-tuan minta jambatan itu, saya luluskan dengan peruntukan \$4,000." Orang bertepuk. 200 orang penuh di balairaya.

Wakil Rakyat meluluskan atau Wakil Rakyat yang jadi Menteri, balik ke kawasan pun meluluskan. Tetapi, jambatan yang sepanjang

16 kaki selebar 6 kaki boleh masuk kereta yang kecil; orang kampung kata kalau ambulan boleh masuk, cukuplah Yang Berhormat; asalkan ada orang yang terdesak hendak beranak tidak keluar ini, ambulan boleh sampai. Itu sahaja orang kampung minta.

Mereka tidak minta kereta fire brigade masuk. Ambulan boleh masuk, sudahlah. Jadi kalau ambulan boleh masuk, teksi pun boleh masuk, perebet sapu pun boleh masuk. Itu tujuannya. Yang nombor satu sekali perebet sapu boleh keluar masuk. 2 tahun hendak menunggu jambatan yang peruntukannya \$4,000 tadi 2 tahun. Sehingga 2 kali mesyuarat, Wakil Rakyat datang lagi "Eh, saya sudah luluskan, tunggulah indent keluar." Hendak menyain indent itu dua tahun, sedangkan itu adalah peruntukan Wakil Rakyat. Yang Wakil Rakyat sudah luluskan tetapi sampai kepada Bahagian Pembangunan Masyarakat di Pejabat Daerah hendak luluskan indent itu 2 tahun. Sudah datang peruntukkan baru, peruntukkan sudah habis pun. Minta mikrofon begitu juga. Surau dan mesjid minta mikrofon, harganya \$700-\$800 bukannya mahal sangat alat pembesar suara untuk mesjid dan surau itu, memakan masa sampai satu tahun lebih. "Oh! tidak boleh beli di kedai A, kerana ini sudah ada quotation, sudah ditenderkan, sudah ada pembekal yang tertentu, tuan kena tunggu dia." Kita pun cuba telefon kepadanya, "Oh, barang kami tak ada lagi, tuan boleh cari kedai luar yang sama dengan barang kami, nanti kami beri cop." "Oh! tidak boleh, Encik tidak boleh beli kedai sana." Rupanya dia ada kontek sana. Kalau setiap satu mikrofon \$20.00.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung ucapan pada hari esok.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri mencadangkan di bawah Peraturan Mesyuarat 15(3) supaya mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 15(3) Dewan ini ditangguhkan sebarang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN PENANGGUHAN

#### Kemiskinan di Desa

6.31 prg.

**Tuan Abu Bakar Lajim:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk membawa pandangan serta perhatian Dewan terhadap masalah kemiskinan di desa yang saya rasa patut diatasi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Laporan Separoh Penggal Rancangan Malaysia Keempat menganggarkan 30.3% daripada 24 juta keluarga negara ini adalah dari golongan miskin. Pada tahun 1980 kadar kemiskinan adalah kira-kira 29%, perbandingan kadar ini menunjukkan bahawa kemiskinan masih wujud di negara ini.

Kita terlebih dahulu perlu memahami keadaan yang dikatakan miskin itu. Beberapa sarjana barat dan timur hampir sekata mendefinisikan kemiskinan sebagai ketidakseimbangan dalam pengagihan beberapa jenis sumber seperti pendapatan, asset, modal, manfaat dan perkhidmatan. Sarjana di Malaysia pula mengutarakan bahawa kemiskinan wujud apakala:

Pertama, ada kekurangan mendapatkan keperluan asas iaitu makanan, perumahan pakaian dan kemudahan-kemudahan sosial, seperti air, elektrik, hospital serta sekolah.

Kedua, dari segi ekonomi keadaan ini timbul kerana ketiadaan atau kekurangan kemampuan disebabkan oleh tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah.

Ketiga, dari segi sosial golongan yang dikatakan miskin itu menduduki lapisan paling bawah dalam sistem susun lapis masyarakat. Untuk mendapatkan gambaran yang jelas bagaimana penduduk-penduduk desa menghadapi kemiskinan, saya ingin menumpukan perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini kepada keadaan hidup disalah sebuah kampung di negara ini. Faktor-faktor yang saya nyatakan ini berdasarkan kepada satu kajian, kajiselidik yang dijalankan di kampung tersebut. Saya mulakan dengan kemiskinan makanan yang berkhasiat di kampung tersebut. Dari mereka yang ditemuduga didapati sebilangan besar di antara mereka jarang sekali membeli daging. Ada di antara mereka yang hanya membeli \$2 nilai daging yang dilakukan dalam masa 3-4 bulan sekali. Ramai di antara mereka berupaya membeli daging ketika menyambut hari raya. Dalam hal minuman pula tidak ada seorang pun yang ditemuduga itu menyatakan mereka mampu untuk membeli minuman Nescafe, Milo, Ovaltine atau Horlicks, malahan makanan dalam tin seperti jem, mentega dan buah-buahan dalam tin adalah makanan yang asing bagi mereka. Jika keadaan ini dibandingkan dengan di bandar ianya amat ketara sekali.

Dari aspek perumahan pula 88% dari mereka yang ditemuduga memiliki rumah yang kurang dari bernilai \$5,000 dan kebanyakan kediaman tersebut berada dalam keadaan yang amat usang. Ada di antaranya berbentuk pondok sahaja kerana saiznya kecil dan bentuknya tidak sempurna. Apa yang saya maksudkan di sini adalah rumah-rumah tersebut sudah robek dan lantai serta bumbungnya berlubang-lubang, bumbung rumahnya dibuat dari atap rumbia, banyak yang sudah bocor dan ditembusi air apabila hujan. Kampung ini juga masih belum mempunyai kemudahan jalanraya, bekalan air, dan bekalan elektrik. Seramai 97.6% penduduk yang ditemuduga masih menggunakan pelita minyak tanah dan kesemuanya menggunakan air sungai atau air perigi untuk tujuan minuman dan keperluan lain.



Dari segi pendedahan kepada pelajaran pula hampir 50% tidak pernah menerima pendidikan secara formal, data ini memperlihatkan pendedahan pelajaran di kalangan mereka amat rendah sekali.

Menyentuh berkenaan perubatan, saya ingin beralih kepada peringkat negeri-negeri pula dan untuk ini, saya telah memilih 2 negeri, iaitu negeri Kelantan untuk luar bandar dan Wilayah Persekutuan untuk bandar. Dari perangkaan yang saya dapati di negeri Kelantan bilangan doktor Kerajaan dan swasta ialah 147 orang sementara penduduknya dalam tahun 1984 berjumlah 990,317 orang. Dengan ini bermakna khidmat kesihatan yang holeh diberikan bagi setiap doktor ialah 6,737 orang penduduk. Khidmat ini adalah mendukacitakan sekali apabila dibandingkan dengan yang berlaku di Wilayah Persekutuan di mana nisbah doktor dan penduduk ialah seorang bagi setiap 931 penduduk. Ternyata khidmat kesihatan bagi penduduk luar bandar amat berkurangan sekali untuk dirasai oleh penduduk-penduduk desa.

Dari segi ekonomi pula, saya ingin memba-wa perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat ke sebuah kampung tadi. Dari mereka yang dikaji selidik terdapat kira-kira 93.3% memperoleh kurang dari \$300 sebulan. Pendapatan yang amat rendah ini ternyata meletakkan mereka dalam golongan di bawah garis kemiskinan sepertimana yang dianggarkan oleh SERU iaitu sesiapa yang berpendapatan kurang dari \$384 sebulan tergolong dalam garisan kemiskinan. Sementara itu majoriti mereka yang ditemui bekerja di atas tanah yang disewa atau pawah, gadai. Hasil yang diperolehi dari aktiviti pertanian, mereka ini terpaksa dibahagikan dua dengan tuan tanah. Ada di antara mereka hanya mendapat \$5 sehari dan apabila ini dibahagi dua mereka hanya mendapat \$2.50, cukup untuk hidup mereka dihari itu sahaja. Kesempitan hidup ini tidak ubah seperti: Kais pagi makan pagi; kais petang makan petang. Kajian ini juga mendapati bahawa kemiskinan dari aspek keperluan asas dan ekonomi telah mempengaruhi kemiskinan dari aspek bukan ekonomi, mereka juga miskin dari segi cita-cita untuk berdiri sendiri dan masa depan anak-anak mereka. Sebagai contoh tiada seorang pun penduduk di kampung itu yang bekerja

dengan Kerajaan atau berpangkat yang boleh menjadi contoh atau tauladan kepada yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat, di sini saya ingin menyeru kepada Kerajaan.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 15(3) masa untuk Yang Berhormat berucap sudahpun habis, tetapi saya membenarkan Yang Berhormat untuk menyambung sedikit. Dipersilakan.

**Tuan Abu Bakar Lajim:** Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Di sini saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya memberi perhatian terhadap masalah kemiskinan desa kerana ramai di antara penduduk-penduduk di kawasan ini amat memerlukan bantuan Kerajaan.

Oleh itu, saya mengesyorkan bahawa Kerajaan patut menumpukan usaha untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas di luar-luar bandar yang masih terbiar seperti menyediakan jalanraya, sekolah, klinik, bekalan air dan elektrik serta menggalakkan peningkatan pekerjaan di desa seperti penubuhan kilang-kilang dan sebagainya. Oleh kerana masa tersekat, walau bagaimanapun membasmi kemiskinan telah menjadi janji utama Kerajaan, tetapi janji ini lebih sukar dipenuhi. Sekarang golongan petani miskin semakin membesar sementara penekanan Kerajaan dalam sektor perindustrian, lebih-lebih lagi pertumbuhan kadar ekonomi sedang mengalami kelembapan dan kewangan negara tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan sektor pertanian.

Saya juga akui tidak semua cadangan saya itu boleh melepaskan penduduk-penduduk desa dari belenggu kemiskinan, tetapi kita di Dewan yang mulia ini hendaklah sentiasa mencari jalan dan berusaha untuk membebaskan lebih 30% dari jumlah keluarga di negara ini dari kemiskinan yang telah lama mencengkam mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri dipersilakan menjawab.

6.40 *ptg.*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang dipertua, kemiskinan di Malaysia adalah lebih bercorak relatif dan berkait rapat dengan agihan pendapatan dalam negara serta mutu dan banyaknya perkhidmatan-perkhidmatan awam yang dinikmati oleh rakyat.

Di bawah rangkai rancangan jangka panjang 1971-1990, matlamat Dasar Ekonomi Baru bagi pembasmian kemiskinan telah ditetapkan sebanyak 16.7% dalam tahun 1990. Ini bermakna bahawa kemiskinan akan wujud sungguhpun matlamat 16.7% menjelang tahun 1990 tercapai. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan di sini bahawa bentuk kemiskinan yang paling keterlaluan, iaitu keadaan kelaparan, kebuluran dan tempat tinggal yang tidak memuaskan seperti yang terdapat di setengah-setengah negara membangun tidak wujud di Malaysia. Beberapa kumpulan miskin yang utama telah dikenalpasti, iaitu isi rumah yang bergantung ke atas pengeluaran getah seperti pekebun-pekebun kecil getah dan pekerja-pekerja estet, penanam-penanam padi dan nelayan. Kedudukan sosio-ekonomi pekebun-pekebun kecil getah dan pekerja-pekerja estet dipengaruhi oleh harga-harga barangan utama seperti getah asli yang kerap turun naik. Di samping itu, terdapat halangan-halangan berhubung dengan struktur saiz kebun yang kecil dan tidak ekonomik yang menyebabkan usaha-usaha untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran pekebun-pekebun kecil getah terjejas.

Bagi penanam-penanam padi, masalah struktur penanaman padi seperti daya pengeluaran padi yang rendah berbanding dengan tanamantanaman lain dan saiz sawah yang kecil telah menjejaskan kedudukan sosio ekonomi mereka.

Bagi kaum nelayan pula, sumber-sumber laut di kawasan perairan pantai yang semakin berkurangan tidak dapat menyediakan punca pencarian yang secukupnya kepada semua nelayan. Usaha-usaha telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan penduduk-penduduk luar bandar. Berbagai program dan projek dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan

melalui daya pengeluaran dan penyediaan peluang-peluang pekerjaan di sektor moden.

Berhubung dengan pendapat Yang Berhormat Senator tadi bahawa Malaysia bergantung kepada barang-barang makanan yang diimport dengan bertambahnya penduduk negara menjelang tahun 2001, ini adalah benar kerana pada masa ini negara memang banyak mengimport barang-barang makanan, ia terdiri terutamanya daripada barang-barang yang tidak dapat dikeluarkan di Malaysia, iaitu seperti kentang, gandum, barli, buah-buah dan sayur-sayuran temperate serta juga bahan-bahan makanan yang mempunyai kos pengeluaran yang mahal di Malaysia seperti jagung, bawang dan cili kering. Usaha-usaha akan terus dibuat bagi mengurangkan kos pengeluaran bahan-bahan yang banyak diimport melalui gabungan bidang-bidang penyelidikan, cara penanaman berskel besar dan cekap yang dianggap sebagai syarat utama untuk bersaing dengan Import serta sistem galakan pemasaran dan pemerosesan.

Adalah benar bahawa satu daripada objektif-objektif Dasar Pertanian Negara ialah untuk mendapatkan kerjasama dan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan desa. Dalam hubungan ini perlu dinyatakan bahawa tujuan utama Kerajaan ialah supaya pihak swasta menumpukan pelaburan mereka kepada pengeluaran khususnya bahan-bahan makanan. Penglibatan sektor swasta boleh dipasti dan ditingkatkan jika 4 faktor asas, iaitu tanah, buruh, modal dan pengurusan dapat diwujudkan bersama secara berkesan. Kesukaran pihak swasta untuk memperolehi tanah adalah salah satu sebab utama penglibatan mereka boleh diragui. Usaha-usaha akan dicuba untuk membolehkan sektor swasta menyewa tanah-tanah yang tidak digunakan secara berkesan, seperti dalam pelaksanaan mini estet dan lain-lain cara yang dapat diterima oleh pihak tuan-tuan tanah dan pihak swasta.

Di samping itu, usaha untuk mendapatkan kerjasama Kerajaan Negeri supaya bersikap lebih liberal dalam pemberian tanah kepada pihak swasta akan dijalankan. Satu sistem insentif yang berkesan dan adil kepada semua pihak yang terlibat, termasuk Kerajaan Negeri, pihak swasta dan rakyat adalah sedang dikaji.

Kerajaan telah lama mengenalpasti bahawa mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti kesihatan, pelajaran dan kemudahan sosial adalah satu cara yang berkesan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Projek-projek kesihatan yang telah dijalankan termasuklah memperbaiki dan memperluaskan Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, Bekalan Air dan Program Amalan Makanan dan Pemakanan dan ini telah memperbaiki keadaan kesihatan di negara keseluruhannya.

Jangka hayat pada kelahiran telah bertambah baik, iaitu dari 58 tahun dalam tahun 1980 kepada 68.9 tahun dalam tahun 1985 untuk laki-laki dan daripada 72 tahun kepada 74.1 tahun bagi wanita. Beberapa program pelajaran dan latihan telah juga dijalankan, antara lain untuk membolehkan rakyat, khususnya di luar bandar melibatkan diri sepenuhnya dalam pembangunan negara. Program-program tersebut termasuklah penyediaan lebih banyak kemudahan pelajaran, penyediaan biasiswa dan pinjaman buku teks, peluang pelajaran dalam bidang sains, terutamanya kepada kanak-kanak luar bandar telah juga dipergiatkan. Bilangan murid-murid di sekolah sains berasrama penuh misalnya telah bertambah dari 18,400 dalam tahun 1980 kepada 25,900 dalam tahun 1985.

Selain daripada usaha-usaha meninggikan daya penguasaan secara berterusan dan melalui pengagihan perkhidmatan awam dan kemudahan sosial yang lebih baik, Kerajaan telah

sentiasa menekankan perlunya mengamalkan nilai-nilai progresif di kalangan rakyat luar bandar. Sifat-sifat seperti bekerja kuat, berdiskari, sikap berjimat cermat dan berusaha mencapai kesejahteraan telah terus dititikberatkan. Kerajaan akan terus menekankan tentang pentingnya mengamalkan sifat-sifat progresif, sesuai dengan kehendak negara yang sedang mengalami proses perindustrian dan pembangunan. Perhatian juga akan diberi kepada usaha-usaha untuk mengatasi sikap suka memenuhi keperluan semasa atau diketika yang genting sahaja. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yaiig Berhormat, sekarang saya kemukakan usul bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 15(3) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua :** Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Selasa, 30hb Julai, 1985.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.48. petang.*